

Bil. 75

**Rabu
15 November 2006**



MALAYSIA

**PENYATA RASMI PARLIMEN
DEWAN RAKYAT**

**PARLIMEN KESEBELAS
PENGKAL KETIGA
MESYUARAT KETIGA**

K A N D U N G A N

JAWAPAN-JAWAPAN LISAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN	(Halaman 1)
USUL MENANGGUHKAN MESYUARAT DI BAWAH P.M 18(1):	
Bahasa Inggeris Dalam Mata Pelajaran Sains dan Matematik di Sekolah Rendah - <i>Y.B. Tuan Chong Chieng Jen (Bandar Kuching)</i>	(Halaman 23)
RANG UNDANG-UNDANG:	
Rang Undang-undang Perbekalan 2007	
<u>Jawatankuasa:</u>	
<u>Jadual</u>	
Maksud B.22	(Halaman 25)
Maksud B.23	(Halaman 46)
USUL:	
Anggaran Pembangunan 2007	
<u>Jawatankuasa:</u>	
Maksud P.22	(Halaman 25)
Maksud P.23	(Halaman 46)

AHLI-AHLI DEWAN RAKYAT

1. Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, Tan Sri Dato' Seri Diraja Ramli bin Ngah Talib, PSM., SPCM., AMN., JP. (Pasar Salak) - UMNO
2. “ Timbalan Yang di-Pertua, Datuk Lim Si Cheng, PJN., PIS. (Kulai) - MCA
3. “ Timbalan Yang di-Pertua, Datuk Dr. Yusof bin Yacob, PGDK., ADK. (Sipitang) - UMNO

MENTERI

1. Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, Menteri Kewangan dan Menteri Keselamatan Dalam Negeri, Dato' Seri Abdullah bin Haji Ahmad Badawi, S.P.M.S., S.S.S.J., S.P.S.A., S.S.A.P., S.P.D.K., D.P., S.P.N.S., D.G.P.N., D.S.S.A., D.M.P.N., D.J.N., K.M.N., A.M.N. (Kepala Batas) - UMNO
2. “ Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Pertahanan, Dato' Sri Mohd. Najib bin Tun Haji Abdul Razak, S.S.A.P., S.I.M.P., D.P.M.S., D.S.A.P., P.N.B.S., D.U.B.C.(T). (Pekan) - UMNO
3. Yang Berhormat Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Dato' Seri Ong Ka Ting, S.P.M.P., D.P.M.P. (Tanjong Piai) - MCA
4. “ Menteri Kerja Raya, Dato' Seri S. Samy Vellu, S.P.M.J., S.P.M.P., D.P.M.S., P.C.M., A.M.N. (Sungai Siput) - MIC
5. “ Menteri Tenaga, Air dan Komunikasi, Dato' Seri Dr. Lim Keng Yaik, S.P.M.P., D.G.P.N., D.P.C.M. (Beruas) - GERAKAN
6. “ Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Tan Sri Bernard Giluk Dompok, P.S.M., S.P.D.K. (Ranau) – UPKO
7. ” Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Dato' Sri Mohd. Effendi bin Norwawi - Senator
8. “ Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Dato' Seri Rafidah binti Abd. Aziz, S.P.M.T., S.P.M.P., D.P.M.S., A.M.N. (Kuala Kangsar) - UMNO
9. “ Menteri Luar Negeri, Datuk Seri Syed Hamid bin Syed Jaafar Albar, S.P.M.J., S.P.D.K., D.P.M.J., S.M.J., A.M.N. (Kota Tinggi) - UMNO
10. “ Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani, Tan Sri Dato' Haji Muhyiddin bin Haji Mohd. Yassin, P.S.M., S.P.M.J., S.M.J., P.I.S., B.S.I. (Pagoh) – UMNO
11. “ Menteri Penerangan, Datuk Seri Zainuddin bin Maidin (Merbok) – UMNO
12. “ Menteri Sumber Manusia, Datuk Seri Dr. Fong Chan Onn, D.C.S.M., D.M.S.M. (Alor Gajah) - MCA
13. “ Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz, S.P.M.P., D.M.S.M., A.M.P., B.K.T. (Padang Rengas) - UMNO
14. “ Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, Dato' Seri Mohd Radzi bin Sheikh Ahmad (Kangar) – UMNO
15. “ Menteri Pelajaran, Dato' Sri Hishammuddin bin Tun Hussein, S.I.M.P., D.S.A.P., D.P.M.J. (Sembrong) - UMNO
16. “ Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Warisan, Datuk Seri Utama Dr. Rais Yatim, S.J.M.K., S.P.N.S., D.S.N.S. (Jejebu) - UMNO
17. “ Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, Dato' Seri Hajah Shahrizat binti Abdul Jalil, D.G.P.N., D.I.M.P. (Lembah Pantai) – UMNO

18. Yang Berhormat Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi, Dato' Dr. Haji Jamaludin bin Dato' Mohd. Jarjis, S.I.M.P., D.I.M.P., S.A.P. (Rompin) - UMNO
19. " Menteri Pengangkutan, Dato' Sri Chan Kong Choy, P.N.B.S., S.S.A.P., D.S.A.P., D.P.M.S. (Selayang) – MCA.
20. " Menteri Kewangan Kedua, Tan Sri Nor Mohamed Yakcop - Senator
21. " Menteri Wilayah Persekutuan, Dato' Zulhasnan Rafique, D.I.M.P., A.M.N. (Setiawangsa) - UMNO
22. " Menteri Pelancongan, Datuk Seri Tengku Adnan bin Tengku Mansor (Putrajaya) - UMNO
23. " Menteri Perusahaan Perladangan dan Komoditi, Datuk Peter Chin Fah Kui, P.G.B.K., P.B.S., A.B.S. (Miri) – SUPP
24. " Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Datuk Mohd. Shafie bin Haji Apdal, D.S.A.P., P.G.D.K., D.M.S.M. (Semporna) - UMNO
25. " Menteri Pengajian Tinggi, Dato' Mustapa Mohamed (Jeli) - UMNO
26. " Menteri Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah, Dato' Abdul Aziz bin Shamsuddin, D.P.M.S., D.S.A.P., P.G.D.K., D.M.S.M., D.P.M.P., D.S.D.K. (Shah Alam) - UMNO
27. " Menteri Pembangunan Usahawan dan Koperasi, Dato' Seri Mohamed Khaled bin Nordin, D.S.P.N., S.M.J., P.I.S. (Pasir Gudang) - UMNO
28. " Menteri Sumber Asli dan Alam Sekitar, Dato' Seri Azmi bin Khalid, D.P.M.P., S.M.P., P.J.K. (Padang Besar) - UMNO
29. " Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Dr. Maximus Johnity Ongkili, A.S.D.K., J.P. (Kota Marudu) - PBS
30. " Menteri Kesihatan, Datuk Seri Dr. Chua Soi Lek (Labis) - MCA
31. " Menteri Belia dan Sukan, Datuk Azalina binti Othman Said (Pengerang) – UMNO
32. " Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Prof. Dato' Dr. Abdullah bin Md. Zin (Besut) - UMNO

TIMBALAN MENTERI

1. Yang Berhormat Timbalan Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani, Datuk Mah Siew Keong (Telok Intan) - GERAKAN
2. " Timbalan Menteri Pengangkutan, Datuk Douglas Uggah Embas (Betong) - PBB
3. " Timbalan Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, Datuk Tan Chai Ho, P.J.N., K.M.N., A.M.N. (Bandar Tun Razak) - MCA
4. " Timbalan Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, Datuk G. Palanivel, D.S.S.A., S.S.A., P.J.K. (Hulu Selangor) - MIC
5. " Timbalan Menteri Belia dan Sukan, Dato' Liow Tiong Lai (Bentong) - MCA
6. " Timbalan Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani, Dato' Seri Mohd. Shariff bin Omar, D.G.P.N., D.M.P.N., P.P.T. (Tasek Gelugor) – UMNO
7. " Timbalan Menteri Pertahanan, Dato' Zainal Abidin bin Zin, D.P.M.P., P.M.P. (Bagan Serai) - UMNO
8. " Timbalan Menteri Pengangkutan, Dato' Seri Tengku Azlan ibni Sultan Abu Bakar, S.P.T.J., D.S.A.S. (Jerantut) - UMNO

9. Yang Berhormat Timbalan Menteri Perusahaan Perladangan dan Komoditi, Datuk Anifah bin Haji Aman (Kimanis) - UMNO
10. “ Timbalan Menteri Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah, Datuk Dr. Tiki anak Lafe (Mas Gading) - SPDP
11. “ Timbalan Menteri Kewangan, Dato’ Dr. Ng Yen Yen, D.I.M.P., D.S.A.P. (Raub) - MCA
12. “ Timbalan Menteri Kesihatan, Datuk Dr. Abdul Latiff bin Ahmad (Mersing) - UMNO
13. “ Timbalan Menteri Pelajaran, Dato’ Hon Choon Kim (Seremban) - MCA
14. “ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk M. Kayveas, P.J.N. (Taiping) - PPP
15. “ Timbalan Menteri Penerangan, Datuk Ahmad Zahid bin Hamidi, D.M.S.M., P.P.T., P.J.K. (Bagan Datok) – UMNO
16. “ Timbalan Menteri Pengajian Tinggi, Datuk Ong Tee Keat, P.J.N., S.M.S. (Pandan) - MCA
17. “ Timbalan Menteri Penerangan, Tuan Chia Kwang Chye (Bukit Bendera) - GERAKAN
18. “ Timbalan Menteri Keselamatan Dalam Negeri, Datuk Fu Ah Kiow (Kuantan) - MCA
19. “ Timbalan Menteri Pembangunan Usahawan dan Koperasi, Dato’ Khamsiyah binti Yeop, P.P.T., A.M.N., A.M.P., P.M.P. (Lenggong) – UMNO
20. “ Timbalan Menteri Keselamatan Dalam Negeri, Dato’ Mohd. Johari bin Baharum (Kubang Pasu) - UMNO
21. “ Timbalan Menteri Sumber Asli dan Alam Sekitar, Dato’ S. G. Sothinathan (Telok Kemang) - MIC
22. “ Timbalan Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Dato’ S. Veerasingam, P.M.P., A.M.P, A.M.N. (Tapah) - MIC
23. “ Timbalan Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Warisan, Dato’ Wong Kam Hoong, K.M.N. (Bayan Baru) - MCA
24. “ Timbalan Menteri Pelajaran, Dato’ Haji Noh bin Haji Omar, D.P.M.S., D.M.S.M., K.M.N., A.S.A., P.J.K., J.P. (Tanjong Karang) - UMNO
25. “ Timbalan Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Dato’ Haji Ahmad Husni bin Mohd. Hanadzlah, P.P.T., A.M.P. (Tambun) - UMNO
26. “ Timbalan Menteri Pelancongan, Dato’ Donald Lim Siang Chai (Petaling Jaya Selatan) - MCA
27. “ Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Datuk Robert Lau Hoi Chew, J.B.S. (Sibu) - SUPP
28. “ Timbalan Menteri Luar Negeri, Dato’ Joseph Salang Gandum (Julau) - PBDS
29. “ Timbalan Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi, Dato’ Kong Cho Ha (Lumut) - MCA
30. “ Timbalan Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Tuan Ng Lip Yong (Batu) - GERAKAN
31. “ Timbalan Menteri Kerja Raya, Dato’ Ir. Mohd. Zin bin Mohamed, D.P.T.J., J.P. (Sepang) – UMNO

32. Yang Berhormat Timbalan Menteri Tenaga, Air dan Komunikasi, Dato' Shaziman bin Abu Mansor, A.N.S. (Tampin) – UMNO
33. “ Timbalan Menteri Wilayah Persekutuan, Datuk Wira Abu Seman Yusop (Masjid Tanah) - UMNO
34. “ Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Datuk Azizah binti Mohd. Dun (Beaufort) – UMNO
35. “ Timbalan Menteri Sumber Manusia, Datuk Abdul Rahman bin Bakar (Marang) - UMNO
36. “ Timbalan Menteri Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah, Dato' Zainal Abidin bin Osman (Nibong Tebal) - UMNO
37. “ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Tuan Joseph Entulu anak Belaun (Selangau) - PBDS
38. “ Timbalan Menteri Kewangan, Dato' Dr. Awang Adek bin Hussin (Bachok) – UMNO
39. “ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Dato' Haji Abdul Rahman bin Suliman - Senator

SETIAUSAHA PARLIMEN

1. Yang Berhormat Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri, Dato' Dr. Mashitah binti Ibrahim (Baling) - UMNO
2. “ Setiausaha Parlimen Kementerian Kewangan, Dato' Seri Dr. Hilmi bin Yahaya (Balik Pulau) - UMNO
3. “ Setiausaha Parlimen Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Dr S. Subramaniam (Segamat) - MIC
4. “ Setiausaha Parlimen Kementerian Kerja Raya, Dato' Yong Khoo Seng (Stampin) - SUPP
5. “ Setiausaha Parlimen Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Datin Paduka Dr. Tan Yee Kew (Klang) – MCA
6. “ Setiausaha Parlimen Kementerian Luar Negeri, Tuan Ahmad Shabery Cheek (Kemaman) - UMNO
7. “ Setiausaha Parlimen Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani, Datuk Hajah Rohani binti Haji Abdul Karim (Batang Lupar) - PBB
8. “ Setiausaha Parlimen Kementerian Penerangan, Puan Noriah binti Kasnon (Sungai Besar) - UMNO
9. “ Setiausaha Parlimen Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri, Dato' Paduka Haji Abdul Rahman bin Ibrahim (Pokok Sena) - UMNO
10. “ Setiausaha Parlimen Kementerian Pelajaran, Puan Komala Devi (Kapar) – MIC
11. “ Setiausaha Parlimen Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, Datin Paduka Chew Mei Fun (Petaling Jaya Utara) - MCA
12. “ Setiausaha Parlimen Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi, Profesor Datuk Dr. Mohd. Ruddin bin Ab. Ghani (Bukit Katil) – UMNO
13. “ Setiausaha Parlimen Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Tuan Hoo Seong Chang (Kluang) - MCA
14. “ Setiausaha Parlimen Kementerian Wilayah Persekutuan, Tuan Yew Teong Look (Wangsa Maju) - MCA

15. Yang Berhormat Setiausaha Parlimen Kementerian Perusahaan Perladangan dan Komoditi, Senator Dato' Dr. S. Vijayarantnam - Senator
16. “ Setiausaha Parlimen Kementerian Pengajian Tinggi, Datuk Dr. Adham bin Baba (Tenggara) - UMNO
17. “ Setiausaha Parlimen Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi, Tuan Samsu Baharun bin Haji Abdul Rahman (Silam) - UMNO
18. “ Setiausaha Parlimen Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar, Tuan Sazmi bin Miah (Machang) - UMNO
19. “ Setiausaha Parlimen Kementerian Kesihatan, Dato' Lee Kah Choon (Jelutong) - GERAKAN
20. “ Setiausaha Parlimen Kementerian Belia dan Sukan, Tuan Sa. Vigneswaran (Kota Raja) - MIC

AHLI-AHLI

1. Yang Berhormat Tuan Aaron Ago Dagang (Kanowit) - PBDS
2. “ Brig. Jen. (B) Dato' Seri Abdul Hamid bin Haji Zainal Abidin (Parit Buntar) - UMNO
3. “ Tuan Haji Abdul Fatah bin Haji Haron (Rantau Panjang) - PAS
4. “ Datuk Abdul Ghapur bin Salleh (Kalabakan) - UMNO
5. “ Dato' Haji Ab. Halim bin Ab. Rahman (Pengkalan Chepa) – PAS
6. “ Datuk Paduka Abdul Kadir bin Haji Sheikh Fadzir (Kulim Bandar Baharu) - UMNO
7. “ Datuk Abdul Rahim bin Bakri (Kudat) - UMNO
8. “ Dato' Abdul Rahman bin Ariffin (Jerlun) - UMNO
9. “ Datuk Patinggi Tan Sri Abdul Taib bin Mahmud (Kota Samarahan) - PBB
10. “ Dato' Abu Bakar bin Taib (Langkawi) - UMNO
11. “ Dato' Seri Adenan bin Satem (Batang Sadong) - PBB
12. “ Tuan Alexander Nanta Linggi (Kapit) - PBB
13. “ Datuk Haji Astaman bin Abdul Aziz (Titiwangsa) - UMNO
14. “ Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruddin (Jerai) - UMNO
15. “ Datuk Baharum bin Mohamed (Sekijang) - UMNO
16. “ Tuan Bernard S. Maraat @ Ben (Pensiangan) - PBRs
17. “ Tuan Billy Abit Joo, K.M.N. (Hulu Rajang) - PBDS
18. “ Datuk Bung Moktar bin Radin (Kinabatangan) - UMNO
19. “ Tuan Che Azmi bin Hj. A. Rahman (Kuala Nerus) – UMNO
20. “ Dato Haji Che Min bin Che Ahmad (Pasir Puteh) - UMNO
21. “ Tuan Chong Chieng Jen (Bandar Kuching) - DAP
22. “ Puan Chong Eng (Bukit Mertajam) - DAP
23. “ Tuan Chong Hon Min (Sandakan) - BEBAS
24. “ Dato' Chor Chee Heung (Alor Star) - MCA

25. Yang Berhormat Tuan Chow Kon Yeow (Tanjong) - DAP
26. “ Dato’ Chua Jui Meng (Bakri) – MCA
27. “ Tuan Devamany a/l S. Krishnasamy (Cameron Highlands) - MIC
28. “ Tuan Donald Peter Mojuntin (Penampang) – UPKO
29. “ Ir. Edmund Chong Ket Wah (Batu Sapi) - PBS
30. “ Tuan Eric Enchin Majimbun (Sepanggar) - SAPP
31. “ Tuan Haji Fadillah bin Yusof (Petra Jaya) - PBB
32. “ Dato’ Firdaus bin Harun (Rembau) - UMNO
33. “ Tuan Fong Kui Lun (Bukit Bintang) - DAP
34. “ Cik Fong Po Kuan (Batu Gajah) - DAP
35. “ Dato’ Ghazali bin Ibrahim (Padang Terap) - UMNO
36. “ Dato’ Goh Siow Huat (Rasah) - MCA
37. “ Ir. Haji Hamim bin Samuri (Ledang) - UMNO
38. “ Dato’ Haji Hasan bin Malek (Kuala Pilah) - UMNO
39. “ Tuan Hashim bin Jahaya (Kuala Kedah) - UMNO
40. “ Datuk Ir. Hasni bin Haji Mohammad (Pontian) - UMNO
41. “ Tuan Henry Sum Agong (Bukit Mas) - PBB
42. “ Tan Sri Dato’ Hew See Tong (Kampar) - MCA
43. “ Tuan Huan Cheng Guan (Batu Kawan) - GERAKAN
44. “ Datuk Haji Idris bin Haji Haron (Tangga Batu) - UMNO
45. “ Datuk Haji Ismail bin Haji Abd. Muttalib (Maran) - UMNO
46. “ Tuan Haji Ismail bin Haji Mohamed Said (Kuala Krau) - UMNO
47. “ Tuan Haji Ismail bin Noh (Pasar Mas) - PAS
48. “ Datuk Ismail Sabri bin Yaakob (Bera) - UMNO
49. “ Dato’ Jacob Dungau Sagan (Baram) - SPDP
50. “ Datuk Dr. James Dawos Mamit (Mambong) - PBB
51. “ Tuan Jawah anak Gerang (Lubok Antu) - PBDS
52. “ Tuan Jelaing anak Mersat (Saratok) - SPDP
53. “ Tuan Jimmy Donald (Sri Aman) - PBDS
54. “ Datu Seri Joseph Pairin Kitingan (Keningau) - PBS
55. “ Dr. Junaidy bin Abdul Wahab (Batu Pahat) - UMNO
56. “ Datuk Juslie Ajirol (Libaran) - UMNO
57. “ Tan Sri Dato’ Dr. K.S. Nijhar (Subang) - MIC
58. “ Dato’ Kamarudin bin Jaffar (Tumpat) - PAS
59. “ Tuan R. Karpal Singh (Bukit Gelugor) – DAP
60. “ Dato’ Seri Kerk Choo Ting (Simpang Renggam) - GERAKAN
61. “ Tuan Lau Yeng Peng (Puchong) - GERAKAN
62. “ Tan Sri Law Hieng Ding (Sarikei) – SUPP

63. Yang Berhormat Datuk Seri Dr. Leo Michael Toyad (Mukah) - PBB
64. " Dato' Lim Bee Kau, A.M.K., B.K.M., P.J.K., J.P. (Padang Serai) - MCA
65. " Tuan Lim Hock Seng (Bagan) - DAP
66. " Tuan Lim Kit Siang (Ipoh Timor) - DAP
67. " Tuan Loh Seng Kok (Kelana Jaya) - MCA
68. " Dato' Loke Yuen Yow (Tanjong Malim) – MCA
69. " Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir (Sungai Petani) - UMNO
70. " Tuan M. Kula Segaran (Ipoh Barat) - DAP
71. " Datuk Dr. Marcus Makin Mojigoh (Putatan) - UPKO
72. " Tuan Markiman bin Kobiran (Hulu Langat) - UMNO
73. " Dato' Haji Mat Yasir bin Haji Ikhsan (Sabak Bernam) – UMNO
74. " Datuk Haji Md. Alwi bin Che Ahmad (Ketereh) – UMNO
75. " Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz (Sri Gading) - UMNO
76. " Tuan Mohamad Shahrum bin Osman (Lipis) - UMNO
77. " Datuk Mohamed Razali bin Che Mamat, J. P. (Kuala Krai) - UMNO
78. " Datuk Mohd. Zaid bin Ibrahim (Kota Bharu) - UMNO
79. " Tuan Mohd. Daud bin Tarihep (Kuala Selangor) - UMNO
80. " Dr. Mohd. Hayati bin Othman (Pendang) - PAS
81. " Datuk Haji Mohd. Said bin Yusof (Jasin) - UMNO
82. " Dato' Mohd. Sarit bin Haji Yusoh (Temerloh) - UMNO
83. " Tuan Mohd. Yusop bin Majid (Setiu) - UMNO
84. " Tuan Nasaruddin bin Hashim (Parit) - UMNO
85. " Datuk Nur Jazlan bin Mohamed (Pulai) - UMNO
86. " Datuk Dr. Rahman bin Ismail (Gombak) - UMNO
87. " Tuan Raimi Unggi (Tenom) – UMNO
88. " Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar (Larut) - UMNO
89. " Tuan Razali bin Ibrahim (Muar) - UMNO
90. " Dato' Razali bin Ismail (Kuala Terengganu) – UMNO
91. " Datuk Richard Riot anak Jaem (Serian) - SUPP
92. " Datuk Ronald Kiandee (Beluran) – UMNO
93. " Datuk Rosli bin Mat Hassan (Dungun) - UMNO
94. " Puan Rosnah bte. Haji Abd. Rashid Shirlin (Papar) – UMNO
95. " Dr. Rozaidah binti Talib (Ampang) - UMNO
96. " Tuan Salahuddin bin Ayub (Kubang Kerian) - PAS
97. " Datuk Salleh bin Tun Said (Kota Belud) – UMNO
98. " Ir. Shaari bin Hassan (Tanah Merah) – UMNO
99. " Dato' Shahrir Abdul Samad (Johor Bahru) – UMNO
100. " Datuk Seri Dr. Haji Shafie bin Haji Mohd. Salleh, D.S.S.A., S.M.S., S.S.A., K.M.N., S.S.A.P. (Kuala Langat) - UMNO

101. Yang Berhormat Tuan Shim Paw Fatt (Tawau) - SAPP
102. “ Datuk Seri Dr. Siti Zaharah binti Sulaiman (Paya Besar) – UMNO
103. “ Dato’ Suhaili bin Abdul Rahman (Labuan) – UMNO
104. “ Tuan Syed Hood bin Syed Edros (Parit Sulong) – UMNO
105. “ Dato’ Seri Diraja Syed Razlan ibni Syed Putra Jamalullail (Arau) – UMNO
106. “ Puan Tan Ah Eng (Gelang Patah) - MCA
107. “ Dato’ Dr. Tan Kee Kwong (Segambut) - GERAKAN
108. “ Tuan Tan Kok Wai (Cheras) - DAP
109. “ Dato’ Tan Lian Hoe (Bukit Gantang) - GERAKAN
110. “ Dr. Tan Seng Giaw (Kepong) – DAP
111. “ Tuan Teng Boon Soon (Tebrau) - MCA
112. “ Datuk Tengku Putera bin Tengku Awang (Hulu Terengganu) - UMNO
113. “ Tengku Razaleigh bin Tengku Hamzah (Gua Musang) – UMNO
114. “ Puan Teresa Kok Suh Sim (Seputeh) – DAP
115. “ Tan Sri Dato’ Seri Dr. Ting Chew Peh (Gopeng) - MCA
116. “ Dato’ Seri Tiong King Sing (Bintulu) - SPDP
117. “ Tuan Tiong Thai King (Lanang) - SUPP
118. “ Datuk Wahab bin Haji Dollah (Kuala Rajang) - PBB
119. “ Dato’ Wan Adnan bin Wan Mamat (Indera Mahkota) - UMNO
120. “ Datin Seri Dr. Wan Azizah binti Wan Ismail (Permatang Pauh) - Keadilan
121. “ Dato’ Dr. Wan Azmi bin Wan Ariffin (Sik) – UMNO
122. “ Dato’ Dr. Wan Hashim bin Wan Teh (Gerik) – UMNO
123. “ Datuk Dr. Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar (Santubong) - PBB
124. “ Ir. Dr. Wee Ka Siong (Ayer Hitam) - MCA
125. “ Datuk Wilfred Madius Tangau (Tuaran) - UPKO
126. “ Tuan Wong Nai Chee (Kota Melaka) - MCA
127. “ Dato’ Yap Pian Hon (Serdang) - MCA
128. “ Datuk Dr. Yee Moh Chai (Kota Kinabalu) - PBS

DEWAN RAKYAT

Ketua Pentadbir Parlimen

Haji Kamaruddin Mohamed Baria

Setiausaha Dewan Rakyat

Datuk Mahmood bin Adam

Setiausaha Bahagian (Pengurusan Dewan)

Roosme binti Hamzah

PETUGAS-PETUGAS

PENERBITAN PENYATA RASMI (*HANSARD*)

Azhari bin Hamzah

Monarita binti Mohd Hassan

Supiah binti Dewak

kamisah binti Sayuti

Sarimah binti Haji Amran

Ab. Talip bin Hasim

Hadzirah binti Ibrahim

Jamilah Intan binti Haji Bohari

Hairan bin Mohtar

Nurziana binti Ismail

Suriyani binti Mohd. Noh

Habibunisah binti Mohd. Azir

Aisyah binti Razki

Yoogeswari a/p Muniandy

Nor Liyana binti Ahmad

Zatul Hijanah binti Yahya

Nurul Asma binti Zulkepli

Sharifah Nor Asilah binti Syed Basir

Norasmawati binti Mohamed Nor

Nor Hamizah binti Haji Hassan

Zaida Zuriani binti Mohd Zamli

Azmir bin Mohd Salleh

Norhasani binti Yaacob

MALAYSIA**DEWAN RAKYAT****RABU, 15 November 2006****Mesyuarat dimulakan pada pukul 10.00 pagi****DOA**

[Timbalan Yang di-Pertua (Datuk Lim Si Cheng)
mempengerusikan Mesyuarat]

JAWAPAN-JAWAPAN LISAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: Peraturan Mesyuarat, Tuan Yang di-Pertua. Saya masuk dan tengok kenapa Aturan Urusan Mesyuarat berbeza daripada yang ditetapkan. Semalam kita tengok adalah soalan pertama dari Dato' Dr. Wan Azmi bin Wan Ariffin (Sik) kepada Menteri Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah; kedua, Datuk Juslie Ajirol (Libaran) kepada Menteri Keselamatan Dalam Negeri. Hari ini, dua-dua ini sudah hilang dan Yang Berhormat bagi Sik pun ada di sini. Saya ada tanya dia, kenapa tidak pergi ke Perhimpunan Agung UMNO? Dia kata, ini lebih mustahak.

Betul! Parlimen lebih mustahak. Kenapa sudah hilang? Bagaimana boleh sewenang-wenangnya Peraturan Mesyuarat ditukar tidak mengikut peraturan? Kita menjadi satu *laughing stock*. Adakah Parlimen *subordinate* dan *subservient* kepada *UMNO Assembly*. Kalau begitu, apa guna Parlimen? Bukankah lebih baik kita *postpone* mesyuarat, tunggu *UMNO Assembly* itu dihabiskan khasnya kita tengok hari ini ada ucapan-ucapan semua. *Don't play the race card* oleh Ketua Pemuda.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Baiklah Yang Berhormat.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: Ketua Pemuda UMNO, *don't play the race card* tetapi semua *play the race card* sehingga Yang Berhormat Datuk Ong Tee Keat, Dato' Seri S. Samy Vellu dan Tan Sri Dr. Koh Tsu Koon ada dinamakan sebagai *politic opportunist* bahawa...

Dato' Dr. Wan Azmi bin Wan Ariffin [Sik]: [Bangun]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Ya, cukup. Yang Berhormat bagi Ipoh Timor, jangan ambil kesempatan, cukup.

Dato' Dr. Wan Azmi bin Wan Ariffin [Sik]: Tuan Yang di-Pertua...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Ya, ya.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: ...Tak ada. Tengok apa yang dia kata...

Dato' Dr. Wan Azmi bin Wan Ariffin [Sik]: Saya pohon, minta jalan.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: ...Kita pastikan tidak ada tempat bagi mereka.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat.

Dato' Dr. Wan Azmi bin Wan Ariffin [Sik]: Saya pohon minta jalan.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: Saya jadikan pemimpin dalam perjuangan parti Barisan Nasional.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Yang Berhormat cukuplah.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: Adakah ini beliau tidak boleh jadi Menteri?

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Yang Berhormat cukup.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: Adakah ini Tan Sri Dr. Koh Tsu Koon tidak boleh datang untuk *Federal Minister*? Kita harap apa yang berlaku, satu penjelasan.

Dato' Dr. Wan Azmi bin Wan Ariffin [Sik]: Yang Berhormat dan Tuan Yang di-Pertua. Yang saya tahu, soalan saya bukan nombor 1 tetapi nombor 23. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Baiklah.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: Nombor 23. Jangan takutlah. Berdiri tegas. Kenapa kebenaran ini nombor 23 ialah senarai dahulu... [*Mengangkat naskhah Aturan Urusan Mesyuarat berkaitan*] Akan tetapi apa yang ditetapkan untuk hari ini ialah pertama. Sini ada, saya ada salinan.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Baik, baik, baik Yang Berhormat. Baik, baik.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: Ya, betul. Boleh disahkan, ini yang pertama.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Baik, baik.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: Kalau tidak, kenapa Yang Berhormat bagi Sik datang ke sini?

Dato' Dr. Wan Azmi bin Wan Ariffin [Sik]: Ini Parlimen, saya Ahli Parlimen.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: Ya.

Beberapa Ahli: [*Menyampuk*]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Baiklah Yang Berhormat.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: Sekarang takutkah?

Dato' Dr. Wan Azmi bin Wan Ariffin [Sik]: Saya merujuk kepada yang ini... [*Mengangkat naskhah Aturan Urusan Mesyuarat berkaitan*] Saya tidak tahu, ini yang rasmi.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: Semalam pun rasmi.

Dato' Dr. Wan Azmi bin Wan Ariffin [Sik]: Hari ini yang rasminya soalan saya nombor 23, bukan nombor 1.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: Tadi Yang Berhormat kata, "Oh! Datang oleh kerana soalan nombor 1. Parlimen lebih mustahak". Sekarang sudah jadi satu pengecut, apa ini?

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Baiklah, soalan sudah diputuskan. Yang Berhormat, soalan sudah diputuskan.

Beberapa Ahli Pembangkang: [*Bangun*] [*Dewan riuh*]

Dato' Dr. Wan Azmi bin Wan Ariffin [Sik]: Eh! Apa ini?

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: Jangan takutlah! Takutkah?

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Baik, baik, baik. Duduk, duduk, duduk.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: Tadi baru kata datang sini oleh kerana *question number one* tetapi sekarang dia tarik balik. Ini janganlah...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Baiklah, cukuplah Yang Berhormat.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: Kalau tidak berani berdiri, diam-diam.

Dato' Dr. Wan Azmi bin Wan Ariffin [Sik]: Yang Berhormat, saya tidak pernah sebut saya punya nombor satu!

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: Kalau tidak berani cakap, diam-diam. Jangan buat begitu, tidak boleh!

Dato' Dr. Wan Azmi bin Wan Ariffin [Sik]: Saya sebutkan bahawa Parlimen ini lebih penting.

Tuan Lau Yeng Peng [Puchong]: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Cukuplah Yang Berhormat.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: Kenapa apa Yang Berhormat bagi Puchong? Selalu dia bohong-bohong.

Tuan Lau Yeng Peng [Puchong]: *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: Kalau tak berani cakap, diam-diam!

Beberapa Ahli: *[Bangun]*

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: Kalau tak berani cakap, diam-diam. Pembodek yang pertama, *the biggest tripod. The biggest Gerakan tripod* dalam Parlimen.

Dato' Dr. Wan Azmi bin Wan Ariffin [Sik]: Tuan Yang di-Pertua, saya pohon Ipoh Timor

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Cukup. Yang Berhormat, saya memang...

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

Beberapa Ahli: *[Ketawa]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Cukup Yang Berhormat. Yang Berhormat, cukup.

Ya, saya memang bersetuju bahawa ada senarai yang dikeluarkan malam tadi dan pagi ini memang ada berbeza. Yang pertama sekali, saya harap kali ini akan saya siasat dan harap tidak akan berulang semulalah. Bolehlah kita teruskan urusan kita? Yang Berhormat bagi Kota Bharu.

[Soalan No. 1 – Y.B. Datuk Mohd. Zaid bin Ibrahim (Kota Bharu) tidak hadir]

2. Dato' Tan Lian Hoe [Bukit Gantang] minta Menteri Pelajaran menyatakan, jumlah sekolah rendah dan sekolah menengah di seluruh negara yang mempunyai enrolmen murid yang melebihi 2000 orang murid, serta menyatakan nama-nama sekolah tersebut mengikut negeri.

Setiasaha Parlimen Kementerian Pelajaran [Puan Komala Devi]: Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, sehingga kini terdapat sebanyak 83 buah sekolah rendah di seluruh negara yang mempunyai enrolmen murid melebihi 2000. Daripada jumlah tersebut adalah sebanyak:

Negeri	Sekolah (Jum./Buah)
Selangor	45
Johor	15
Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur	13
Perak	6
Sabah	2
Pulau Pinang	1
Sarawak	1

Bagi sekolah menengah pula terdapat 122 sekolah menengah yang mempunyai enrolmen murid melebihi 2000. Daripada jumlah tersebut adalah sebanyak:

Negeri	Sekolah (Jum./Buah)
Selangor	40
Sarawak	16
Johor	14
Kelantan	12
Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur	9
Pulau Pinang	8
Kedah	6
Perak	5
Terengganu	5
Sabah	3
Negeri Sembilan	3
Pahang	1

Terima kasih.

Dato' Tan Lian Hoe [Bukit Gantang]: Tuan Yang di-Pertua, masalah *over population* di sekolah, dengan izin, saya ingat telah pun menjadi begitu serius. Soalan saya Tuan Yang di-Pertua, berapakah jumlah murid bagi setiap kategori sekolah bagi sekolah rendah dan sekolah menengah mengikut gred? Ini kerana kita tahu bahawa sekolah dikategorikan kepada gred 'A', 'B' dan 'C' dan berapakah jumlah nisbah yang paling sesuai iaitu yang standard untuk seorang guru dengan murid dalam sesebuah kelas? Dan apakah tindakan kementerian selama ini dan akan datang bagi mengatasi *over population* dalam sesebuah sekolah ini bagi mewujudkan persekitaran yang *conducive* dalam P&P iaitu pengajaran dan pembelajaran di sekolah bagi melahirkan murid-murid kelas pertama dan mengurangkan disiplin dan keciciran. Terima kasih.

Puan Komala Devi: Tuan Yang di-Pertua, salah satu faktor yang berkaitan dengan kualiti pendidikan atau pelajaran adalah saiz sekolah, khususnya nisbah di antara guru dengan pelajar. Baru-baru ini telah diumumkan oleh Menteri Pelajaran bahawa jawatan norma guru telah dinaikkan daripada 1.5 ke 1.7.

Ini bermakna bahawa tambahan guru adalah mengikut bilangan kelas kali 0.2, maknanya kalau ada lima kelas sekolah itu akan dapat tambahan seorang guru. Kalau sekolah itu ada sepuluh kelas dia akan dapat tambahan dua guru. Dasar ini akan dilaksanakan untuk sekolah menengah dahulu, mungkin pada tahun hadapan atau 2008 dan untuk sekolah rendah pada tahun 2009. Dengan tambahan norma guru ini, kami harapkan bahawa hasrat kerajaan iaitu tiap-tiap kelas kalau boleh kita akan cuba menghadkan kepada 35 pelajar dalam sesebuah kelas. Terima kasih.

Dato' Tan Lian Hoe [Bukit Gantang]: Tuan Yang di-Pertua, soalan saya tidak dijawab langsung.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat bagi Bukit Gantang kata soalan dia tidak dijawab.

Puan Komala Devi: Ahli Yang Berhormat minta apakah langkah yang telah diambil. Selain daripada beliau kata kita mestilah meningkatkan guru, nisbah di antara guru dengan pelajar. Saya baru menyatakan kita telah meningkatkan nisbah itu dari 1.5 kepada 1.7. Pada masa yang sama kementerian ini juga mengadakan satu peruntukan yang besar untuk membina sekolah-sekolah yang baru, khususnya di kawasan-kawasan yang memerlukan.

Masalahnya ialah kebanyakan sekolah yang besar ini, yang padat ini adalah di kawasan-kawasan bandar di mana untuk kita dapatkan tanah adalah begitu sukar. Jadi kita tidak ada cara yang lain selain menambah bangunan baru, gantian dan sebagainya.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Baik Yang Berhormat, cukuplah.

Puan Komala Devi: Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat bagi Bukit Mertajam.

Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya rasa tadi Yang Berhormat...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Belum masuk Jawatankuasa lagi.

Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]: Bukan... [Ketawa] Ya Tuan Yang di-Pertua, saya rasa soalan tambahan Yang Berhormat bagi Bukit Gantang belum dijawab tetapi saya hendak tanya soalan tambahan.

Saya rasa kita menghadapi masalah di mana ada sekolah yang terlalu ramai *enrolment* yang ada sekolah tidak cukup enrolmen. Apa yang dikatakan oleh Yang Berhormat Setiausaha Parlimen tadi, dia mengatakan bahawa untuk meningkatkan *ratio teacher-student per class*. Saya rasa ini tidak akan menyelesaikan masalah di sekolah yang *over populated* khususnya di sekolah rendah jenis kebangsaan Cina, di mana satu kelas mempunyai lebih kurang 50, ada di antaranya lebih dari 50 pelajar.

Jadi saya rasa hanya meningkatkan nisbah cikgu itu tidak cukup. Mungkin saya pernah mencadangkan bahawa kelas...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, soalanlah.

Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]: Ya, soalannya ialah mempunyai kelas yang besar, mempunyai 50 pelajar itu, adakah kementerian akan *consider* untuk memberi *teaching assistant* supaya dia dapat memberi perhatian yang lebih kepada pelajar yang begitu ramai. Adakah kementerian akan melaksanakan untuk memberi *teaching assistant* kepada kelas yang *student* melebihi 55. Terima kasih.

Puan Komala Devi: Tuan Yang di-Pertua, buat masa ini pembantu cikgu ada diberikan untuk prasekolah tetapi kita masih belum mempunyai satu dasar untuk memberi satu pembantu guru di dalam kelas. Kami akan cuba menambahkan kelas di mana pelajar di dalam satu kelas itu dapat dikurangkan tetapi kalau ini adalah satu cadangan daripada Ahli Yang Berhormat saya boleh bawa balik untuk pertimbangan kementerian. Terima kasih.

3. Dato' Goh Siow Huat [Rasah] minta Menteri Belia dan Sukan menyatakan, berikutan terdapat seorang budak berumur enam tahun di negara kita telah dapat menjadi juara dalam satu Pertandingan Golf Piala Dunia. Adakah kerajaan bercadang untuk terus melatih budak yang berbakat ini dari segi kewangan dan lain-lain lagi supaya dapat menjadi seorang ahli sukan yang terkenal.

Timbalan Menteri Belia dan Sukan [Dato' Liow Tiong Lai]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Kementerian Belia dan Sukan merasa amat bangga dengan pencapaian adik Galven Kendall Green yang telah muncul sebagai juara bagi kategori umur bawah enam tahun di Kejohanan Remaja Dunia 2006 di San Diego, USA pada bulan Julai yang lalu. Acara bagi kategori umur di bawah enam tahun adalah merupakan acara sampingan sempena acara rasmi iaitu acara remaja dunia bagi kategori umur 17 tahun. Namun begitu pencapaian yang diperolehi oleh adik Galven tersebut sememangnya memberangsangkan.

Sehingga kini, kementerian belum bercadang mengambil alih program latihan adik Galven tersebut kerana pada ketika ini beliau masih berumur enam tahun. Penumpuan khusus bagi merangsang lagi minat beliau dalam sukan golf dengan penyertaan dalam pertandingan-pertandingan yang dianjurkan di bawah program-program Majlis Sukan Negara dengan Yayasan Kecemerlangan Sukan.

Pada ketika ini, kedua-dua agensi berkenaan bekerjasama menganjurkan Sirkuit Remaja Golf Kebangsaan yang merupakan kejohanan bersiri tujuh hingga lapan kejohanan remaja sekarang, sepanjang tahun. Penglibatan dan penyertaan aktif adik Galven dalam kejohanan-kejohanan remaja ini amatlah penting supaya beliau yang masih muda tidak akan menganggap sukan adalah suatu aktiviti yang membebankan.

Pada ketika ini adik Galven mengikuti latihan di bawah kelab beliau sendiri dan dikendalikan oleh jurulatih pilihannya. Kementerian Belia dan Sukan akan sentiasa mengawasi dan memberi bantuan dan memantau prestasi adik Galven dalam kejohanan-kejohanan sikit tempatan yang sememangnya selama ini telah pun disertainya sejak tahun 2004 yang lalu. Walau bagaimanapun, kementerian akan sentiasa membuka ruang untuk memberi peluang kepada adik Galven atau mana-mana atlet lain yang telah pun bersedia untuk mengikuti latihan sukan prestasi tinggi yang sudah semestinya memerlukan intensiti latihan yang lebih berat dan melibatkan tempoh masa latihan yang lebih panjang.

Dato' Goh Siow Huat [Rasah]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri. Setakat ini berapakah ahli-ahli sukan yang berbakat mendapat bantuan kewangan dan keseluruhan daripada kerajaan dan apakah jenis bantuan khas kerajaan kepada ahli-ahli sukan yang berbakat khususnya bagi ahli sukan dari kategori berpasukan. Contohnya pasukan bola sepak, bola keranjang, adakah bantuan...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, dari golf hendak pergi ke permainan lain kah... [*Dewan ketawa*]

Dato' Goh Siow Huat [Rasah]: Sukan, sukan. Adakah bantuan cuma kepada beberapa orang individu atau kepada sesuatu pasukan itu? Sekian, terima kasih.

Dato' Liow Tiong Lai: Terima kasih Yang Berhormat bagi Rasah. Kementerian memang melalui MSN memberi banyak bantuan kepada atlet-atlet negara dari segi latihan dan *coaching* atau jurulatih, dan juga dari segi elaun dan kewangan. Tiap-tiap atlet yang mewakili negara, yang *senior* akan mendapat elaun bulanan RM2000 dan yang *junior* lebih kurang RM1500. Termasuk juga kalau hantar ke luar negeri untuk latihan juga akan mendapat elaun-elaun tertentu. Sekian.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat bagi Alor Star, tumpu kepada golf sahajalah. Yang Berhormat minat juga.

Dato' Chor Chee Heung [Alor Star]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Bila kita bincang tentang sukan golf ini, pendapat saya ialah kerajaan kita tidak begitu mementingkan sukan golf jika hendak banding dengan sukan-sukan yang lain. Jika kita melihat pemain-pemain golf di negara ini, kalau perbandingan dengan sukan-sukan yang lain memang kedudukannya begitu rendah.

Maka saya ingin tahu dari Yang Berhormat Timbalan Menteri sama ada kerajaan kita akan sentiasa menjemput pemain-pemain golf terkemuka antarabangsa untuk datang ke negara ini untuk memberi pengajaran ataupun membuka klinik dan menyumbang macam mana kita dapat tingkatkan lagi sukan golf di arena antarabangsa.

Saya juga difahamkan, Tuan Yang di-Pertua, pada suatu ketika seorang rakyat Fiji, pemain golf antarabangsa sebelum beliau menjadi juara, *world, number one*, Vijay Singh, telah pun membuat permohonan untuk menjadi pemastautin tetap di negara ini. Saya difahamkan permohonannya ditolak. Adakah ini bermaksud kita tidak mengalukan kedatangan ahli sukan terkemuka antarabangsa, *world standard* yang boleh menyumbang bermastautin di sini. Terima kasih.

Dato' Liow Tiong Lai: Terima kasih, Yang Berhormat bagi Alor Star yang telah pun membangkitkan beberapa soalan. Yang pertama berhubung dengan prestasi golf dalam negara kita. Memang negara kita mempunyai satu padang golf yang begitu menarik, dari segi permainan golf memang kita mempunyai *venue* yang banyak dan baik di peringkat antarabangsa. Kita memang menggalakkan permainan golf ini.

Untuk makluman Yang Berhormat, Kementerian Belia dan Sukan sekarang kita telah wujudkan satu unit khas iaitu *Unit Sport Tourism*. Kita juga harap melalui golf ini kita dapat menarik pemain-pemain antarabangsa dapat datang ke Malaysia dan juga meningkatkan *sport tourism* di negara kita. Melalui kelab dan juga individu ada usaha telah dijalankan untuk menarik pemain-pemain antarabangsa datang kepada Malaysia.

Berhubung dengan permohonan Vijay Singh menjadi rakyat Malaysia, saya juga difahami memang ada permohonan tetapi tidak diluluskan. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, bagi kerajaan kita bersikap terbuka dalam permohonan kerakyatan ini, kerana kalau ada atlet bertaraf dunia, contohnya kalau Tiger Woods memohon menjadi warga negara Malaysia, kita boleh mengajukan permohonan ini kepada Jawatankuasa Kabinet Sukan untuk mempertimbangkan permohonan ini. Sekian, terima kasih.

Tuan Lau Yeng Peng [Puchong]: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat apa?

Tuan Lau Yeng Peng [Puchong]: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Saya pun tahu, Tuan Yang di-Pertua pun seorang pemain golf yang cekap, sebab itu saya bertanya untuk Tuan Yang di-Pertua... *[Ketawa]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, jangan ikut saya.

Seorang Ahli: *Handicap* berapa, *handicap* berapa?

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Kalau suka main pergi main sendiri, jangan bawa saya bersama... *[Ketawa]*

Tuan Lau Yeng Peng [Puchong]: Yang Berhormat, Timbalan Menteri. Saya juga dengar jawapan daripada Yang Berhormat Menteri mengenai prestasi golf di negara ini. Satu kebimbangan saya mengenai prestasi pemain-pemain golf di negara ini. Ini kerana...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yalah, apa soalnya, Yang Berhormat?

Tuan Lau Yeng Peng [Puchong]: Soalan, kalau kita lihat hari ini, pemain kita kalau dibandingkan dengan pemain dari Thailand, dari Korea Selatan ataupun dari Australia, kita memang jauh ketinggalan. Persoalan saya ialah mengenai bagaimana kita boleh mempertingkatkan lagi prestasi ini. Bagi saya kementerian ini seolah-olah tidak begitu serius untuk mempertingkatkan mutu dan juga prestasi pemain golf ini, walaupun banyak promosi dan juga pendedahan oleh pihak-pihak tertentu.

Saya hendak tanya apakah perancangan ataupun strategi kerajaan untuk mendapat sedikit pandangan dan juga cara-cara untuk melatih pemain-pemain golf dari usia yang kecil, *let say* negara lain seperti di Amerika Syarikat ataupun Australia. Apakah tindakan daripada kementerian...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat bagi Puchong pun bolehlah. Yang Berhormat bagi Puchong pun boleh beri ajaran.

Tuan Lau Yeng Peng [Puchong]: Saya tidak boleh... *[Ketawa]* Okey, itulah saya hendak tanya.

Dato' Liow Tiong Lai: Terima kasih Yang Berhormat bagi Puchong yang amat minat dalam bidang golf ini. Kalau Yang Berhormat bagi Puchong dengar jawapan saya tadi, saya telah menekankan bahawa Kementerian Belia dan Sukan amat mengambil berat dan telah pun melalui Majlis Sukan Negara dan Yayasan Kecemerlangan Sukan. Dua agensi, bukan satu, untuk menganjurkan sirkit remaja golf kebangsaan. Kita sekarang...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, kita sudah jawab tadi?

Dato' Liow Tiong Lai: Sudah jawab. Dan, kita akan terus...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Sudahlah.

Tuan Lau Yeng Peng [Puchong]: Itu hanya *short term*, maksud saya *long term* nya. Maksudnya jangka panjang yang lebih baik. Kalau kita anjur satu pertandingan, hanya suatu masa dan ketika sahaja, so, saya hendak tahu latihan yang lebih panjang lagi.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Baiklah, Yang Berhormat.

Dato' Liow Tiong Lai: Saya belum habis jawab lagi, Yang Berhormat. Saya hendak tegaskan di sini melalui Majlis Sukan Negara, kita juga mempunyai latihan pusat. Melalui sekolah-sekolah sukan, kita telah pun mempunyai latihan pusat yang mempunyai latihan yang lebih panjang, latihan intensif dan *coaching*. Kita juga memberi jurulatih kepada pemain-pemain golf yang berpotensi. Sekian, terima kasih.

[Soalan No. 4 – Dato' Dr. James Dawos Mamit (Mambong) tidak hadir]

Tuan Tan Kok Wai [Cheras]: Terlebih dahulu saya ingin mengucapkan ribuan terima kasih kerana soalan saya yang sepatutnya bertempat nombor tujuh petang kelmarin dinaikkan menjadi nombor lima pagi ini.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Baiklah Yang Berhormat, untung... *[Disampuk]* Lagi baik.

5. **Tuan Tan Kok Wai [Cheras]** minta Menteri Pelajaran menyatakan:

- (a) jumlah pendaftaran masuk dan pengambilan murid Tahun 1 di SJK(C) Naam Kheung, SJK(C) Taman Connaught 1 dan SJK(C) Taman Connaught 2 bagi tahun 2006 serta bilangan pendaftaran masuk ke Tahun 1 di ketiga-tiga sekolah tersebut bagi tahun 2007; dan
- (b) bilangan murid Tahun 1 di SJK(C) Taman Connaught 2 bagi tahun 2006 yang datang dari Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan bilangan pendaftaran kemasukan Tahun 1 bagi tahun 2007 yang datang dari Kuala Lumpur.

Timbalan Menteri Pelajaran [Dato' Hon Choon Kim]: Tuan Yang di-Pertua, saya mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat yang telah mengemukakan soalan ini.

- (a) Jumlah pendaftaran masuk dan pengambilan murid Tahun 1 di SJK(C) Naam Kheung, SJK(C) Taman Connaught 1 dan SJK(C) Taman Connaught 2 bagi tahun 2006 serta bilangan pendaftaran masuk ke Tahun 1, 2007 di kedua-dua sekolah bagi tahun 2007 adalah seperti berikut:

Pendaftaran Sekolah SJK(C) Naam Kheung		
Tahun	Daftar (Jum/Orang)	Ditempatkan (Jum/Orang)
2006	526	424
2007	624	450

Pendaftaran Sekolah SJK(C) Taman Connaught 1		
Tahun	Daftar (Jum/Orang)	Ditempatkan (Jum/Orang)
2006	535	323
2007	568	400

Pendaftaran Sekolah SJK(C) Taman Connaught 2		
Tahun	Daftar (Jum/Orang)	Ditempatkan (Jum/Orang)
2006	394	394
2007	620	620

- (b) bilangan murid Tahun 1 bagi tahun 2006 di SJK(C) Taman Connaught 2, yang datang dari Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur adalah 294 orang, manakala bagi tahun 2007, pendaftaran kemasukan murid dari Wilayah Persekutuan ke sekolah tersebut adalah seramai 556 orang. Terima kasih.

Tuan Tan Kok Wai [Cheras]: Terima kasih, Yang Berhormat Timbalan Menteri. Jawapan Yang Berhormat Timbalan Menteri telah terbukti sekolah SJK(C) di kawasan Cheras yang merangkumi dua kawasan Parlimen, iaitu kawasan Parlimen Cheras dan kawasan Parlimen Bandar Tun Razak adalah sangat berkurangan dan apakah perancangan Kementerian Pelajaran untuk membina lebih lagi SJK(C) di kedua-dua kawasan Parlimen ini? Apakah bilangan tanah rizab sekolah rendah yang berada di kedua-dua kawasan Parlimen ini yang telah dan belum dirancang untuk pembinaan sekolah rendah yang baru. Bagi sekolah-sekolah rendah yang telah pun dirancang dalam tempoh RMK-9 ini, berapakah bilangannya dan berapakah SJK(C) dan SJK(T) yang dirancang di atas tapak-tapak rizab rendah itu.

Dato' Hon Choon Kim: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Sekolah-sekolah yang telah disebutkan oleh Yang Berhormat di kawasan Cheras terdiri daripada zon Pudu. Bagi maklumat Yang Berhormat, dalam zon Pudu ini terdapat 13 SJK(C). Kalau kita lihat keseluruhannya memang sekolah-sekolah yang ada memang cukup untuk menampung segala permohonan bagi pendaftaran.

Saya berikan beberapa contoh, misalnya SJK(C) Chin Woo, kapasitinya adalah 250 orang tetapi yang daftar hanya 129 orang sahaja. Bagi SJK(C) Chung Hwa Pei Chi kapasiti adalah 150 orang dan yang daftar hanya 57 orang. Bagi SJK(C) Chung Kwok, kapasitinya adalah 250 orang yang daftar hanya 142 orang dan SJK(C)...

Tuan Tan Kok Wai [Cheras]: Tuan Yang di-Pertua, saya tidak minta zon Pudu; zon Pudu begitu luas sekali. Saya minta dua kawasan Parlimen sebab ramai ibu bapa terpaksa mengorbankan hak...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Timbalan Menteri sedang menjawab.

Tuan Tan Kok Wai [Cheras]: ...Mempelajari bahasa ibunda mereka kerana permintaan mereka untuk masuk ke sekolah-sekolah di Cheras dan Bandar Tun Razak ini ditolak. Mereka terpaksa menghantar anak-anak mereka ke sekolah-sekolah bukan SJK(C). Ini adalah hakikatnya. Zon Pudu begitu luas sekali. Mereka menghadapi masalah pengangkutan, masalah k-ekonomi dan sebagainya. Mereka tidak dapat menghantar anak-anak mereka ke sekolah-sekolah yang disebutkan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri tadi. Bas sekolah pun tidak ada, macam mana?

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat.

Tuan Tan Kok Wai [Cheras]: ...Dan satu hakikat yang mesti diakui oleh Timbalan Menteri ialah penduduk-penduduk dalam pusat bandar raya seperti Pudu kebanyakan mereka telah....

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat Timbalan Menteri sedang menjawab. Cukuplah, Yang Berhormat.

Tuan Tan Kok Wai [Cheras]: Ini mengakibatkan permintaan dalam pusat bandar semakin menurun.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat Timbalan Menteri sedang jawab.

Tuan Tan Kok Wai [Cheras]: Akan tetapi di pinggir bandar seperti Cheras dan Bandar Tun Razak semakin meningkat. Ini adalah masalah asas.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Cukuplah, Yang Berhormat. Yang Berhormat duduk dulu.

Dato' Hon Choon Kim: Tuan Yang di-Pertua, saya cadang eloklah kita ikut peraturan.

Tuan Tan Kok Wai [Cheras]: *[Menyampuk]*

Dato' Hon Choon Kim: Apabila saya jawab, biarlah saya jawab habis. Selepas itu terpulang kepada Tuan Yang di-Pertua sama ada memberi peluang untuk mengemukakan soalan tambahan atau tidak.

Tadi saya jawab, memang masih terdapat sekolah-sekolah yang lain berhampiran. Kalau kita hendak menghantar anak yang terlalu dekat dengan sekolah memang mungkin tidak dapat kerana kalau lebih ibu bapa hendak menghantar anak ke sesebuah sekolah memang kita tidak boleh membiarkan menerima semua yang mendaftar. Mana-mana sekolah pun macam ini. SK pun sedang menghadapi masalah yang sedemikian. Ini bukan hanya berlaku di SJK(C)!

Jadi Yang Berhormat, kita kena lihat secara rasional. Kita tidak sebut tidak perlu untuk menampung atau menambah bilangan kelas atau bilik darjah atau bilangan sekolah. Saya tidak sebut macam ini. Saya hanya sebut pada ketika ini kita masih boleh menerima kalau ibu bapa hendak anak lebih jauh sedikit daripada sekolah yang mereka daftarkan anak mereka itu. Itu sahaja. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat bagi Tebrau.

Tuan Teng Boon Soon [Tebrau]: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Tuan Yang di-Pertua, kekurangan sekolah-sekolah di kawasan-kawasan yang kepadatan penduduknya tinggi di kawasan-kawasan bandar memang wujud. Di kawasan saya Tebrau terdapat juga bukan sahaja SJK(C) tetapi sekolah kebangsaan juga yang muridnya di sesebuah sekolah itu melebihi 3,000 orang. Setiap bilik itu terdapat bilangan murid yang melebihi 50 orang. Itu adalah satu keadaan yang tidak sihat dari segi pendidikan.

Soalan saya, dalam unjuran keperluan sekolah apabila Kementerian memilih tapak-tapak sekolah untuk sekolah baru, adakah Kementerian mempunyai pangkalan data iaitu *data base* dengan izin, untuk mengenal pasti keperluan sekolah-sekolah tertentu bagi memastikan keperluan rakyat untuk pendidikan anak-anak mereka mengikut pilihan mereka terpelihara dan bangunan sekolah ditempatkan di tempat-tempat yang memerlukannya dan jika tiada bilakah *database* ini akan ditubuhkan? Terima kasih.

Dato' Hon Choon Kim: Yang Berhormat, saya ucapkan terima kasih. Sebenarnya satu prinsip yang Kementerian Pelajaran pegang dengan baik ialah dasar memberikan peluang pendidikan kepada semua rakyat Malaysia. Itu memang satu prinsip yang kita pegang dan segala usaha adalah menuju kepada hasrat itu. Kementerian Pelajaran memang hendak memastikan semua murid apabila sampai umurnya untuk masuk ke sekolah ada tempat telah disediakan untuk mereka.

Saya bersetuju bahawa hendaklah kita dapat pangkalan data dan unjuran yang tepat supaya tidak ada anak-anak kita yang tidak ada peluang untuk belajar. Itu memang saya setuju tetapi kadangkala walaupun kita rancang begitu rapi, misalnya satu projek perumahan, pada perancangannya merupakan satu perancangan perumahan yang begitu besar, jadi kami merancang untuk membina sekolah. Apabila sekolah siap projek perumahan pula tidak menjadi. Ini menimbulkan masalah.

Yang Berhormat pun ada menyebut bahawa ada juga ternampak sekolah yang tidak cukup murid. Ini adalah satu hakikat. Kadangkala kita tidak menyangka apabila murid bertambah begitu cepat, maka inilah satu masalah yang sementara sahaja. Selepas itu kita akan merangka masuk dalam Rancangan Malaysia Kesembilan dengan harapan peruntukan yang diluluskan oleh Yang Berhormat dapat membantu kita untuk membina lebih banyak sekolah di kawasan-kawasan yang memerlukannya.

Jadi saya mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat. Kementerian Pelajaran memang sudah berusaha sedaya upaya untuk merangka dan merancang sesuatu supaya pendidikan dapat diberikan kepada semua anak kita. Terima kasih.

Dato' Yap Pian Hon [Serdang]: *[Bangun][Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Ya, tanyalah... *[Ketawa]*

Dato' Yap Pian Hon [Serdang]: Terima kasih. Tuan Yang di-Pertua. Soalan tambahan saya kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri. Untuk makluman SJK(C) Taman Connaught 2 ialah di bawah kawasan Parlimen Serdang, Selangor, bukan Wilayah Persekutuan. Saya mengucapkan terima kasih kepada...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Apa soalnya?

Dato' Yap Pian Hon [Serdang]: akan tetapi saya ingin beritahu sikit sebab Yang Berhormat bagi Cheras tidak tahu. Oleh kerana sekolah baru yang telah dibina di kawasan Parlimen Serdang iaitu SJK(C) Taman Connaught 2 itu dengan adanya bilangan pendaftaran bagi tahun 2007 sehingga 556 orang daripada Wilayah Persekutuan tetapi saya berharap juga minta Kementerian Pelajaran beri keutamaan kepada kawasan sekitarnya di mana kawasan Serdang juga memerlukan tempat untuk pelajar di kawasan tersebut. Saya harap kalau tidak cukup tempatnya boleh diagihkan di sekitar kawasan Parlimen Serdang supaya mereka tidak diketepikan...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Baik. Cukup, Yang Berhormat.

Dato' Hon Choon Kim: Tuan Yang di-Pertua, saya memang bersetuju. Saya akan memberi perhatian kerana Yang Berhormat sentiasa prihatin. SJK(C) Taman Connaught 2 memang terletak di negeri Selangor bersempadan dengan Wilayah Persekutuan. Jadi kami akan mengambil kira apabila pendaftaran telah diterima dan akan memilih mengikut apa yang disarankan oleh Yang Berhormat tadi.

[Soalan No. 6 - Y.B. Dato' Jacob Dungau Sagan [Baram] tidak hadir]

7. **Tuan Devamany a/l S. Krishnasamy [Cameron Highlands]** minta Menteri Pelajaran menyatakan, langkah-langkah yang telah dilaksanakan dan dirancang untuk menyeragamkan institusi prasekolah di negara kita memandangkan institusi tersebut paling tidak teratur dan kurang berkesan dari segi kurikulum, tenaga pengajar serta prasarana P&P. Apakah rancangan untuk merealisasikan saranan Timbalan Perdana Menteri untuk menggalakkan kanak-kanak dua tahun mengikuti pendidikan prasekolah.

Timbalan Menteri Pelajaran [Dato' Hon Choon Kim]: Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Pelajaran Malaysia tidak bersetuju dengan pandangan yang menyatakan bahawa pelaksanaan prasekolah di negeri ini tidak teratur dan kurang berkesan dari segi kurikulum, tenaga pengajar dan prasarana pengajaran dan pembelajaran. Dari semasa ke semasa Kementerian Pelajaran Malaysia telah melaksanakan penambahbaikan terhadap pelaksanaan prasekolah seperti yang terkandung dalam Akta Pendidikan 1996.

Bagi tujuan menyeragamkan kurikulum, Kementerian Pelajaran Malaysia telah menetapkan semua pelaksanaan prasekolah di negara ini mesti menggunakan Kurikulum Prasekolah Kebangsaan yang seragam mulai 1 Januari 2003. Pelaksanaan Kurikulum Prasekolah Kebangsaan diwajibkan kepada semua agensi pelaksana prasekolah termasuk kerajaan negeri, badan bukan kerajaan dan swasta. Dengan adanya keseragaman kurikulum ini, maka penyediaan proses pembelajaran dan pengajaran dapat dibuat dengan lebih teratur dan berkesan.

Kementerian Pelajaran Malaysia juga bertindak sebagai penyelarasan kepada Jawatankuasa Teknikal Pendidikan Prasekolah agensi kerajaan bagi memastikan keselarasan dari segi kurikulum, tenaga pengajar dan kemudahan prasarana yang lain. Agensi kerajaan lain yang melaksanakan prasekolah adalah KEMAS dari Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah dan Jabatan Perpaduan dan Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat.

Kementerian Pelajaran Malaysia membenarkan agensi-agensi lain melaksanakan prasekolah bertujuan memberikan pilihan kepada ibu bapa untuk memilih pendekatan yang sesuai bagi anak-anak mereka bagi menerima pendedahan pendidikan awal. Malah agensi-agensi terlibat juga bertanggungjawab menyediakan kemudahan prasarana, tenaga pengajar dan proses pembelajaran dan pengajaran seperti yang telah ditetapkan oleh Kementerian Pelajaran Malaysia. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat Kementerian Pelajaran Malaysia juga melatih guru-guru tadika dari KEMAS dan juga Jabatan Perpaduan. Terima kasih.

Tuan Devamany a/l S. Krishnasamy [Cameron Highlands]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan saya kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri. Saya ucapkan terima kasih kerana dikatakan bahawa ada penyelarasan kurikulum sejak tahun 2003, tetapi saya ingin mencabar kenyataan itu kerana saya rasa peringkat swasta masih belum ada lagi penyelarasan dari segi kurikulum.

Banyak agensi di peringkat swasta seperti *Smart Readers*, *Montessori* yang ada program masing-masing satu. Dan saya tengok ada banyak lagi agensi-agensi yang masih terlibat dalam prasekolah contohnya Jabatan Hal Ehwal Agama, universiti-universiti, Kementerian Pertahanan, Yayasan Sabah, Lembaga Elektrik Negara ada banyak lagi. Maka saya minta soalan tambahan, saya rasa di peringkat akar umbi ramai rakyat tidak puas hati dengan cara prasekolah yang sedang dilaksanakan dan dijalankan khususnya kerana guru-gurunya tidak bertauliah. Oleh kerana tekanan untuk keuntungan...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Soalan Yang Berhormat.

Tuan Devamany a/l S. Krishnasamy [Cameron Highlands]: Ya. Saya rasa guru-guru itu diambil sahaja macam itu, saya rasa *Form 5* kah, SPM kah macam itu.

Soalan saya, bolehkah kementerian mengesyorkan melalui Kabinet penubuhan satu Jawatankuasa Khas Pilihan Parlimen untuk mengkaji balik struktur dan pelaksanaan hala tuju prasekolah kerana umur dua hingga tujuh tahun sangat penting. Dan satu lagi soalan yang saya tanya di sini tidak terjawab, apakah rancangan untuk merealisasi saranan Timbalan Perdana Menteri untuk menggalakkan kanak-kanak dua tahun mengikut pendidikan prasekolah yang dilaungkan lebih kurang dua bulan yang lalu? Minta jawab soalan itu, terima kasih.

Dato' Hon Choon Kim: Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat bagi Cameron Highlands tidak payahlah cabar mencabar. Saya rasa ini bukan cara untuk menyelesaikan masalah. Kalau Yang Berhormat dapati prasekolah yang tidak mengikut kurikulum memberikan satu senarai, kita akan pantau, kita akan siasat. Kalau mereka memang tidak ikut kita memang ada peraturan yang telah diperuntukkan dalam Akta Pendidikan, kita boleh ambil tindakan terhadapnya. Tentang umur dua tahun itu masih dalam perbincangan dan kalau ada *proposal* yang konkrit dengan izin, saya akan memberitahu kepada Yang Berhormat. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat bagi Kelana Jaya.

Tuan Loh Seng Kok [Kelana Jaya]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Yang Berhormat Timbalan Menteri, pendidikan prasekolah dianggap sebagai satu peringkat yang amat penting bagi menyediakan asas pembelajaran yang baik kepada kanak-kanak kita dan kita menganggapkan bahawa sekolah-sekolah di seluruh negara merupakan lokasi yang baik, yang berhampiran dengan perumahan untuk menyediakan prasarana pendidikan kepada pelajar. Jadi soalnya ialah, bilakah Kementerian Pelajaran Malaysia akan membuka pendidikan prasekolah di semua sekolah ke seluruh negara untuk kemudahan ibu bapa menghantar anak-anak mereka mengambil pendidikan prasekolah ini kepada anak-anak mereka. Minta penjelasan.

Dato' Hon Choon Kim: Saya ucapkan berbanyak-banyak terima kasih. Setakat ini memang Kementerian Pelajaran Malaysia tidak mengendalikan kelas-kelas prasekolah di sekolah kerajaan. Memang saya mengakui, maka sehingga tahun 2006 hanya sebanyak 3,649 buah sekolah rendah di seluruh negara adalah prasekolah, sekolah kerajaan.

Jadi Yang Berhormat tanya sama ada hasrat, memang hasrat kerajaan tetapi ini memerlukan masa yang agak panjang untuk menyediakan bilik darjah dan juga cukup melatih bilangan pengajar dan sebagainya. Jadi Yang Berhormat, pandangan Yang Berhormat akan diambil kira dan buat masa sekarang memang masih belum sampai masanya Kementerian Pelajaran Malaysia dapat memberikan pendidikan prasekolah di semua sekolah kerajaan, setakat ini masih belum lagi.

8. Dato' Yap Pian Hon [Serdang] minta Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan menyatakan:

- (a) berapakah bilangan hotel yang sedang beroperasi secara haram (tanpa lesen) di sekitar Seri Kembangan, dan apakah tindakan yang diambil terhadapnya; dan

- (b) sama ada permainan video haram telah muncul semula di sekitar kawasan Seri Kembangan. Jika ya, di manakah lokasinya dan apakah tindakan yang telah diambil terhadap permainan video haram ini yang menjejaskan kestabilan sosial.

Setiausaha Parlimen Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan [Dr. S. Subramaniam]: Tuan Yang di-Pertua,

- (a) Pelesenan hotel adalah tertakluk di bawah Undang-undang Kecil, *Trade* Perniagaan dan Industri yang digunakan pakai di pihak berkuasa tempatan masing-masing. Berdasarkan laporan yang diterima daripada kementerian, hanya satu sahaja hotel yang didapati beroperasi secara haram tanpa lesen di sekitar Seri Kembangan dan alamatnya adalah seperti berikut: Tower Inn Hotel di Pusat Perdagangan di Seri Kembangan. Tindakan notis tawaran kompaun telah dikeluarkan terhadap hotel tersebut kerana kesalahan menjalankan perniagaan tanpa lesen dan hotel telah membuat permohonan untuk mendapat lesen yang sedang dikaji pada masa sekarang kalau hotel gagal untuk mendapat lesen, maka mereka akan disuruh berhenti perniagaan.

Bagi soalan kedua,

- (b) Berdasarkan laporan yang diterima daripada majlis, didapati terdapat tiga premis video *game* haram di sekitar Seri Kembangan dan ketiga-tiga ini disiasat dan telah disita dan pihak majlis sedang memantau bahawa mereka tidak akan meniaga lagi sekarang.

Terima kasih.

Dato' Yap Pian Hon [Serdang]: Terima kasih Yang Berhormat bagi Setiausaha Parlimen. Soalan tambahan, maklumat yang diterima daripada kementerian menyatakan hanya sebuah hotel tanpa lesen beroperasi di Seri Kembangan, tetapi saya hairanlah sebelah rumah saya ada satu lagi. Di Serdang Raya tanpa tanda, *signboard* tetapi masih terus beroperasi tetapi saya minta kementerian terus menyiasat untuk mencegah operasi hotel tanpa lesen beroperasi secara ini tidak akan menjejaskan kestabilan sosial di kawasan tersebut.

Jadi, saya minta apa tindakan yang selanjutnya untuk mengambil tindakan terhadap hotel-hotel tanpa lesen ini terus beroperasi. Sebelum operasi sepatutnya dicegah dahulu. Jadi apakah langkahnya dan supaya masalah tidak berlanjutan lagi. Terima kasih.

Dr. S. Subramaniam: Terima kasih Yang Berhormat. Tolong beri saya maklumat tentang hotel yang telah berfungsi di sebelah rumah Yang Berhormat dan kita akan suruh Majlis untuk buat siasatan dan ambil tindakan lanjutan ke atas mereka. Proses pemantauan untuk mengenal pasti bahawa mana-mana perniagaan tidak berjalan secara haram, tanpa lesen ialah satu proses yang dibuat berterusan. Kadang-kadang ada kelemahan kerana maklumat tidak didapati oleh pihak Majlis. Ahli-ahli Yang Berhormat, kalau ada mempunyai maklumat tentang mana-mana perniagaan haram, tolonglah beri maklumat kepada Majlis atau kementerian, kita akan mengambil tindakan yang sewajarnya. Terima kasih.

9. Dr. Mohd. Hayati bin Othman [Pendang] minta Menteri Pelajaran menyatakan, apakah bentuk pemantauan kerajaan kepada pelajar cemerlang yang lahir di Malaysia hingga kini, prestasi pembelajaran, masa depan mereka, bentuk imbuhan dan bantuan yang telah diberikan?

Timbalan Menteri Pelajaran [Dato' Hon Choon Kim]: Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Pelajaran Malaysia menyedari bahawa murid-murid cemerlang merupakan aset kepada negara. Bagi menjamin perkembangan murid seimbang dari segi intelek, jasmani, emosi dan rohani serta seimbang dari segi perkembangan ilmu, kemahiran dan nilai, murid-murid tersebut perlu dipantau prestasi serta keperluan mereka agar dapat mengikuti pendidikan dalam aliran perdana di semua jenis sekolah pilihan mereka dengan sempurna.

Kementerian Pelajaran Malaysia bersedia untuk menimbangkan permohonan mereka untuk mendapatkan program pendidikan khas yang sesuai dengan bakat dan kepintaran mereka secara *case-by-case*, dengan izin. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian Pelajaran Malaysia sedang menyediakan kertas konsep instrumen untuk mengkaji atau ujian IQ dengan EQ bagi mengenal pasti kemungkinan murid-murid pintar, cerdas di sekolah-sekolah.

Kementerian Pelajaran Malaysia sedang meneliti kaedah-kaedah program pendidikan yang sesuai bagi murid pintar dan cemerlang untuk dijalankan di sekolah-sekolah yang terpilih. Kementerian Pelajaran Malaysia turut merancang menempatkan murid-murid pintar, cemerlang dan berbakat di sekolah-sekolah berasrama penuh, sekolah sukan dan juga di sekolah kesenian. Selain daripada itu, murid-murid itu juga boleh memasuki sekolah rendah, setahun lebih awal tertakluk kepada keputusan ujian saringan yang dijalankan oleh Kementerian Pelajaran Malaysia.

Dr. Mohd. Hayati bin Othman [Pendang]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Kewujudan ataupun adanya pelajar cemerlang ataupun kita sebut genius ini mungkin sekali-sekala wujud dalam negara kita, dalam masyarakat kita. Kita tidak lupa dengan nama-nama seperti Shukri Hadafi, kerana nama ini merupakan satu nama yang saya rasa tahun 70-an, 80-an, begitu gah sehingga di bawa ke Universiti Malaya dan dipertontonkan kebolehan beliau di hadapan profesor, pensyarah di Universiti Malaya tetapi kehidupannya begitu terbiar, sehingga menjadi pembuat roti canai sekarang ini di Baling. Ini kerana, pada masa itu tidak ada satu insentif untuk memajukan diri beliau tetapi pada Bajet Tahun 2007, kita merasa banggalah kerana ada satu insentif untuk mereka yang cemerlang sehingga ke peringkat Ph.D. Mungkin Adi Putera dan juga Nur Amalina tergolong dalam golongan ini.

Soalan yang saya ingin tanya ialah, berapa ramai setakat ini yang ada dalam statistik kementerian, pelajar-pelajar cemerlang dari semua kaum yang mencapai kecemerlangan sehingga menjadikan mereka seorang ahli keluarga yang cemerlang. Berada dalam masyarakat itu menjadi seorang yang cemerlang tanpa bantuan daripada kementerian ataupun daripada kerajaan selama ini. Kalau tidak mempunyai statistik, saya harap dapat memberi notis. Terima kasih.

Dato' Hon Choon Kim: Tuan Yang di-Pertua, saya memang tidak ada statistik tentang bilangan yang telah dianggap sebagai *genius* di masyarakat kita tetapi saya memang setuju pandangan Yang Berhormat bagi Pendang bahawa negara kita mestilah memberikan peluang dan juga bantuan kepada anak-anak kita yang telah menunjukkan kepakaran dan kecemerlangan kerana kalau negara kita maju, mestilah bagi peluang kepada mereka.

Jadi setakat ini, pada ketika ini, memang kita ada satu *instrument* yang khusus untuk memberikan atau mengkaji dan juga memperbincangkan untuk memastikan mereka mendapat satu peraturan yang cukup baik. Walau bagaimanapun, saya harap juga masyarakat kita akan sentiasa memberikan perhatian kepada anak-anak kita, tampil ke hadapan memberitahu kepada Kementerian Pelajaran, seperti Adi Putera ini.

Selepas dikenali, dilaporkan dalam media massa, menteri sendiri telah mengarahkan supaya berbincang dengan ibu bapa Adi Putera supaya dapat memberikan peluang dan juga apa bantuan yang harus kita berikan. Sekarang ini, Adi Putera saya difahamkan telah belajar di sekolah antarabangsa bagi memberi peluang kepada Adi Putera untuk maju dalam bidang pelajaran. Walau bagaimanapun, saya akan sentiasa mengingatkan apa yang dicadangkan oleh Yang Berhormat dan sudah tentu akan membawa balik untuk dibincangkan bersama bagaimana cara yang terbaik untuk memelihara anak-anak yang menunjukkan bakat dan cemerlang itu. Terima kasih.

10. Tuan Jelaing Anak Mersat [Saratok] minta Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani menyatakan, adakah kementerian bercadang untuk menambahkan kemudahan untuk melatih anak-anak petani dalam kemahiran yang diperlukan dalam bidang pertanian.

Setiausaha Parlimen Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani [Datuk Hajah Rohani binti Haji Abdul Karim]: Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani memang bercadang untuk menambahkan kemudahan untuk melatih anak-anak petani dalam kemahiran yang diperlukan dalam bidang pertanian.

Kementerian melalui jabatan dan agensi di bawahnya mengadakan pelbagai kursus dan latihan teknikal serta pengurusan kepada semua peringkat sasaran di 40 buah institut latihan pertanian yang sedia ada di seluruh negara.

Kementerian telah menubuhkan Majlis Latihan Pertanian Kebangsaan atau NATC pada 1 Julai 2002 bagi pelaksanaan Program Latihan Kemahiran Pertanian Kebangsaan yang berasaskan, dengan izin, *competency based skill training* dan di bawah komponen pusat latihan ini, Kolej Pertanian Malaysia telah diwujudkan di Alor Star, Kedah untuk melahirkan pekerja dan usahawan yang berkemahiran dalam pelbagai bidang agar pertanian menjadi sektor yang moden, dinamik dan berdaya saing. Di samping itu semua institut atau pusat di bawah jabatan dan agensi yang terlibat dengan latihan kemahiran ini sedang juga dinaiktarafkan.

Dalam usaha melahirkan petani yang berkemahiran tinggi dan meningkatkan kualiti hasil pertanian secara berterusan, kementerian telah mengorak langkah dengan menyusun semula semua program latihan yang dijalankan oleh institut dan pusat latihan pertanian tersebut supaya lebih sistematik diiktiraf dari segi persijilan dan diterima oleh industri melalui pelaksanaan pusat latihan yang berteraskan Standard Kemahiran Pekerja Kebangsaan atau *National Occupational Skill Standard*. Pelaksanaan kursus ini menekankan kepada latihan *hands on* seperti amali, projek demonstrasi dan simulasi bagi memastikan kumpulan sasar mencapai tahap kemahiran yang diperlukan dan berkeyakinan untuk menceburi diri dalam bidang pertanian moden. Terima kasih.

Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Tuan Yang di-Pertua, di negara ini kita semua tahu bahawa masyarakat tidak berapa minat untuk terlibat dalam hal-hal berkaitan dengan pertanian. Satu di antara perkara ini adalah seperti soalan yang ditanya kerana tidak ada galakan-galakan yang tertentu atau pemantauan oleh kerajaan untuk menolong masyarakat-masyarakat yang ingin mendapat pertolongan dari kementerian. Khususnya saya hendak tanya, apakah kursus-kursus yang sedia ada oleh kerajaan yang telah diguna pakai untuk membawa pihak-pihak yang terlibat dalam penternakan lembu dan ayam supaya mereka dapat mengambil bahagian dalam semua proses termasuk dalam meningkatkan standard mereka.

Seperti yang dikatakan oleh Setiausaha Parlimen bahawa *Occupational Skill Standard* dan apakah yang dikena pakai dalam penternakan lembu supaya pihak-pihak yang terlibat dalam peluang kejayaan? Terima kasih.

Datuk Hajah Rohani binti Haji Abdul Karim: Terima kasih Yang Berhormat. Yang Berhormat, Saya tidak bersetuju Yang Berhormat mengatakan tidak cukup kursus dan sebagainya. Kursus memang banyak dan di dalam Dewan yang mulia ini, saya saban kali memang menceritakan mengenai segala kursus yang ada tetapi kita yang berminat juga seharusnya proaktif Yang Berhormat. Saya katakan, pergi ke Jabatan Perkhidmatan Haiwan yang terdekat supaya mendapat segala kursus dan termasuk bantuan. Jadi itu *step* pertama Yang Berhormat. Mesti ada komitmen daripada diri kita sendiri.

Dan, untuk makluman Yang Berhormat, khasnya bagi ternakan sahaja, di pusat latihan yang berbentuk mendapat sijil kemahiran Malaysia untuk ruminan ya, Yang Berhormat, bermakna untuk ternakan sahaja, kita telah melatih sekarang ini, sebanyak 414 di pusat latihan tersebut. Jadi ini siap dengan sijil Yang Berhormat. Jadi ini yang tetap, profesional, yang latihan *hands-on*, latihan di ladang itu lain pula Yang Berhormat.

Jadi, saya berharap Yang Berhormat pergilah beritahu, atau beri nasihat kepada mereka yang berminat, pergilah ke Jabatan Pertanian atau Jabatan Perkhidmatan Haiwan yang terdekat untuk mendapatkan kursus...

Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]: Mereka pergi tetapi Pejabat Pertanian mengatakan bahawa perlu ada kelayakan-kelayakan yang tertentu. Untuk pertanian kalau kita memerlukan sekurang-kurangnya pelajaran SPM dan sebagainya, mana ada. Siapa yang ada minat dalam bidang ini?

Datuk Hajah Rohani binti Haji Abdul Karim: Yang Berhormat, mestilah ada kelayakan yang minimum Yang Berhormat...

Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]: Tinggi! Sangat tinggi.

Datuk Hajah Rohani binti Haji Abdul Karim: Itu dimestikan. Yang di sini Yang Berhormat, yang saya nampak di sini, yang di bawah Program Inkubator Usahawan Belia Tani sebagai contoh Yang Berhormat ya. Jadi umur 17 hingga 35 tahun, sebab nama belia dan memiliki Sijil SPM atau SPVM atau setaraf. Jadi bermakna, kalau Yang Berhormat tadi katakan khasnya daripada anak-anak tani ini, memang mereka kepakaran itu ada. Sebab memang selama itu bersama dengan mak bapa dia orang. Jadi sudah tahu. Jadi ada kelonggaran Yang Berhormat.

Jadi ini segala-gala apa yang kami usahakan ini, bukannya statik bukannya *rigid*, dengan izin. Jadi ini dikatakan ada lagi *clause* di hujung itu... "atau setaraf". Jadi bermakna, kalau kita rasakan dia ada kemahiran, tetapi walaupun sijil kelayakan dia rendah, boleh kita pertimbangkan Yang Berhormat. Jadi cuba Yang Berhormat ya.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Baiklah Yang Berhormat. Baik cukuplah. Padang Serai.

Dato' Lim Bee Kau [Padang Serai]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya rasa...

Tuan Jelaing anak Mersat [Saratok]: [Bangun]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Yang Berhormat, Saratok tadi tidak bangun. Jadi bukan tidak beri peluang. Yang Berhormat tadi memang tidak bangun.

Dato' Lim Bee Kau [Padang Serai]: Tidak apa, Tuan Yang di-Pertua boleh bagi peluang lepas ini.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Ini terpulang kepada saya nanti.

Dato' Lim Bee Kau [Padang Serai]: Okey terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya rasa peluang yang diwujudkan ataupun yang sedia ada daripada pihak Kementerian Pertanian memang cukup dan begitu banyak sekali hingga ada 40 institusi yang menjalankan pertanian ini. Dan kita lihat bahawa kerajaan telah menjadikan pertanian sebagai enjin ketiga untuk ekonomi kita. Jadi saya hairan kenapa, walaupun ada perkara yang sedemikian, masih tidak begitu dapat menarik belia-belia terutama sekali anak-anak petani ini untuk melibatkan diri dalam bidang pertanian.

Apakah masalah-masalah yang dihadapi oleh mereka dan juga pihak kementerian untuk mencungkil minat mereka. Dan adakah pihak kementerian mempunyai butiran berkenaan dengan berapa ramai pelatih-pelatih ini, yang telah melalui 40 institusi ini masih dan sudah berjaya dalam bidang pertanian ini. Terima kasih.

Datuk Hajah Rohani binti Haji Abdul Karim: Terima kasih Yang Berhormat. Saya ingin mengakui di sini bahawa ini adalah satu daripada masalah yang dihadapi iaitu bagaimana kita hendak memupuk satu naluri di dalam kanak-kanak ini atau anak-anak petani ini supaya sama-sama juga menceburi bidang pertanian.

Jadi Yang Berhormat ini kita teruskan usaha ini. Saya rasa satu daripada sebabnya sebab banyak alternatif lain dia boleh bekerja di tempat lain dan sebagainya. Dan kita semua sini sedia maklum bahawa kerja pertanian ini nampaknya memang berat. Dan kami memang menghadapi satu masalah di mana sekarang ini yang berada di sawah, di bendang adalah mereka yang purata umur 60 ke atas.

Jadi oleh yang demikian, kami sekarang ini mengadakan pertanian moden dengan menggunakan mekanisasi dan dengan menggunakan teknologi-teknologi terkini. Dan pada masa yang sama hendak menunjukkan beberapa *showcase* untuk memberi perangsang kepada belia-belia ini bahawa di dalam bidang pertanian juga, kita boleh mewujudkan jutawan.

Jadi untuk makluman Yang Berhormat, memang statistik dari segi yang berkursus itu ada tetapi dari segi mereka masuk balik ke bidang pertanian kadang-kadang kita tidak monitor tetapi sekarang kita ada satu program dinamakan Program Taman Kekal Pengeluaran Makanan dan juga di bawah projek ternakan.

Jadi kita memastikan bahawa mereka yang ada kelulusan dengan sijil-sijil tersebut diberi keutamaan untuk menganggotai atau diambil di dalam program-program tersebut. Terima kasih.

Seorang Ahli: [Bangun]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Cukuplah Yang Berhormat. Ya, Yang Berhormat bagi Putatan.

Datuk Dr. Marcus Makin Mojigoh [Putatan]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya mohon soalan yang penting, nombor 11 dijawab.

Seorang Ahli: Hah penting! Soalan yang lain tak penting kah? ... [Ketawa]

11. Datuk Dr. Marcus Makin Mojigoh [Putatan] minta Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi menyatakan:

- (a) berapakah jumlah wang yang dibelanjakan dalam Program Angkasawan Negara dan misi mereka ke MIR; dan
- (b) apakah manfaat yang akan dinikmati oleh rakyat dan negara Malaysia hasil daripada program ini.

Setiausaha Parlimen Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani [Datuk Hajah Rohani binti Haji Abdul Karim]: Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, izinkan saya menjawab bagi pihak Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Boleh, sila.

Datuk Hajah Rohani binti Haji Abdul Karim:Terima kasih kepada Yang Berhormat Putatan kerana prihatin dengan perkembangan Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi dan saya yakin, Ahli-ahli Yang Berhormat yang lain turut berminat untuk mengetahui perkembangan terkini Program Angkasawan Negara, apatah lagi ini adalah projek Malaysia yang pertama, sudah pastilah kejayaan projek ini dinanti-nantikan.

- (a) Program ini dilancarkan pada tahun 2003 di mana lebih kurang 10000 orang telah menunjukkan minat dengan menghantar permohonan. Setelah melalui saringan yang ketat, empat orang telah disenaraipendekkan. Mereka ialah Kapten Mohd Faiz bin Kamaludin; Dr. Faiz Khalid; Dr. Sheikh Muzaffar Shukor; dan Cik Vanajah Subramaniam.

Daripada empat orang ini dua calon telah terpilih untuk menjalani latihan selama 12 bulan di Star City iaitu Dr. Sheikh Muzaffar Shukor dan Kapten Dr. Faiz Khalid. Nama mereka telah diumumkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri pada 4 September yang lalu. Mereka akan menjalani latihan sebagai calon angkasawan, seterusnya seorang akan dilancarkan ke Stesen Angkasa Antarabangsa atau *International Space Station* iaitu ISS, dan bukan MIR seperti disebut Yang Berhormat dalam soalan.

Dan segala perbelanjaan sebenarnya tidak menggunakan duit dari Perbendaharaan kita. Ini penting, tidak menggunakan duit dari Perbendaharaan ini. Ini kerana program ini diperolehi hasil timbal balas atau *offset* pembelian pesawat Sukhoi oleh Kementerian Pertahanan.

- (b) Untuk makluman Yang Berhormat, tujuan utama seseorang angkasawan dilancarkan adalah untuk menjalankan eksperimen sains dalam keadaan mikro graviti. Keadaan ini tidak terdapat di bumi. Oleh itu, melalui program angkasawan negara yang dijayakan oleh Agensi Angkasa Negara atau ANGKASA, peluang untuk saintis kita menunjukkan kebolehan dan kemampuan terbuka luas. Malahan sehingga hari ini...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, adakah jawapan ini untuk soalan (b)?

Datuk Hajah Rohani binti Haji Abdul Karim: Ha dia sambung sekali Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua dan saya tidak mampu memotong. Ini bagi pihak orang.

...Ramai saintis telah mengemukakan cadangan penyelidikan masing-masing. Pelbagai institusi pengajian tinggi, institusi-institusi penyelidikan malahan saintis berbilang bangsa, sama-sama menjalankan eksperimen ini. Ini menyumbang ke arah perpaduan kaum.

Dari segi ekonomi pula setiap eksperimen ini bukan hanya terhenti setelah tamat program ini tetapi berterusan. Setiap keputusan eksperimen yang diperoleh setelah angkasawan mendarat di bumi, akan dikaji. Seterusnya akan menyelesaikan pelbagai tanda tanya mengenai dunia sains, perubahan, pendidikan dan sebagainya.

Satu lagi contoh yang saya boleh berikan kepada Yang Berhormat adalah mengenai pendidikan. Satu siaran langsung akan diadakan di antara angkasawan kita dengan sekolah-sekolah yang terpilih. Angkasawan kita akan mendemonstrasikan eksperimen secara *live* dengan pelajar di bumi Malaysia. Mereka bukan sahaja dapat menonton eksperimen tersebut, malahan berkomunikasi secara langsung dengan angkasawan. Ini akan menimbulkan lagi minat pelajar kita di dalam bidang sains angkasa. Kesimpulannya, Program Angkasawan Negara bukanlah setakat menghantar seorang angkasawan ke angkasa, tetapi implikasi dari program ini adalah berterusan dan memberi manfaat kepada rakyat Malaysia dari segenap peringkat umur dan latar belakang pendidikan.

Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat bagi Putatan.

Datuk Dr. Marcus Makin Mojigoh [Putatan]: Tahniahlah kerana Yang Berhormat Setiausaha Parlimen Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani juga menjawat...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Soalan tambahan Yang Berhormat.

Datuk Dr. Marcus Makin Mojigoh [Putatan]: Soalan tambahan.

Dato' Seri Tiong King Sing [Bintulu]: *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

Datuk Dr. Marcus Makin Mojigoh [Putatan]: Ini bukan usik, ini ucap tahniah kerana menjawat dua jawatan. Jadi soalan tambahan saya Tuan Yang di-Pertua, ini senang.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Kalau senang, tak payah soallah Yang Berhormat.

Datuk Dr. Marcus Makin Mojigoh [Putatan]: Akan tetapi soalan ini berasas daripada pengundi saya. Dia mahu tahu apa jawapannya soalan ini, soalan impak. Walaupun yang dinyatakan oleh Yang Berhormat Setiausaha Parlimen tadi bahawa ini adalah satu implikasi kepada generasi muda kita, kepada para saintis kita yang merangka satu program ilmu keangkasawanan. Jadi soalan tambahan, apakah program-program yang seterusnya yang tidak diterangkan oleh Yang Berhormat, soalan dengan program ketelusan. Apakah selepas ini? Ini kita sudah mengucapkan tahniah kepada usaha negara kita untuk meletakkan titik negara kita dalam peta dunia keangkasawanan.

Jadi, program lain-lain negara yang bangga kepada negara kita yang ada buat usaha program seperti negara-negara yang maju. Jadi, apakah program yang seterusnya yang boleh memberi impak kepada rakyat negara ini.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Baik, cukup.

Datuk Dr. Marcus Makin Mojigoh [Putatan]: Ada lagi.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Cukup, cukup.

Datuk Hajah Rohani binti Haji Abdul Karim: Terima kasih Yang Berhormat. Yang Berhormat, selain daripada apa yang saya bacakan tadi, impak memang besar dari segi kita sekarang ini berada di dalam satu situasi di mana Malaysia setaraf dengan angkasawan-angkasawan di antarabangsa. Dan untuk makluman Yang Berhormat, sebab saya pun dapat *briefing*...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, dia nak minta program selanjutnya.

Datuk Hajah Rohani binti Haji Abdul Karim: Tak, *coming*.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Tak payah. Jawab itu sahaja, cukup.

Datuk Hajah Rohani binti Haji Abdul Karim: Jadi, saya nak memberi situasi dahulu.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Tak payahlah Yang Berhormat. Semua faham.

Datuk Hajah Rohani binti Haji Abdul Karim: Angkasawan kita ini berada di dalam *space station* di mana dia bersama dengan warga Amerika dan Rusia. Jadi impaknya, mereka sudah boleh bertukar macam-macam maklumatlah di situ. Jadi untuk makluman, ini adalah aktiviti-aktiviti angkasawan itu sebab itu adalah menjurus kepada jawapan itulah. Mereka mengadakan *life sciences*, kerana nak *translate* ia susah dengan izin. Iaitu mereka belajar *cells in space*, *microbes in space*, *protein crystallization in space*, *seeds and germination in space*. Lepas itu *space medicine*.

Mereka belajar *in-flight monitoring of* kesihatan angkasawan. Selepas itu, mereka belajar *pre-flight* dan *post-flight monitoring* angkasawan punya *health*. Selepas itu, mereka belajar *physic education*. *Physic education* iaitu termasuk mereka main batu seremban itu. Main *traditional game in space* dan mereka main gasing in *space*. Selepas itu, di dalam *food technology*...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat...

Datuk Hajah Rohani binti Haji Abdul Karim: ...*There is Malaysian food in space*.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, ini adalah program selanjutnya?

Datuk Hajah Rohani binti Haji Abdul Karim: Ya. Saya kena sebab soalan...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Kalau panjang boleh hantar secara bertulis Yang Berhormat.

Datuk Hajah Rohani binti Haji Abdul Karim: Tak, sikit sahaja.

Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]: Dia menyelamatkan.

Datuk Hajah Rohani binti Haji Abdul Karim: ...*[Ketawa]* Lepas itu *art in space*, *art* ini *space* Yang Berhormat. Mereka buat batik in *space* dan mereka buat *space sketchers* dan yang ini memang penting. Dinamakan *space photography* di mana *images of Malaysia from space* Yang Berhormat...

Datuk Dr. Marcus Makin Mojigoh [Putatan]: Teh tarik tak ada?

Datuk Hajah Rohani binti Haji Abdul Karim: Manalah tahu dia *zoom* ke Putatan.

Datuk Dr. Marcus Makin Mojigoh [Putatan]: Tak ada teh tarik *in space*?

Datuk Hajah Rohani binti Haji Abdul Karim: Ada, ada. Teh tarik *in space* pun ada Yang Berhormat. *Sorry* terlupa. Teh tarik *in space*. Jadi Yang Berhormat, ini adalah sesuatu yang mereka membuat percubaan dalam *space* dan ini dikongsi. Jadi, dengan secara tidak langsung kebudayaan kita, *I mean* cara-cara kita...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Baik Yang Berhormat. Jelas, tepatlah cukup.

Datuk Hajah Rohani binti Haji Abdul Karim: Satu lagi Yang Berhormat. Semua ini ada di pameran di PWTC Yang Berhormat, sehingga 17 November. Sila Yang Berhormat pergi ke sana. Terima kasih.

Tuan Haji Abdul Fatah bin Haji Haron [Rantau Panjang]: Rantau Panjang.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Cukuplah, cukuplah.

Tuan Haji Abdul Fatah bin Haji Haron [Rantau Panjang]: Satu lagi. Satu.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Tak apalah. Yang Berhormat bagi Tanah Merah.

Tuan Haji Abdul Fatah bin Haji Haron [Rantau Panjang]: Oh, tak bagi...
[Ketawa]

12. Ir. Shaari bin Hassan [Tanah Merah] minta Menteri Kesihatan menyatakan, apakah kementerian ini mempunyai standard khusus mengenai makanan segera yang tidak berkualiti yang dijual di pasaran dan nyatakan senarai makanan segera yang diharamkan dalam tempoh lima tahun ini sekiranya ada.

Setiausaha Parlimen Kementerian Kesihatan [Dato' Lee Kah Choon]: Terima kasih Yang Berhormat. Tuan Yang di-Pertua, semua makanan termasuk makanan segera seperti biskut, roti dan sebagainya yang dijual di negara ini mestilah selamat, berkualiti dan mematuhi Akta Makanan 1983 dan Peraturan-Peraturan Makanan 1985. Pengeluar makanan adalah bertanggungjawab untuk mematuhi akta dan peraturan tersebut bagi menjamin keselamatan rakyat. Setakat ini, Kementerian Kesihatan tidak mengharamkan mana-mana makanan segera dalam pasaran selagi produk-produk ini adalah berkualiti, selamat dan mematuhi undang-undang di negara ini.

Ir. Shaari bin Hassan [Tanah Merah]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Apa yang saya hendak ketengahkan di sini ialah di mana di kawasan-kawasan luar bandar, banyak makanan-makanan yang di pek dalam pek yang menarik dan dijual dengan harga yang rendah. Saya yakin makanan ini, saya sendiri pun mencuba dan amat digemari oleh kanak-kanak sedangkan rasanya, dari segi kualitinya, rasanya tidaklah berkualiti.

Apakah kementerian turun ke bawah untuk menyemak apakah makanan-makanan yang dijual ini berkualiti dan selamat dimakan di mana pewarna tiruan yang banyak sehinggakan tangan kita pun berwarna merah, kuning dan sebagainya apabila kita makan makanan segera ini. Apakah kementerian bercadang untuk mengambil tindakan turun ke bawah untuk siasat dan juga mengambil tindakan kepada makanan-makanan yang dijual di kawasan-kawasan luar bandar khususnya. Sekian, terima kasih.

Dato' Lee Kah Choon: Terima kasih Yang Berhormat. Berkaitan dengan makanan-makanan yang dikatakan tadi itu, Kementerian Kesihatan memang sentiasa menjalankan pemeriksaan mengejut atau *raiding* di pasaran kita tetapi masalahnya adalah kita memerlukan maklumat yang selanjutnya. Kadang-kadang pengeluar makanan ini, mereka tidak bubuh nama pengeluar dan juga alamat di atas makanan itu dan untuk makanan seumpama ini, kita memang kena tarik baliklah atau kita akan rampas tetapi yang pentingnya adalah berkaitan dengan maklumat. Kalau kita tak ada maklumat, susah kadang-kadang kita nak menjalankan tugas kita. Sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat bagi Pendang.

Dr. Mohd. Hayati bin Othman [Pendang]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Kita tahu makanan-makanan jenis *junk food* ini memang tidak dijual di kantin sekolah tetapi di luar daripada kantin sekolah. Ini yang menjadi masalah. Apabila kita merasa makanan ini, memang kita dapati ia mempunyai lebih gula, garam, perisa dan juga pewarna. Dan ini sudah tentu akan menyebabkan masalah kepada buah pinggang dan juga jantung kita untuk masa akan datang. Ia juga tidak mempunyai nilai protein kerana mereka meletakkan perisa protein, perisa ayam atau perisa lain selain daripada hanya mempunyai karbohidrat.

Jadi apa yang saya nak tanya kepada kementerian, apakah setakat ini kementerian tidak mempunyai kerjasama dengan pihak berkuasa tempatan untuk melakukan pemeriksaan makanan-makanan *junk food* ini di luar pagar sekolah? Bukan di dalam pagar. Di dalam pagar, ia ada peraturan tetapi di luar pagar sekolah. Berhubung kait dengan makanan-makanan yang memberi mudarat kepada buah pinggang dan juga jantung anak-anak kita di masa akan datang. Kerjasama dengan PBT dan juga pejabat kesihatan daerah.

Dato' Lee Kah Choon: Terima kasih Yang Berhormat. Berkaitan dengan soalan tadi itu yang pentingnya adalah berkaitan dengan pendidikan kerana setiap orang dia memerlukan keperluan itu dia berlainan yang berkaitan dengan tenaga dan juga pengambilan gula itu. Pendidikan itu penting kerana kita kena beritahu pengguna apakah yang terkandung dalam makanan kita supaya mereka tahu memilih makanan yang sesuai untuk badan mereka dan sebagai langkah-langkah pendidikan ini, kerajaan telah mengadakan beberapa undang-undang yang kita ada iaitu seperti pelabelan. Bermakna di makanan kita ada label apa yang terkandung dalam makanan itu seperti kita kena beritahu, tenaga, karbohidrat, jumlah gula yang terkandung dalam makanan itu dan juga protein dan lemak. Ini adalah kandungan dalam makanan itu dan supaya *consumer* ini dia dapat memilih apakah makanan yang sesuai untuk badan dia. Sekian.

13. Datuk Haji Ismail bin Haji Abd. Muttalib [Maran] minta Menteri Sumber Manusia menyatakan, bilakah pihak kementerian akan melaksanakan pembinaan Institut Latihan Perindustrian di kawasan Parlimen Maran sebagai sebuah institut yang boleh menjana pertumbuhan di kawasan berkenaan terutama di Pekan Tajau.

Setiausaha Parlimen Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani [Datuk Hajah Rohani binti Haji Abdul Karim]: Tuan Yang di-Pertua izinkan saya menjawab bagi pihak Kementerian Sumber Manusia.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat hari ini jaga tiga kementerian.

Datuk Hajah Rohani binti Haji Abdul Karim: Tuan Yang di-Pertua, bagi makluman Dewan yang mulia ini, Kementerian Sumber Manusia di dalam Rancangan Malaysia Kesembilan, tidak ada perancangan untuk mendirikan Institusi Latihan Perindustrian di kawasan Parlimen Maran. Namun demikian masyarakat di kawasan yang berkenaan masih boleh mendapatkan pendidikan dan latihan di Institut Latihan Perindustrian di kawasan-kawasan berhampiran seperti di ILP, Kuantan dan di ADTEC, Jerantut iaitu projek di bawah Rancangan Malaysia Kesembilan.

Jarak kedua-dua institut latihan tersebut adalah lebih kurang antara 80 hingga 120 kilometer dari kawasan Maran. Di samping itu Institut Latihan Perindustrian menyediakan tempat tinggal atau asrama kepada mereka yang tinggal berjauhan dari penempatan asal bagi memudahkan pelatih. Terima kasih.

Datuk Haji Ismail bin Haji Abd. Muttalib [Maran]: Tuan Yang di-Pertua soalan tambahan saya. Sebenarnya ILP dan juga institut latihan yang lain ini bukan sahaja boleh latih anak-anak bangsa kita di dalam untuk mendapatkan pekerjaan dan sebagainya tetapi dapat membangunkan satu kawasan, bandar dan sebagainya. Di Maran ini di Pekan Tajau ini satu kawasan industri tetapi tidak membangun. Sebab itu saya hendak beritahu kepada kementerian supaya bina ILP ini.

Saya berharap saya minta setiausaha Parlimen wakil Menteri Sumber Manusia membawa semula supaya dalam kajian semula Rancangan Malaysia Kesembilan ini ILP Maran ini dibina.

Saya hendak bertanya sebagai soalan tambahan kedua, setakat ini berapa ramai pekerja-pekerja yang telah dilatih melalui ILP ini dan berapa orang daripada mereka telah mendapat pekerjaan? Terima kasih.

Datuk Hajah Rohani binti Haji Abdul Karim: Terima kasih Yang Berhormat yang ini saya tidak ada maklumat seperti Yang Berhormat kehendaki tetapi pegawai-pegawai ada bersama di sini dan insya-Allah mereka telah mengambil catatan dan mereka akan memberi jawapan terus kepada Yang Berhormat. Terima kasih.

[Soalan No. 14 - Datuk Salleh bin Tun Said (Kota Belud) tidak hadir]

[Soalan No. 15 - Datuk Haji Astaman bin Abdul Aziz (Titiwangsa) tidak hadir]

[Soalan No. 16 - Tuan Shim Paw Fatt (Tawau) tidak hadir]

[Soalan No. 17 - Dato' Chua Jui Meng (Bakri) tidak hadir]

[Soalan No. 18 - Tuan Tiong Thai King (Lanang) tidak hadir]

[Soalan No. 19 - Tuan Donald Peter Mojuntin (Penampang) tidak hadir]

[Soalan No. 20 - Datuk Abdul Rahim bin Bakri (Kudat) tidak hadir]

[Soalan No. 21 - Cik Fong Po Kuan (Batu Gajah) tidak hadir]

[Soalan No. 22 - Datuk Nur Jazlan bin Mohamed (Pulai) tidak hadir]

23. Dato' Dr. Wan Azmi bin Wan Ariffin [Sik] minta Menteri Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah menyatakan, kenapa kadar upahan menoreh getah ladang-ladang getah FELCRA tersangat rendah jika dibandingkan dengan harga getah yang mahal sekarang ini.

Timbalan Menteri Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah [Datuk Dr. Tiki anak Lafe]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih sahabat saya Yang Berhormat bagi Sik. Jadi Tuan Yang di-Pertua, kadar upah menoreh yang ditawarkan oleh FELCRA Berhad adalah setanding dengan kadar yang ditawarkan oleh kadar industri getah semasa.

Di samping kadar upah menoreh yang ditetapkan, penoreh turut menikmati bayaran insentif torehan, torehan ganti ataupun torehan lewat, mutu torehan dan elaun motosikal. Walau bagaimanapun, selaras dengan kenaikan harga getah semasa pihak FELCRA Berhad telah bersetuju menaikkan kadar upah menoreh bagi mengekalkan penoreh menoreh di ladang-ladang FELCRA Berhad.

Bagi peserta projek FELCRA Berhad yang turut bekerja pula mereka memperoleh dua sumber pendapatan iaitu gaji bulanan yang dibayar mengikut produktiviti hasil dan dividen tahunan dari ladang yang dimajukan oleh FELCRA Berhad.

Dato' Dr. Wan Azmi bin Wan Ariffin [Sik]: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan saya. Saya hendak tanya Timbalan Menteri jawapan yang diberi itu adakah Yang Berhormat yakin betul? Betulkah jawapan yang diberi itu?

Datuk Dr. Tiki anak Lafe: Betul, ini jawapan daripada kementerian yang didapati daripada FELCRA.

Dato' Dr. Wan Azmi bin Wan Ariffin [Sik]: Kalau saya dapat buktikan bahawa jawapan Yang Berhormat itu tidak betul apakah langkah-langkah yang akan diambil oleh Yang Berhormat?

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Tidak ada apa?

[Soalan No. 24 - Datuk Juslie Ajrol (Libaran) tidak hadir]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat ada lagi tiga minit, baik.

Datuk Mohd. Zaid bin Ibrahim [Kota Bharu]: Tuan Yang di-Pertua, bagi pihak soalan pertama, Kota Bharu.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang tadi saya panggil tidak datang, tiba, sampai di sini adakah?

Datuk Mohd. Zaid bin Ibrahim [Kota Bharu]: Tidak ada. Minta Kota Bharu soalan pertama.

1. **Datuk Mohd. Zaid bin Ibrahim [Kota Bharu]** minta Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan menyatakan, apakah rancangan Kerajaan Persekutuan untuk membantu negeri Kelantan dalam mengatasi masalah kekurangan longkang/masalah longkang tersumbat, masalah air dan masalah pelupusan sampah.

Setiausaha Parlimen Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan [Dr. S. Subramaniam]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kepada..., tidak datang?

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Tidak, sebab sudah ada ikut Peraturan Mesyuarat yang sedia ada dibenarkan.

Dr. S. Subramaniam: Okey, pada masa ini Kerajaan Persekutuan melalui Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan telah menyediakan peruntukan pembangunan di bawah Rancangan Malaysia Kesembilan untuk membantu semua PBT di Malaysia termasuk PBT di Kelantan bagi melaksanakan projek-projek pengurusan sisa pepejal, penyediaan kemudahan awam dan infrastruktur. Pengagihan peruntukan kepada PBT-PBT adalah berdasarkan permohonan projek oleh PBT kepada KPKT pada setiap tahun serta tertakluk kepada jumlah peruntukan tahunan yang diluluskan.

Kementerian ini telah mengenal pasti beberapa pendekatan bagi membantu negeri Kelantan khususnya PBT melalui Jabatan Pembangunan Persekutuan Kelantan bagi mengatasi masalah pelupusan sisa pepejal. Antaranya menyediakan peruntukan bagi tujuan menaik taraf tapak-tapak pelupusan sisa pepejal, sehingga ini kementerian sudah pun meluluskan sebanyak RM2,584,000 bagi tahun 2005 dan 2006. Membekalkan lori kontraktor bagi mengutip sampah kepada PBT-PBT dan meluluskan peruntukan sebanyak RM448,000 pada tahun 2005 bagi tujuan membeli tong sisa pepejal di peringkat PBT. Di samping itu Kerajaan Persekutuan melalui kementerian ini telah memperuntukkan sejumlah RM90 juta kepada PBT-PBT di negeri Kelantan di bawah Rancangan Malaysia Kesembilan bagi melaksanakan projek-projek kecil meliputi projek-projek kemudahan awam, sosioekonomi dan kemudahan infrastruktur termasuklah projek-projek untuk pembinaan dan menaik taraf parit dan longkang. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Masa cukup.

[Masa bagi Pertanyaan-pertanyaan Jawab Lisan telah tamat]

USUL

MENANGGUHKAN MESYUARAT DI BAWAH P.M 18(1)

Bahasa Inggeris Dalam Mata Pelajaran Sains dan Matematik di Sekolah Rendah

11.30 pagi.

Tuan Chong Chieng Jen [Bandar Kuching]: Tuan Pengerusi, notis usul saya adalah seperti berikut, bahawa Dewan ini meluluskan permintaan Ahli Parlimen bagi Bandar Kuching, Chong Chieng Jen untuk menangguhkan Majlis Mesyuarat untuk membincangkan dasar kerajaan tentang penggunaan bahasa Inggeris untuk mengajar Sains dan Matematik dalam sekolah rendah.

Penggunaan bahasa Inggeris untuk mengajar Sains dan Matematik mula di laksanakan pada 2003 secara tergesa-gesa tanpa penelitian yang mendalam. Guru-guru terpaksa mengajar Sains dan Matematik dalam bahasa Inggeris walaupun banyak di antara mereka tidak mahir dalam pengajaran *english*. Walaupun tujuan kerajaan adalah untuk meningkatkan tahap penguasaan *english* di kalangan kanak-kanak kita, tetapi pengajaran Sains dan Matematik dalam bahasa Inggeris bukanlah cara yang betul untuk meningkatkan tahap penguasaan *English*.

Pelaksanaan dasar sebegini adalah bercanggah dengan prinsip-prinsip pendidikan. Ini tidak dapat meningkatkan tahap penguasaan *English* malahan mempengaruhi pelajaran Sains dan Matematik.

Sejak pelaksanaannya pertubuhan-pertubuhan pendidikan swasta masyarakat Cina dan India telah membantah dasar tersebut dengan sekeras-kerasnya. Sejak kebelakangan ini, sesetengah pemimpin UMNO juga menyuarakan bantahan dan kebimbangan mereka terhadap dasar itu. Pada tahun lepas, hanya 53.1% murid tahun tiga yang memperolehi markah 40% ke atas bagi mata pelajaran Matematik. Ini amatlah mengecewakan dan menunjukkan bahawa terdapat kesan-kesan buruk dasar tersebut.

Saya sambut baik kenyataan Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri, bahawa kerajaan akan mengkaji semula dasar ini tetapi saya kesal dengan kerajaan yang hanya akan mengkaji semula dasar itu pada 2008. Kita sedar akan kesan buruk dasar itu, namun mengapa kerajaan perlu tunggu sehingga 2008.

Memandangkan terdapat lebih kurang 500 ribu murid yang memasuki darjah satu setiap tahun dan dasar pengajaran Sains dan Matematik dalam bahasa Inggeris jika dikekalkan akan menjejaskan masa depan mereka. Kerajaan harus membatalkan dasar tersebut dengan serta-merta. Sekian.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Ahli-ahli Yang Berhormat. Saya telah menerima satu pemberitahu Usul di bawah Peraturan Mesyuarat 18(1) daripada Ahli Yang Berhormat bagi Bandar Kuching pada hari Isnin, 13 November 2006. Teks Usul itu adalah seperti yang di bacakan oleh Ahli Yang Berhormat itu sebentar tadi.

Bagi membolehkan perkara ini ditimbangkan oleh Majlis Mesyuarat hari ini, saya sebagai Tuan Yang di-Pertua hendaklah berpuas hati bahawa perkara yang dibangkitkan oleh ahli Yang terhormat itu memenuhi tiga syarat:

- (i) bahawa perkara itu tertentu;
- (ii) bagi kepentingan orang ramai; dan
- (iii) ia berkehendak disegerakan.

Saya telah meneliti perkara ini dan saya dapati bahawa tertentu perkara ini ialah perkara yang tertentu, kepentingan orang ramai dia adalah bagi kepentingan orang ramai, berkehendak di segerakan perkara ini tidak perlu disegerakan.

Saya difahamkan bahawa Kementerian Pelajaran Malaysia sentiasa memantau pelaksanaan program ini, dan mengambil kira pandangan dari pelbagai pihak yang menambah baik keberkesanan program bagi memperolehi kejayaan terhadap dasar tersebut.

Oleh yang demikian, saya menolak usul itu di bawah Peraturan Mesyuarat 18(2).

RANG UNDANG-UNDANG

RANG UNDANG-UNDANG PERBEKALAN 2007

DAN

USUL

ANGGARAN PEMBANGUNAN 2007

Jawatankuasa

Aturan Mesyuarat dibacakan bagi menyambung semula pertimbangan atas "Rang Undang-undang Perbekalan 2007 dan Anggaran Pembangunan 2007 dalam Jawatankuasa sebuah-buah Majlis. "**[Hari Ketujuh]**

Majlis bersidang dalam Jawatankuasa.

[Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng] ***mempengerusikan Jawatankuasa***]

**Maksud B.22 [Jadual] –
Maksud P.22 [Anggaran Pembangunan 2007] –**

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Majlis dalam jawatankuasa. Kita masih dalam kepala bekalan B.22 dan kepala pembangunan P.22 di bawah Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah. Dengan ini saya meminta Yang Berhormat Timbalan Menteri Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah menyambung menjawab. Sila Yang Berhormat.

11.36 pagi.

Timbalan Menteri Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah [Dato' Zainal Abidin bin Osman]: Tuan Pengerusi, saya dengan rasa gembira ingin menyambung penggulangan yang telah bermula semalam selama sembilan minit. Untuk pagi ini, pada mulanya saya ingin menjawab isu-isu berkaitan dengan kemiskinan yang dibangkitkan oleh empat orang Ahli-ahli Yang Berhormat.

Yang terhormat bagi Pasir Mas telah membangkitkan isu mengenai kajian kemiskinan di luar bandar sebelum kementerian melaksanakan projek-projek pembangunan bagi memanfaatkan penduduk miskin. Untuk makluman Yang Berhormat, kerajaan memang menjalankan kajian bagi menentukan kadar kemiskinan. Kajian tersebut di jalankan oleh Unit Perancang Ekonomi, Jabatan Perdana Menteri dengan kerjasama Jabatan Perangkaan Malaysia.

Kajian ini adalah berdasarkan pelaksanaan kajian *household income survey* dengan izin, dan *household expenditure survey* dengan izin, bagi menentukan pendapatan garis kemiskinan bagi setiap negeri. Di samping itu, bagi mengenal pasti golongan miskin dan miskin tegar. Kementerian juga membangunkan satu sistem ketua isi rumah miskin tegar iaitu sistem SPKR bertujuan untuk mengenal pasti golongan miskin tegar.

Bagi negeri Kelantan, pengemaskinian maklumat ini dilaksanakan dengan kerjasama Jabatan Pembangunan Persekutuan. Melalui sistem ini, kementerian dapat menentukan keperluan bantuan golongan ini memenuhi maklumat yang berdaftar dan dikemas kini melalui sistem SPKR. Bagi negeri Kelantan, bantuan program peningkatan pendapatan dan program latihan kemahiran dan kerjaya disalurkan melalui agensi pelaksana iaitu KESEDAR, FELCRA dan JPP Kelantan.

Bagi memperkemas dan meningkatkan keberkesanan program ini, kementerian mewujudkan program pendampingan KKR miskin. Di mana setiap KKR miskin tegar akan dipantau oleh pegawai pendamping yang dilantik terdiri daripada pegawai-pegawai agensi KKRW seperti KESEDAR dan KEMAS.

Yang Berhormat bagi Pasir Mas tak ada di sini tapi untuk tujuan *Hansard* saya ingin menyebut bahawa beliau menyatakan tentang kemiskinan itu mustahil untuk dihapuskan. Apa yang kerajaan tegaskan di sini adalah untuk mencapai sifar kemiskinan tegar. Manakala kemiskinan relatif akan terus ada.

Yang Berhormat juga ada menyebut tentang *alaulawiyah* iaitu keutamaan dan saya ingin menyatakan di sini bahawa dalam Rancangan Malaysia Kesembilan untuk tahun 2006 sahaja, Kelantan telah dapat peruntukan paling tinggi bagi negeri-negeri semenanjung Malaysia berjumlah RM164.9 juta berjumlah 10.38%.

Kalau nak ikutkan *alaulawiyah* atau keutamaan Yang Berhormat, dari segi politiknya Kelantan tentu dapat nombor 14 kerana ialah satu negeri yang bukan di kuasai oleh kerajaan Barisan Nasional tetapi oleh sebab keprihatinan kerajaan dan demi keadilan Kelantan mendapat nombor wahid, nombor satu. Walaupun dia tidak diperintah oleh Kerajaan Barisan Nasional. Saya juga ingin menyatakan bahawa...

[Timbalan Yang di-Pertua (Datuk Dr. Yusof bin Yacob) **mempengerusikan Jawatankuasa]**

Tuan Haji Ismail bin Noh [Pasir Mas]: Yang Berhormat, saya...

Dato' Zainal Abidin bin Osman: Kejap saya habiskan Yang Berhormat, untuk Rancangan Malaysia Kesembilan sebanyak RM807.3 juta diperuntukkan untuk negeri Kelantan. Saya juga ingin menyahut ucapan Yang Berhormat bagi Larut, Yang Berhormat bagi Jerai dan Yang Berhormat bagi Padang Besar semalam yang memberi komen kepada Yang Berhormat dan saya ambil ketiga-tiga ucapan itu sebahagian daripada jawapan pihak Kementerian. Terima kasih.

Tuan Haji Ismail bin Noh [Pasir Mas]: Terima kasih Tuan Pengerusi dan Yang Berhormat atas kenyataan dan sumbangan yang akan di sampaikan oleh kerajaan Pusat kepada kerajaan negeri dan saya rasa ini merupakan satu kewajipan dan tanggungjawab. Ia bukan masalah budi, masalah baik buruk tetapi masalah tanggungjawab dan tanggungjawab Kerajaan Pusat ialah..., saya berterima kasih. Tinggal lagi saya rasa di sana ada ketinggalan tentang kajian yang disebut oleh Yang Berhormat tadi. Kajian tidak menyeluruh dan pihak-pihak yang mengkaji yang turun ke bawah saya rasa tidak dapat menyempurnakan tanggungjawab mereka kerana ada di kalangan penyokong-penyokong kerajaan dan saya tidak bangkit di kalangan orang PAS tetapi di kalangan penyokong-penyokong UMNO sendiri yang kehidupan mereka saya nampak, makan pagi kais pagi, mengapa tidak terbela.

Jadi *database* ini mesti kemas kini bersungguh-sungguh melalui ramai akar umbi ini, melalui imam, melalui ini semua kalau di Kelantan itu jangan hanya dengan semata-mata dengan Penghulu Mukim yang dilantik oleh Kerajaan Pusat sahaja tetapi banyak lagi Penghulu Mukim, Penghulu dari Kerajaan Negeri, Imam dan orang-orang yang berkecuali dan pandangan orang yang berkecuali ini bagus. Dia tidak melihat kepada parti, *non-partisan*, tidak melihat PAS, tidak melihat UMNO, dia beri kepada benar-benar yang miskin, saya nampak tidak sampai di sini. Kerana dalam pilihan raya kecil baru ini, kalau Yang Berhormat pergi, dahsyat bagaimana batu-bata ini ditunggakkan di rumah penyokong-penyokong UMNO sahaja, di rumah orang-orang PAS, penyokong-penyokong yang agak menentang UMNO tidak diberi di waktu itu, mengapa benda ini boleh berlaku? Dan yang paling utamanya mengapa sesetengah kalangan orang-orang penyokong-penyokong UMNO tidak boleh pakai, boleh beri penjelasan?

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya, Yang Berhormat minta penjelasan sudah Yang Berhormat.

Dato' Zainal Abidin bin Osman: Terima kasih Yang Berhormat kerana menyatakan bahawa ini adalah tanggungjawab kerajaan dan saya bersetuju bahawa ia adalah tanggungjawab kerajaan Barisan Nasional tetapi kalau kerajaan PAS saya tidak sentuh lagi Yang Berhormat. Saya teruskan ucapan saya ini, kita mempunyai perancangan daripada keseluruhan profil kemiskinan tegar yang terdapat di kementerian seramai 48,134 orang keluarga miskin tegar ini kerajaan mempunyai perancangan yang khusus kepada mereka iaitu untuk memastikan bahawa menjelang tahun 2010, kesemua 48,134 orang ini dikeluarkan daripada kategori miskin tegar. Kementerian telah merancang untuk menambah pendapatan mereka, Yang Amat Berhormat Perdana Menteri menyebut bahawa penduduk luar Bandar si suaminya dompetnya akan ada wang dan isterinya tas tangannya akan ada wang. Jadi kita akan mengadakan program peningkatan pendapatan untuk 16, 634 orang keluarga miskin tegar.

Latihan kemahiran dan kerjaya untuk 9500 orang ketua isi rumah miskin tegar, ladang sejahtera untuk 12000 orang dan lonjakan mega luar bandar untuk 10000 keluarga dan ini menunjukkan 48,134 orang yang ingin kita keluarkan daripada golongan miskin tegar. Untuk program lonjakan mega luar bandar ini Tuan Pengerusi, kita akan mengikut konsep Agropolitan sebagai satu strategi baru kementerian dalam usaha membasmi kemiskinan tegar luar bandar. Projek yang telah dikenal pasti setakat ini adalah projek Agropolitan Kuala Bangi, Kudat yang akan melibatkan kawasan seluas 4000 hektar yang akan memberi manfaat kepada 1200 orang peserta.

Projek Agropolitan rancangan kemajuan tanah KESEDAR Kelantan melibatkan keluasan 8,548 hektar yang akan memberi manfaat kepada 3,124 orang peserta. Projek Agropolitan Wilayah Ganda, Hulu Perak melibatkan keluasan 1,214 hektar yang akan memberi manfaat kepada 400 orang peserta. Projek masyarakat sejahtera Gahai dan Agropolitan Pekan, Pahang akan melibatkan 480 orang peserta.

Projek Agropolitan Setiu, Terengganu akan melibatkan 700 peserta dengan 2023 hektar. Dan beberapa lagi projek yang sedang dikenal pasti di negeri-negeri lain termasuk Kedah dan Sarawak yang dijangka akan memberi manfaat kepada keseluruhan 4096 orang peserta dan kita jumlahkan semua ini terdapat 10000 keluarga miskin tegar yang akan keluar daripada kancah kemiskinan tegar.

Tuan Salahuddin bin Ayub [Kubang Kerian]: Penjelasan.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya, Kubang Kerian Yang Berhormat.

Dato' Zainal Abidin bin Osman: Sila.

Tuan Salahuddin bin Ayub [Kubang Kerian]: Terima kasih Tuan Pengerusi, saya tertarik tadi dengan jawapan timbalan menteri bahawa komitmen Yang Amat Berhormat Perdana Menteri untuk membasmi kemiskinan ini khususnya di kawasan luar bandar. Dengan saya memetik ucapan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri semasa memberikan taklimat kepada perwakilan UMNO baru-baru ini bahawa beliau telah memperuntukkan sebanyak 600 juta lagi untuk projek pembangunan luar Bandar.

Kita ucap terima kasih di atas komitmen ini tetapi yang meragukan saya adalah apabila kenyataan itu menyatakan bahawa ianya akan diagihkan kepada UMNO Bahagian dan mengikut laporan seorang Ketua Bahagian UMNO yang tidak mahu namanya disiarkan bahawa setiap UMNO Bahagian akan mendapat 3 juta ringgit tetapi saya ingin penjelasan di sini adakah duit ini peruntukan-peruntukan kerajaan ataupun duit daripada poket UMNO sendiri, 600 juta ini minta penjelasan kerana disebut inilah projek untuk pembangunan luar bandar, terima kasih.

Dato' Zainal Abidin bin Osman: Terima kasih Yang Berhormat kerana membawa soalan ini. Kementerian belum lagi dimaklum tentang 600 juta yang ingin dikemukakan kepada projek-projek luar bandar tetapi menerusi apa yang kita lihat daripada media akhbar, 600 juta ini adalah diberi oleh duit kerajaan Barisan Nasional dan bukan duit UMNO dan akan dibagikan kepada ICU melalui SDO, dan tidak ada faktor yang disebut di sini tentang ketua-ketua bahagian mengikut apa yang difahamkan oleh Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah secara rasmi.

Tuan Pengerusi, Yang Berhormat Beluran menyebut.

Tuan Haji Ismail bin Noh [Pasir Mas]: *[Bangun]*

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya, Pasir Mas bangun Yang Berhormat.

Dato' Zainal Abidin bin Osman: Sekejap, sekejap boleh Yang Berhormat sebab kalau tidak ini tidak habis, kasihan kementerian lain pula. Yang Berhormat Beluran menyentuh tentang keperluan kajian keberkesanan pelaksanaan projek peningkatan pendapatan seperti ternakan ikan yang merupakan tumpuan kepada pencapaian peruntukan kewangan dan tidak kepada pembasmian kemiskinan. Untuk makluman Yang Berhormat, pelaksanaan program peningkatan penempatan sentiasa dipantau dari masa ke semasa oleh kementerian dan agensi-agensinya pelaksana. Agensi-agensi negeri seperti Jabatan Perikanan Sabah ada membuat susulan dan kajian projek ternakan ikan dan rumpai laut. Bantuan diberi seperti peralatan menangkap ikan kepada golongan miskin untuk mereka mendapat tambahan pendapatan. Sila, Yang Berhormat.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya, Yang Berhormat Pasir Mas.

Tuan Haji Ismail bin Noh [Pasir Mas]: Terima kasih kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri di atas pandangan dan di atas perhatian berat supaya projek-projek kampung, projek-projek pembangunan desa ini dapat dilaksanakan dengan baik. Semalam saya sebut bahawa di sana mesti ada satu *husnuh tahfiz*, pelaksanaan tepat, yang telus, yang baik. Saya lihat Yang Berhormat Timbalan Menteri, di kampung saya contohnya jalan di kampung saya ini di mana ada empat cabang, cabang ke Pasir Mas, cabang ke Bunut Susu, cabang ke Pohon Buluh dan cabang ke Pasir Mas juga melalui jalan raya.

Malangnya tiga cabang lain ini penuh dengan lampu elektrik tetapi oleh kerana cabang yang ke Pasir Mas, ke jalan besar itu rumah saya yang berada di tepi jalan itu tidak ditaruh lampu. Hampir 200 meter yang tidak ditaruh lampu, ada lampu itu pun lampu yang dipasang oleh persendirian. Jadi mangsanya barangkali kerana saya wakil rakyat PAS, kerana saya PAS, itu malangnya. Saya tengok di sebelah sana cerah, di sebelah sini cerah, di sebelah sini cerah tetapi di sebelah rumah saya ini terus ke cabangnya tidak ada lampu dan di situ ada rumah doktor. Rumah doktor itu bukan doktor biasa, doktor ketua doktor yang...

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Fahamlah itu Yang Berhormat, doktor!

Tuan Haji Ismail bin Noh [Pasir Mas]: Ya, ya, ya doktorlah, saya tidak ingat jawatannya tetapi tidak dipasang juga, jadi malangnya kerana saya wakil rakyat PAS gelap, jadi bagaimana pengurusan ini dapat dilaksanakan, saya kira barangkali ini bukan silap timbalan menteri dan bukan silap menteri tetapi silap di bawah iaitu pengurusan yang dilakukan oleh ketua kampung di situ. Saya minta mendapat perhatian daripada timbalan menteri supaya lampu ini dipasang dengan tidak mengambil kira, PAS ataupun UMNO ataupun sesiapa kerana kita tidak menikmati sama apa yang diberi oleh baik kerajaan negeri ataupun oleh Kerajaan Pusat, sekian.

Dato' Zainal Abidin bin Osman: Terima kasih Yang Berhormat. Saya fahami soalan Yang Berhormat. Kerajaan tetap akan telus dan melaksanakan semua program dengan baik tetapi dari segi *alaulawiyah* nya, keutamaannya mungkin terdapat beberapa perkara yang berbeza di tempat-tempat atau di kampung-kampung luar bandar. Saya akan melihat perkara ini dan saya rasa elok kalau kawasan yang ada doktor dan ada wakil rakyat yang berwibawa seperti Yang Berhormat ini kena ada lampulah. Kalau tidak, susah orang hendak datang malam, susah. Ya, Yang Berhormat, kita akan tengok perkara ini.

Yang Berhormat bagi Bukit Gantang meminta penjelasan mengenai bantuan kewangan kepada golongan miskin yang dikenal pasti oleh wakil rakyat disalurkan oleh Kementerian kepada Ahli-ahli Yang Berhormat. Kementerian ingin memaklumkan bahawa bantuan kewangan secara terus kepada golongan miskin tidak dibuat oleh Kementerian ini. Bantuan seperti ini dilaksanakan dan disalurkan oleh Jabatan Kebajikan Masyarakat di bawah Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat.

Walau bagaimanapun, bantuan-bantuan lain disediakan melalui program-program di bawah Skim Pembangunan Kesejahteraan Rakyat dan agensi-agensi di bawah KKLW dalam bentuk bantuan ekonomi seperti yang disalurkan seperti RISDA ada bagi bantuan aktiviti ekonomi tambahan, FELCRA ada bagi Program Pembangunan Ladang dan Lembaga Kemajuan Wilayah-wilayah menyediakan program-program peningkatan pendapatan.

Tuan Pengerusi, Yang Berhormat bagi Jerlun semalam telah membawa program tentang PPRT, saya telah jawab dan saya ingin beralih kepada skop yang kedua tentang Program Ameniti Sosial.

Yang Berhormat bagi Bukit Bintang mencadangkan supaya Kementerian menimbangkan tambahan peruntukan kepada Ahli Parlimen bagi Program Ameniti Sosial (PAMS). Sukacita saya maklumkan bahawa Kementerian sedang menimbang untuk menambah peruntukan Ahli-ahli Parlimen bagi tahun 2007 untuk program PAMS. Ini adalah memandangkan harga bahan binaan, peralatan dan kos upah dan sebagainya pun telah meningkat.

Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat, peruntukan keseluruhan bagi Program Ameniti Sosial bagi tahun 2006 berjumlah RM12.56 juta sahaja dan ini diagih-agihkan kepada Parlimen bandar dan Parlimen luar bandar.

Yang Berhormat bagi Saratok meminta supaya penyediaan tapak rumah panjang dimasukkan ke dalam peruntukan di bawah Program Pembangunan Kementerian Kemajuan Luar Bandar. Jawapan saya, penyediaan tapak rumah panjang adalah di luar skop di bawah Bahagian Pembangunan Kementerian.

Walau bagaimanapun, perkara ini akan diberi pertimbangan dan kajian masih dibuat oleh Kementerian bagi menentukan jumlah peruntukan dan bilangan tapak rumah panjang yang diperlukan, yang boleh diberi Program Bantuan Ameniti Sosial kerana bantuan yang kita ada dalam peruntukan Kementerian adalah terlalu kecil dan terhad.

Saya ingin membawa kepada topik jalan luar bandar yang menarik minat begitu ramai sekali Ahli-ahli Parlimen terutama daripada Sabah dan Sarawak. Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat, peruntukan JALB untuk keseluruhan negara bagi tahun 2007 adalah RM459.81 juta. Pembahagian peruntukan ini dibuat kepada negeri-negeri bergantung kepada keperluan negeri dan status maju mundurnya negeri berkenaan. Berdasarkan kepada pembahagian peruntukan tahun 2007, negeri Sabah mendapat peruntukan sebanyak RM79.69 juta iaitu negeri yang kedua tertinggi selepas negeri Sarawak yang mendapat peruntukan sebanyak RM80.42 juta. Oleh yang demikian, kemampuan Kementerian untuk melaksanakan jalan luar bandar adalah tertakluk kepada peruntukan yang diluluskan oleh Kerajaan Pusat.

Yang Berhormat bagi Santubong menyentuh tentang panjangnya jalan JALB negeri Sarawak dalam Rancangan Malaysia Kesembilan. Untuk JALB negeri Sarawak dalam Rancangan Malaysia Kelapan yang telah siap dibina yang disambung untuk tahun 2006 ini, bilangan projeknya enam, panjang 33.41 kilometer. Projek yang dalam proses tender untuk pengetahuan Yang Berhormat, bilangan projeknya lapan, dan panjangnya 56.73 kilometer termasuk 12 unit jambatan manakala projek dalam peringkat reka bentuk, bilangannya banyak 21, panjangnya 123 kilometer dan ada enam buah jambatan. Ini bermakna dalam Rancangan Malaysia Kesembilan, keseluruhan panjang jalan JALB yang akan dilaksanakan di Sarawak adalah 213.43 kilometer.

Yang Berhormat bagi Bintulu telah menyebut..

Dato' Dr. Wan Azmi bin Wan Ariffin [Sik]: Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya, Yang Berhormat bagi Sik.

Dato' Dr. Wan Azmi bin Wan Ariffin [Sik]: Jalan luar bandar. Saya hendak tanya timbalan menteri, yang dibina tumpuan kita ialah jalan kampung. Oleh kerana tidak ada jalan pertanian, maka kebanyakan jalan kampung digunakan untuk tujuan pertanian dan mengalami kerosakan. Kenapakah Kementerian tidak mengadakan satu lagi kategori iaitu jalan pertanian dalam kategori jalan kampung?

Dato' Zainal Abidin bin Osman: Terima kasih kepada soalan Yang Berhormat bagi Sik. Untuk bawah Kementerian kita ini, kita ada Projek Jalan Kampung iaitu PJK, dan Projek Jalan Luar Bandar atau JALB. Untuk jalan ladang atau jalan pertanian, saya ingat mungkin di *cover* oleh Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani.

Yang Berhormat bagi Bintulu telah awal-awal lagi menyatakan bahawa persoalannya perlu dijawab secara baik-baik dan kalau hendak buat, buat betul-betul, kalau tidak hendak buat, beritahu. Jadi saya ingin dengan sukacitanya memaklumkan kepada Yang Berhormat bagi Bintulu bahawa projek jalan Kampung Sebuah Hilir, Bintulu yang dianggarkan kosnya RM6.5 juta akan dilaksanakan pada tahun hadapan..., betul-betul janji, dan sekarang ini dalam proses penyediaan reka bentuk oleh JKR Sarawak. Sedang *design* dan tahun hadapan saya kasi janji sama Yang Berhormat, kita akan melaksanakan seperti yang dirancang.

Yang Berhormat bagi Kepong yang tidak ada kawasan luar bandar telah bertanya tentang bilangan JALB yang akan dilaksanakan dalam Rancangan Malaysia Kesembilan. Saya Berhormat yang berasal dari Bachok ini sangat peka tentang rancangan luar bandar. Saya tidak tahu sama ada Yang Berhormat mahu menimbangkan untuk bertanding di kawasan Parlimen Bachok atau tidak... [Ketawa]

Bilangan projek JALB yang diluluskan dalam Rancangan Malaysia Kesembilan adalah 331 batang jalan. Status pelaksanaan projek adalah seperti berikut, yang telah siap adalah sebanyak 23, ini adalah projek sambungan Rancangan Malaysia Kelapan, dalam pelaksanaan 53, dalam proses tender 31, dalam proses runding harga 13, dalam proses pengambil balik tanah 20, dalam peringkat reka bentuk 171 dan belum mula 20 yang ada kaitan dengan masalah tanah dan pengambil balik.

Pelaksanaan projek JALB pada kebiasaannya mengambil masa dua hingga tiga tahun dan akan berterusan sehingga tahun 2010 bagi melaksanakan kesemua jalan 331 batang ini.

Yang Berhormat bagi Kanowit....

Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]: *[Bangun]*

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya, Yang Berhormat bagi Kepong bangun.

Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]: Tuan Pengerusi, penjelasan. Adakah semua 331 projek ini dengan tender terbuka? Ini penting sekali kerana saya diberitahu ada kebanyakannya itu terbuka dalaman sahaja. Kalau terbuka dalaman, itu tidak begitu adil bagi kontraktor-kontraktor yang mampu untuk menjalankan tugas.

Dato' Zainal Abidin bin Osman: Secara keseluruhannya, semua projek yang dilaksanakan adalah dibuat secara tender terbuka kecuali untuk kes-kes tertentu, yang dibuat berdasarkan oleh faktor-faktor masa dan faktor-faktor lain yang dirasakan sesuai oleh Kementerian Kewangan Malaysia, maka ia dibuat dalam bentuk rundingan terus.

Saya sangat tersentuh dengan ucapan yang dibuat oleh Yang Berhormat bagi Kanowit yang menceritakan bagaimana ibu bapa perlu mendukung anak sejauh 20 meter untuk membawa anak mereka ini ke dalam sampan untuk ke sekolah kerana air surut. Cerita-cerita yang benar ini sangat menyedihkan dan kementerian dalam Rancangan Malaysia Kesembilan telah meluluskan satu jalan luar bandar di kawasan Kanowit iaitu Jalan Nibong Tada dan untuk Rumah Chemerai, Kanowit bernilai RM1.3 juta, manakala Projek Kampung Sungai Kueh dan Sungai Machang tidak termasuk dalam Rancangan Malaysia Kesembilan.

Walau bagaimanapun, oleh kerana terdesaknya cerita Yang Berhormat, saya mohon untuk Yang Berhormat bawalah perkara ini segera dalam bentuk bertulis kepada kementerian untuk kita kaji permohonan ini....

Tuan Aaron Ago Dagang [Kanowit]: *[Bangun]*

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya, ada yang bangun, Yang Berhormat bagi Kanowit.

Dato' Zainal Abidin bin Osman:Ketika Kajian Separuh Penggal Rancangan Malaysia Kesembilan. Silakan.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat bagi Kanowit.

Tuan Aaron Ago Dagang [Kanowit]: Minta penjelasan. Tadi Yang Berhormat ada menyebut Jalan Nibong Tada adalah jalan JKR yang sepanjang 46 kilometer yang sudah siap tahun 1995. Masalah ini adalah masalah bekalan elektrik. Sampai sekarang sudah sepuluh tahun pun tidak ada elektrik yang saya sebutkan semalam mempunyai lebih kurang 150 buah rumah panjang ataupun kampung: 12 buah sekolah rendah, satu1 sekolah menengah. Bukan jalan raya, bukan jalan luar bandar.

Yang saya sebutkan semalam mempunyai lebih kurang 150 buah rumah panjang ataupun kampung, dua belas buah sekolah rendah dan satu sekolah menengah, bukan jalan raya, bukan jalan luar bandar. Jalan luar bandar yang disebutkan di sini adalah di tiga batang sungai yang besar, di hulu-hulu Sungai Nemah, Sungai Poi dan Sungai Machan yang belum ada jalan.

Saya sudah memajukan permohonan ini kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri sendiri dua bulan dahulu sebab permohonan saya sejak tahun 2002, 2003 sampai sekarang belum ada jawapan. Yang disebut tadi, Jalan Nibongtadak itu sudah ada, Rumah Chemerai itu adalah rumah yang cuma 800 meter yang sudah siap. Itu jalan kampung. Saya ingat maklumat ini adalah tidak betul. Saya harap kementerian akan menyiasat lagi dan mengambil maklumat-maklumat yang betul dari kerajaan negeri terutama sekali. Saya fikir yang paling penting ialah tiga buah sungai yang paling hulu ini yang belum dapat jalan luar bandar.

Oleh sebab ini adalah masalah yang sangat besar sebab banyak rumah panjang di hulu-hulu sungai ini kalau sudah ada jalan luar bandar ini, sebab jalan luar bandar ini adalah jalan yang besar yang boleh dikatakan boleh menjadi jalan induk menuju ke hulu-hulu sungai ini. Dari itu, kita buat banyak lagi jalan-jalan kampung. Sekarang saya mahu perancangan untuk jalan-jalan kampung menuju ke rumah-rumah panjang ini tidak dapat sebab jalan luar bandar belum ada. Ini adalah masalah besar, jadi saya mintalah Kementerian meneliti perkara ini dengan teliti dan kalau dapat dalam Rancangan Malaysia Kesembilan bagilah banyak lagi peruntukan untuk jalan-jalan ini. Sekian, terima kasih.

Dato' Zainal Abidin bin Osman: Terima kasih Yang Berhormat. Jalan-jalan seperti Yang Berhormat sebut tadi ialah Jalan Nibongtadak dan Rumah Chemerai itu memang dalam senarai peruntukan Kementerian dalam Rancangan Malaysia Kesembilan tetapi Yang Berhormat maksudkan elektrik itu, saya akan jawab dalam bahagian elektrik luar bandar nanti di hujung jawapan saya.

Saya mengambil maklum tentang surat Yang Berhormat yang telah dihantar kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, kita akan tengok surat itu untuk pertimbangan Kementerian.

Yang Berhormat Ahli Parlimen bagi Gelang Patah bertanya tentang pembinaan jalan Sungai Melayu di Gelang Patah yang dibina sebanyak 4.3 kilometer. Untuk pengetahuan Yang Berhormat, projek yang disebutkan itu dibuat di PIAS peruntukan Kementerian Kewangan Malaysia di bawah UPP/JPM dan pelaksanaannya pejabat daerah. Kita akan merujuk kepada Pejabat Pembangunan Negeri Johor untuk menentukan sama ada projek berkenaan akan disambung pelaksanaannya di bawah PIAS dalam tahun 2007.

Sekiranya tiada peruntukan di bawah PIAS, Kementerian akan mempertimbangkan di bawah peruntukan Kementerian dan Yang Berhormat sendiri telah menghubungi dan menghantar surat kepada saya dan saya akan ambil tindakan segera di bawah Kementerian nanti. Terima kasih Yang Berhormat.

Ahli Parlimen bagi Jerlun mencadangkan supaya peruntukan PJK diberi secara *outright grant* kepada Ahli Parlimen dan untuk pengetahuan Yang Berhormat, peruntukan sekarang disalurkan kepada Jabatan Kerja Raya bagi negeri-negeri di Semenanjung iaitu Pejabat Pembangunan Negeri, PPN negeri Sarawak dan Jabatan Pembangunan Persekutuan Negeri Sabah bagi negeri Sabah.

Kementerian tidak bercadang untuk memberikan peruntukan tersebut secara *outright grant* kepada Ahli Parlimen kerana kaedah sedia ada lebih memudahkan Kementerian membuat pemantauan pelaksanaan projek sama ada dari segi prestasi fizikal mahupun prestasi kewangan.

Datuk Dr. Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar [Santubong]: [Bangun]

Dato' Zainal Abidin bin Osman: Yang Berhormat Ahli Parlimen bagi Santubong membangkitkan isu mengenai banyak sekali jalan-jalan negeri Sarawak yang belum diturap jika dibandingkan dengan negeri-negeri di Semenanjung. Kementerian sememangnya sangat sedar tentang masalah ini dan...

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat, Santubong.

Datuk Dr. Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar [Santubong]: Berubahlah, bukan salah.

Dato' Zainal Abidin bin Osman: Ya, sila.

Datuk Dr. Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar [Santubong]: Sebenarnya saya sebut semalam ialah 55,000 kilometer jalan di Semenanjung, Sarawak hanya 6,000 lebih kilometer dan Sabah 16,000 kilometer.

Akan tetapi di Sabah 16,000 kilometer itu, 9,000 kilometer yang tidak diturap atau tanah kuning. Sebenarnya di Sarawak itu bukan tidak ada yang jalan panjang tetapi dia yang tidak diturap pun tidak ada sebab nampaknya penumpuan ke Semenanjung oleh kerana penswastaaan kemungkinannya dan di Sabah itu dibuat jalan tetapi tanah laterit iaitu tanah kuning, kereta merah, kereta hitam semua bertukar warna.

Yang di Sarawak itu tidak ada langsung. Hah! Langsung tidak ada. Ini perkaranya, jadi perkara itu bukan di Sarawak yang tidak berturap itu, di Sabah sebenarnya tetapi di Sarawak itu jalan tidak ada. Yang tidak turap atau turap semua tidak ada. Tinggal ini sahaja 6000 kilometer itu Yang Berhormat. Ini fakta tahun 2004.

Apa yang saya mohon ialah supaya *imbalance* ini dipandang dan dilihat supaya Sarawak dan Sabah itu diberi banyak sedikit peruntukan oleh kerana kita tidak boleh lakukan penswastaaan ini kerana *human density* ataupun masyarakat kita belum sampai *critical must* yang mencukupi untuk kita hendak buat penswastaaan dan sebagainya. Saya berharap ini diambil kira.

Yang Berhormat, terima kasih jugalah kerana jawapan kepada kawan-kawan tadi mengatakan surat dihantar. Saya sudah hantar banyak surat Yang Berhormat kena sebut surat-surat yang saya hantar itu. Dalam kawasan Santubong itu, Santubong itu sebenarnya bandar tetapi masih jalan tidak diturap. Saya mengucapkan terima kasih kepada kementerian kerana ada bantuan diberi ke Santubong secara khusus semenjak tahun 2005 ini.

Saya ucapkan terima kasih berbilang-banyak. Jangan kata tidak buat ini, sudah buat sedikit dah tetapi belum mencukupi Yang Berhormat. Terima kasih.

Dato' Zainal Abidin bin Osman: Terima kasih Yang Berhormat bagi Santubong. Memang saya ada fakta-faktanya tentang 55,000 kilometer jalan di Semenanjung, 6000 sahaja di Sarawak dan cuma 5000 sahaja di Sabah yang telah diturap. Saya ada angka-angkanya semua dan untuk Rancangan Malaysia Kesembilan ini, negeri Sarawak dan Sabah merupakan dua negeri yang diberi tumpuan utama dari segi agihan peruntukan.

Untuk pengetahuan Yang Berhormat, negeri Sarawak sahaja kita peruntukkan 22% daripada keseluruhan peruntukan PJK kementerian. Kita dapat RM1 bilion Yang Berhormat, daripada itu RM210 juta kita bagi kepada negeri Sarawak dan untuk jalan-jalan luar bandar pula Sarawak mendapat RM336 juta ataupun 14.9% daripada keseluruhan siling yang kita dapat sebanyak RM2.54 bilion.

Kita ambil maklum tentang segala kesukaran, ketidakselesaian dan sengsaranya mereka di Sabah dan Sarawak dan kementerian akan terus memberi perhatian utama kepada projek-projek jalan kampung dan projek luar bandar untuk Sabah dan Sarawak.

Ahli Parlimen bagi Tebrau menyatakan bahawa masih banyak kampung di kawasannya yang masih belum mempunyai jalan-jalan PJK terutama di kawasan-kawasan perkampungan Orang Asli. Kementerian tidak dapat melaksanakan projek-projek PJK secara terus di kawasan Parlimen Yang Berhormat kerana Parlimen Tebrau ini dikategorikan sebagai kawasan Parlimen bandar. Walau bagaimanapun, jika sekiranya terdapat keperluan yang terlalu mendesak, Yang Berhormat boleh mengemukakan kepada kementerian untuk diberi pertimbangan khas.

Yang Berhormat Ahli Parlimen bagi Bukit Gantang membangkitkan tentang kos jalan-jalan kampung yang dibuat oleh JKR adalah tinggi iaitu RM3,900 bagi satu rantai jika dibandingkan kos yang dibuat oleh pejabat daerah. Di samping itu, JKR juga tidak mempunyai jadual kadar harga (JKH) untuk pelaksanaan PJK.

Saya ingin memaklumkan di Dewan yang mulia ini, kementerian mempunyai jadual kadar harga (JKH) yang telah diluluskan oleh Kementerian Kewangan tahun 2002 hingga 2003 dan sekarang ini diguna pakai dalam pelaksanaan projek jalan kampung. Walau bagaimanapun dari maklum balas yang diberikan oleh pihak JKR menyatakan jadual kadar harga ini sudah lapuk, sudah tidak bersesuaian diguna pakai dalam keadaan semasa kerana kebanyakan kos bahan bina telah meningkat.

Ekoran daripada itu, kementerian kita telah mengemukakan permohonan jadual kadar harga baru PJK kepada Kementerian Kewangan untuk kelulusan tetapi belum mendapat jawapan, kita sudah hantar empat pucuk surat pada Mei, Jun, Ogos dan Oktober, empat kali tetapi masih belum mendapat jawapan dari Kementerian Kewangan. Bila kita dapat, kita akan laksanakan PJK mengikut kadar harga yang baru.

Anggaran kos per kilometer PJK sekarang ini mengikut JKH yang sedia adalah di Semenanjung RM100,000 dan Sabah dan Sarawak RM150,000 per kilometer. Kita cadangkan untuk JKH baru untuk Semenanjung RM159,000 per kilometer, Sabah RM174,000 per kilometer dan Sarawak RM179,000 per kilometer. Kita harap akan mendapat kelulusan segera daripada Kementerian Kewangan.

Yang Berhormat bagi Pendang juga telah membangkitkan soalan tentang jalan kampung di Parlimen Pendang iaitu Jalan Alor Ali, Kampung Alor Mengkuang dan Jalan Kampung Alor Arang dan kita telah melihat ketiga-tiga kampung ini.

Saya terpaksa memaklumkan bahawa ia tidak ada dalam peruntukan dalam Rancangan Malaysia Kesembilan tetapi permohonan bolehlah dikemukakan jika ada keperluan yang mendesak. Kepada siapakah boleh dikemukakan cadangan PJK ini, ia boleh dilaksanakan melalui pejabat daerah dan pejabat pembangunan negeri diselaraskan di peringkat negeri sebelum diperakukan kepada kementerian untuk dilaksanakan. Selain daripada itu, Ahli Parlimen atau ADUN juga boleh hantar terus ke kementerian untuk pertimbangan.

Yang Berhormat bagi Bukit Mas telah membangkitkan tentang perlunya pegawai dan kakitangan teknikal khas untuk menyediakan BQ projek-projek kecil seperti PJK di kawasan Bukit Mas.

Untuk makluman Yang Berhormat, di bawah kaedah pelaksanaan PJK sekarang, Pejabat Daerah Negeri Sarawak telah dibantu oleh agensi teknikal seperti JKR, Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) dan pihak berkuasa tempatan (PBT) untuk menyediakan spesifikasi BQ PJK.

Pihak Kerajaan Negeri Sarawak telah pun mengeluarkan surat arahan kepada agensi teknikal terbabit supaya memberi bantuan teknikal kepada pejabat daerah yang berkenaan untuk melaksanakan PJK kementerian kita.

Untuk projek air luar bandar, Yang Berhormat bagi Tenom, Yang Berhormat bagi Tebrau dan Yang Berhormat bagi Rembau telah membangkitkan masalah bekalan air luar bandar di kawasan masing-masing.

Untuk Yang Berhormat bagi Tenom, kita faham tentang masalah utama bekalan air di kawasan Tenom adalah kapasiti airnya untuk keseluruhan penduduk sangat rendah. Ketika ini pengeluarannya lebih kurang enam juta liter sahaja sehari. Sukacita saya ingin memaklumkan, kementerian akan membina sebuah loji air dengan kapasiti lapan juta liter sehari mulai tahun 2007. Dengan siapnya loji berkenaan, dijangkakan pembekalan air bersih di kawasan Tenom akan dapat dipertingkatkan.

Yang Berhormat bagi Tebrau memaklumkan 13 kampung, termasuk kampung Orang Asli belum ada bekalan air bersih. Ini di Semenanjung. Bagi kawasan Tebrau, kita lihat kampung-kampung tersebut telah pun disenaraikan dalam pelaksanaan Rancangan Malaysia Kesembilan. Bagaimanapun, pelaksanaannya adalah secara berperingkat selaras dengan senarai keutamaan, *priority list*, dengan izin, pihak Kerajaan Negeri Johor dan peruntukan tahunan.

Yang Berhormat bagi Rembau menyatakan bahawa Syarikat Perumahan Negara Berhad (SPNB) mensyaratkan kemudahan bekalan air perlu disediakan terlebih dahulu sebelum Projek Mesra Rakyat di kawasan penempatan baru boleh dilaksanakan. Untuk makluman Yang Berhormat bagi kawasan-kawasan penempatan baru yang hendak dibangunkan, permohonan tersebut hendaklah dikemukakan untuk kita pertimbangkan.

Saya ingin mengubah kepada topik bekalan elektrik luar bandar yang mendapat perhatian hebat daripada Ahli-ahli Yang Berhormat. Sepuluh Ahli Yang Berhormat telah bangkitkan isu mengenai elektrik luar bandar.

Yang Berhormat bagi Tuaran mencadangkan supaya projek elektrik di kawasan Parlimen Tuaran di segerakan kerana ada 24 kampung. Untuk pengetahuan Ahli Parlimen Tuaran, 24 kampung ini telah disenaraikan untuk bekalan bagi tahun 2006/2007.

Kontraktor pun telah dilantik untuk mengemukakan reka bentuk terperinci projek berkenaan untuk kelulusan SESB. Sekiranya SESB meluluskan cadangan reka bentuk tersebut, maka semua projek ini akan dapat dilaksanakan di 24 buah kampung itu dalam masa yang terdekat.

Yang Berhormat bagi Bintulu menyatakan kementerian KPLB Sarawak menyenaraikan kampung yang telah mendapat bekalan elektrik 2007 dan untuk pengetahuan Yang Berhormat, perancangan untuk pelaksanaan projek PLLB adalah bergantung kepada data bank kerajaan negeri. Kita tidak ada pejabat KKLW di daerah, kita tidak ada pejabat KKLW di negeri, jadi kita bergantung kepada data bank kerajaan negeri.

Bagi negeri Sarawak, ianya diselaraskan oleh Kementerian Kemudahan Awam Sarawak (KKA) yang dibantu oleh KPLB Sarawak. Walau bagaimanapun, KKLW mengambil maklumat tentang segala yang diberikan oleh Yang Berhormat dan akan mengambil tindakan susulan terus minggu depan dengan Kerajaan Negeri Sarawak.

Yang Berhormat bagi Santubong membangkitkan bahawa banyak kampung di Santubong masih belum mendapat bekalan elektrik. Beliau mencadangkan supaya semua ahli Parlimen diberi peluang dan ruang untuk memberi pandangan dan cadangan berhubung pelaksanaan projek PLLB.

Untuk pengetahuan Yang Berhormat bagi Santubong, kawan lama saya, orang lama, bekalan elektrik di Sarawak sehingga akhir tahun 2005 telah mencapai 80.8%. Pemilihan kampung untuk pelaksanaan projek elektrik ini adalah diselaraskan oleh Kementerian Kemudahan Awam Sarawak, bergantung kepada keupayaan punca bekalan SESC Company. KKLW sememangnya mengalu-alukan sebarang cadangan dan pandangan daripada semua Ahli Yang Berhormat bagi tujuan pembaikan dan pemantauan pelaksanaan projek BLLB.

Yang Berhormat bagi Sri Aman, ceritanya sungguh menyentuh hati saya di mana keluarga beliau, di samping 19 lagi buah keluarga di Kampung Pungguk, Sri Aman masih belum mendapat elektrik. Untuk pengetahuan Yang Berhormat, surat Yang Berhormat telah kita panjangkan kepada Kementerian Kemudahan Awam Sarawak untuk dimasukkan di dalam senarai BLLB tahun 2006/2007.

Sekiranya permohonan tersebut menepati skop pelaksanaan projek BLLB dan kawasan yang dinyatakan mempunyai punca bekalan SES Co. yang mencukupi, ianya insya-Allah akan dilaksanakan dalam 2007 dan saya tidak dapat bertugas dengan tenang sekiranya mendapat tahu Ahli Parlimen Barisan Nasional masih tidak punya api di rumah panjangnya.

Yang Berhormat bagi Kanowit telah membangkitkan, di kawasan beliau terdapat 150 buah rumah panjang dan beberapa buah sekolah yang masih belum mendapat bekalan elektrik. Dalam tempoh Rancangan Malaysia Kesembilan, Kerajaan Negeri Sarawak telah menyenaraikan 20 projek BLLB bernilai 38.9 juta di kawasan Parlimen Kanowit. Kementerian telah menyemak dan mendapati semua projek yang dimaksudkan oleh Yang Berhormat telah pun termasuk dalam senarai pelaksanaan tahun 2007.

Walaupun bagaimanapun, seperti yang dijelaskan sebelum ini, pelaksanaan semua projek ini adalah tertakluk kepada senarai keutamaan yang diputuskan oleh Kerajaan Negeri Sarawak, tertakluk kepada keupayaan bekalan oleh SES Company.

Tuan Aaron Ago Dagang [Kanowit]: Sedikit penjelasan.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya, Yang Berhormat bagi Kanowit.

Tuan Aaron Ago Dagang [Kanowit]: Ini berkenaan dengan 80% *coverage electricity* di Sarawak. Saya fikir ini mungkin termasuk generator set. Kalau SESCO di Kanowit, saya fikir tidak sampai 20%. Kalau bekalan daripada generator itu diambil kira mungkin anggaran itu betul tetapi bekalan daripada generator itu cuma tiga hingga empat jam sahaja, pada masa malam. Jadi, siang hari memang tidak ada *electricity*. Oleh kerana itu, ia menjadi masalah kepada rumah-rumah panjang yang dianggap telah diluluskan.

Yang 150 itu tadi adalah rumah panjang yang sudah mendapat jalan raya, tetapi jumlah rumah panjang yang menbelum dapat jalan raya itu atau jalan luar bandar di hulu sungai itu lebih daripada itu, mungkin 300 ke 400 buah rumah panjang lagi. Yang saya sebut itu tadi 150 rumah panjang ialah rumah panjang di sekitar Jalan Nibong-Tada, jalan JKR yang telah siap tahun 1995. Jadi, itu yang saya minta *electricity* dipercepatkan di kawasan itu. Terima kasih.

Dato' Zainal Abidin bin Osman: Terima kasih Yang Berhormat, saya ambil maklum tentang apa yang Yang Berhormat utarakan dan saya bercadang dalam masa yang terdekat ini untuk melawat kawasan Yang Berhormat untuk melihat segala permasalahan yang timbul di peringkat akar umbi.

Yang Berhormat bagi Tenom juga telah meminta kementerian mempercepatkan pelaksanaan projek lampu jalan kampung atau LJK, supaya ianya dapat disiapkan mengikut jadual. Dimaklumkan bahawa projek lampu jalan kampung di negeri Sabah telah dilaksanakan dalam dua fasa, iaitu fasa pertama, 2002/2003, fasa kedua, 2004/2005, dan sekarang ini fasa ketiga. Fasa pertama kita dapat *cover* 6,610 unit jalan lampu, fasa kedua 7,456 dan fasa ketiga 4,100 dan sepatutnya dapat disiapkan seluruhnya pada tahun ini...

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: [Bangun]

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya, Yang Berhormat Sri Gading.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Tuan Pengerusi, soal lampu jalan ini. Saya terima kasih kepada Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah yang bersungguh-sungguh hendak memberi, hendak menerangkan di luar bandar, Tuan Pengerusi. Cuma kadang-kadang pelaksanaannya. Kata sudah serahkan kepada TNB tetapi TNB pun kadang-kadang *slow* sangat atau kerana apa tidak tahulah. Kerana duit tidak sampai? Atau peralatannya tidak adakah? Macam mana ceritanya, Tuan Yang di-Pertua? Pasal ada saya tengok kampung di kawasan saya yang telah terang benderang, ada yang tidak.

Saya tahu niat kementerian itu sangat mulia dan kerajaan kita memang sangat baik tetapi soalnya apa masalahnya. Kalau dapat pihak kementerian duduk dengan TNB, macam mana masalah itu boleh diselesaikan. Terima kasih, Tuan Pengerusi.

Dato' Zainal Abidin bin Osman: Terima kasih Yang Berhormat bagi Sri Gading yang segak berpakaian baju Melayu hari ini. Saya ambil maklum pandangan Yang Berhormat, dan kalau boleh kampung-kampung yang masih bergelap itu dapat ditulis secara rasmi kepada kementerian, kita akan tengok dan selaraskan dengan TNB yang selama ini kita dapat kerjasama yang baik untuk melaksanakan projek lampu jalan kampung.

Yang Berhormat bagi Beluran...

Datuk Abdul Ghapur bin Salleh [Kalabakan]: [Bangun]

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat Kalabakan bangun, Yang Berhormat.

Datuk Abdul Ghapur bin Salleh [Kalabakan]: Yang Berhormat Timbalan Menteri, yang sebenarnya memang ada banyak peruntukan yang diberi kepada Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah. Kita mengucapkan banyak terima kasih. Di Pulau Sebatik, kita telah dapat peruntukan untuk membekalkan air bersih tetapi peruntukan untuk sambungan lambat dikeluarkan oleh kementerian.

Jadi, kita minta khusus untuk negeri Sabah, saya tidak boleh cerita pasal Sarawak, supaya peruntukan yang ada di kementerian ini kita belanjalah. Di kementerian, untuk air ini, ratusan juta kita ada tetapi tidak sampai pun, lambat. Penyampaian ini lambat. Jadi kita minta Menteri, Timbalan Menteri dan Setiausaha Parlimen mempercepatkan. Ini kerana di Pulau Sebatik, keseluruhan tidak ada air. Yang ada air hanya yang diberi peruntukan RM12 setengah juta baru 500 lebih buah rumah sahaja.

Jadi sambungan ini mungkin perbelanjaannya dalam RM20 juta lebih. Timbalan Menteri bolehlah bagi lulus dalam Dewan ini, tidaklah tunggu lama-lama. Itu kita mintalah.

Dato' Zainal Abidin bin Osman: Terima kasih Yang Berhormat bagi Kalabakan, yang bersinar dengan baju birunya. Kita ambil maklum tentang masalah air di Pulau Sebatik ini, tetapi kadang-kadang di bawah kementerian, kita bukan merupakan *the sole agency*. Kita terpaksa bekerjasama dengan pihak lain seperti Kementerian Kewangan, pihak Kerajaan Negeri Sabah dan pihak-pihak lain untuk melaksanakan sesuatu projek. Insya-Allah Yang Berhormat, dengan pemantauan dan gesaan yang berterusan daripada Yang Berhormat, kita dapat melaksanakan mengikut jadual.

Yang Berhormat bagi Beluran menyatakan tentang Projek BELB yang tidak mencapai matlamatnya kerana agensi-agensi berkaitan di Sabah tidak dilibatkan dalam projek dan pendekatan kementerian perlu dipertingkatkan dalam bentuk kerjasama dengan agensi berkaitan untuk menambahbaikkan Projek BELB yang akan datang. Untuk pengetahuan Yang Berhormat, KKLWB, kementerianya sentiasa melibatkan SESB dalam semua dan agensi-agensi di negeri Sabah, khususnya KPLB Sabah dan Jabatan Pembangunan Persekutuan Sabah (JPPS) dalam merancang dan memuktamadkan semua senarai projek di BELB.

Seperti Yang Berhormat sedia maklum skop pelaksanaan Projek BELB hanya melibatkan pembinaan infrastruktur ke had maksimum 33 kV. Itu sahaja yang dapat dibuat oleh pihak kementerian. Lebih daripada 33 kV adalah di bawah tanggungjawab pihak berkuasa elektrik Sabah, PBEN iaitu SESB di Sabah.

Sehubungan dengan itu, semua kampung yang dipilih untuk dilaksanakan Projek BELB adalah bergantung kepada keupayaan punca bekalan oleh SESB. Bagi kampung-kampung yang tidak dapat diberi bekalan secara talian grid akan dipertimbangkan untuk pelaksanaan Projek BELB alternatif menggunakan sistem solar hybrid.

Yang Berhormat bagi Pensiangan pula telah membangkitkan isu bahawa banyak kawasan yang tidak boleh diberi bekalan secara talian grid dan mencadangkan kementerian melaksanakan projek alternatif khususnya menggunakan sistem mikro-hidro. Untuk pengetahuan Yang Berhormat, kementerian hanya akan melaksanakan Projek BELB alternatif sekiranya dipersetujui untuk diambil alih pihak berkuasa elektrik negeri supaya semua sistem dapat dioperasi dan diselenggarakan dengan berterusan dan sistematik. Apabila mereka bersetuju terima, kita akan laksanakan.

Buat masa ini, KKLWB hanya melaksanakan Projek BELB alternatif secara solar hybrid di Semenanjung Malaysia dan di Sabah kerana ia diterima oleh PBEN dan mampu membekalkan elektrik selama 24 jam ke kampung-kampung pedalaman. Bagi negeri Sarawak, kementerian masih belum dapat melaksanakan projek solar hybrid kerana SAC *Company* belum menyatakan persetujuan untuk menerima dan mengambil alih sistem berkenaan apabila siap kelak. KKLWB belum bercadang melaksanakan projek mikro-hidro memandangkan sistem solar hybrid didapati lebih baik berbanding sistem lain pada masa kini.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat bagi Pensiangan.

Tuan Bernard S. Maraat @ Ben [Pensiangan]: Terima kasih Tuan Pengerusi dan terima kasih Timbalan Menteri kerana telah menjawab soalan saya semalam. Hanya penjelasan. Saya telah menulis surat kepada Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah mengenai dengan kedudukan sistem mikro-hidro hybrid ini, yang mana jawapan yang saya terima daripada kementerian mengatakan sistem ini tidak begitu baik disebabkan *precedent* yang berlaku di Sarawak pada masa yang lalu.

Akan tetapi sebagaimana yang NGO telah buat baru-baru ini di bahagian pedalaman kawasan Pensiangan, saya merasakan projek yang mereka usahakan ini adalah amat berjaya sekali dan mereka pun telah menggunakan sistem mikro-hidro dengan baiknya. Persoalan saya, kebanyakan kampung-kampung yang jauh terpencil dan tidak mungkin untuk SESB melanjutkan atau memanjangkan sistem solar hybrid ini yang mana tempat-tempat ini memang sangat jauh. Saya melihat banyak tempat tadahan air yang boleh kita ambil kira sebagai punca untuk menjadikannya satu *alternative power* untuk penduduk-penduduk luar bandar.

Sebagaimana yang saya sebutkan semalam, kita begitu sukar sekali untuk mendapatkan bahan-bahan bakar umpamanya petrol dan diesel yang mana mereka berjalan kaki berhari-hari untuk mengangkat bahan-bahan tersebut. Jadi, tenaga alternatif yang saya cadangkan ini, memang berhasil dan berjaya supaya kementerian ini dapat meninjau dan melihat. Saya menjemput pegawai-pegawai kementerian untuk datang ke tempat-tempat ini untuk melihat secara terperinci, dengan itu, dengan izin, *seeing is believing*, kita nampak dan baru kita percaya mengenai kedudukan sebenarnya, timbalan menteri. Terima kasih.

Dato' Zainal Abidin bin Osman: Terima kasih Yang Berhormat. Saya ambil maklum tentang apa Yang Berhormat utarakan. Seterusnya Yang Berhormat bagi Ledang ada menyebut tentang dua kampung Orang Asli di kawasannya yang belum dapat bekalan elektrik. Kita dimaklumkan bahawa pemilik kawasan bersebelahan tidak memberi kebenaran untuk bekalan elektrik disambung. Kita akan ambil maklum tentang perkara ini untuk tindakan susulan.

Yang Berhormat bagi Tebrau mempersoalkan mengapa terdapat 13 kampung termasuk kampung Orang Asli beliau belum mendapat bekalan elektrik. Kita telah periksa dan kita dapati dua kampung iaitu Kampung Pasir Salam dan Kampung Sayang..., ini kampung yang menarik. Kampung Sayang telah pun diberi peruntukan untuk dibuat dalam tahun 2007 dan yang bakinya itu kita minta Yang Berhormat dapat membuat permohonan secara rasmi untuk tindakan lanjut pihak kementerian.

Tuan Eric Enchin Majimbun [Sepanggar]: [Bangun]

Dato' Zainal Abidin bin Osman: Saya ingin berubah kepada isu tentang wilayah dan kawasan Yang Berhormat bagi Bukit Mertajam. Yang Berhormat bagi Bukit Mertajam telah menyentuh tentang isu permit pembelian getah dan saya ingin menyatakan bahawa kuasa permit belian dan jualan getah adalah di bawah kuasa Lembaga Getah Malaysia di bawah Kementerian Perusahaan Perladangan dan Komoditi. Yang Berhormat, silakan.

Tuan Eric Enchin Majimbun [Sepanggar]: Terima kasih, Tuan Pengerusi. Di dalam perkara bekalan elektrik luar bandar ini, sebenarnya saya persoalkan mengenai kawasan saya di mana masih banyak lagi penduduk-penduduk yang tidak dapat bekalan elektrik disebabkan keengganan SESB memberi bekalan ini. Itu yang pertama.

Yang kedua ialah mengenai bekalan elektrik bagi jalan kampung ini di mana kita dapati pada tahun 2002 ada beberapa kampung, contohnya Kampung Kebagu dan Unggun telah diberi bekalan tetapi sehingga kini tidak dapat menyala disebabkan mereka tidak bekalkan dengan transformernya. Sekian.

Dato' Zainal Abidin bin Osman: Terima kasih Yang Berhormat bagi Sepanggar. Kita memang maklum tentang ada tempat yang tidak menyala kerana transformer tidak dibekalkan. Tindakan-tindakan susulan akan dibuat dengan penyelenggaraan kita dengan pihak SESB untuk langkah selanjutnya.

Disebabkan harga getah yang tinggi, Yang Berhormat bagi Bukit Mas ada meminta supaya ditanam semula getah di Sarawak khususnya di kawasan beliau di Bukit Mas. Kementerian melalui Projek Pertanian Sarawak telah melaksanakan program tanam semula getah dan aktiviti-aktiviti sampingan lain di negeri Sarawak. Untuk tahun 2007, kita jangka akan menyelenggarakan seluas 1,380 hektar tanah di bawah program tanam semula getah kepadatan tinggi manakala seluas 1,000 hektar tanah getah tua akan ditanam semula dengan konsep mini estet.

Yang Berhormat bagi Batu Gajah yang bangun semalam menceritakan tentang program pembangunan luar bandar dan faedah-faedah penduduk luar bandar serta penyelarasan yang perlu ada antara kementerian dan kerajaan negeri untuk membangunkan kawasan luar bandar. Dalam melaksana dan merancang pembangunan tanah di kawasan luar bandar, kementerian tidak menjual mana-mana tanah kerana tanah yang dibangunkan adalah tanah-tanah milik individu yang terbiar atau tanah-tanah yang diperuntukkan oleh kerajaan negeri untuk dibangunkan dan diserahkan kepada mereka yang tidak mempunyai tanah.

Tanah-tanah terbiar milik individu dibangunkan oleh FELCRA melalui program penyatuan dan pemulihan tanah, manakala tanah-tanah baru yang diperuntukkan oleh kerajaan negeri kepada mereka yang tidak mempunyai tanah, dibangunkan oleh agensi-agensi pembangunan tanah di bawah kementerian seperti FELCRA, RISDA dan KESEDAR.

Konsep baru, konsep agropolitan ini kita akan laksanakan dalam satu program membangunkan kawasan terpencil, termundur dan terbiar dengan menyediakan kemudahan prasarana, pendapatan serta aktiviti-aktiviti ekonomi berdasarkan pertanian dan industri kecil secara bersepadu.

Yang Berhormat bagi Pensiangan telah membangkitkan tentang Medan Info Desa yang tidak ada pengisian, yang boleh diibaratkan sebagai projek gajah putih. Kita ambil maklum pandangan Yang Berhormat dan kita akan memastikan tidak ada projek yang menjadi gajah putih. Sehingga kini, kementerian telah membina 30 buah Medan Info Desa dan kita telah melaksanakan semua ini demi untuk merapatkan jurang digital di antara bandar dan luar bandar mengenai pengisian program seperti kursus asas ICT, kemudahan kursus kemahiran dan penyediaan web portal untuk kegunaan orang-orang kampung di luar bandar.

Untuk pengetahuan Yang Berhormat dalam tahun 2006 sebanyak RM5 juta kita peruntukkan untuk pelaksanaan kursus dan latihan tersebut dan sehingga kini daripada Rancangan Malaysia Ketujuh sehingga ke 2006 ini sebanyak 38,000 peserta telah mengikuti kursus penggunaan MID.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat bagi Pensiangan bangun.

Dato' Zainal Abidin bin Osman: Jadi untuk melicinkan pengurusan MID kementerian telah melantik pengurus MID yang berkelulusan ijazah dalam bidang ICT iaitu satu pengurus untuk satu ICT. Saya teruskan jawapan kepada Yang Berhormat bagi Bukit Mas yang telah membangkitkan isu tentang medan Infodesa yang telah ditarik balik pelaksanaannya. Sebenarnya kita tidak tarik balik medan infodesa di kawasan Bukit Mas tetapi kita hadapi sedikit masalah tentang tapak dan tanah. Jadi kalau proses tapak dan tanah ini selesai kita boleh bina balik semula di kawasan Bukit Mas.

Tuan Bernard S. Maraat @ Ben [Pensiangan]: Terima kasih Tuan Pengerusi dan terima kasih Timbalan Menteri, hanya perlu penjelasan dalam usaha kerajaan memperkasakan infodesa, maklumat untuk penduduk-penduduk luar bandar, saya ada sedikit kesangsian mengenai penggunaan ini. Sama ada perisian-perisian ini digunakan sebagai intra ataupun menggunakan sebagai internet. Kalau intra kita memerlukan orang-orang yang mempunyai kewibawaan, kecemerlangan dalam menyediakan perisian-perisian *intranet*.

Tetapi kalau kita menggunakan internet di kampung-kampung dan di desa-desa saya kurang pasti kejayaannya. Perlu penjelasan bahawa infrastruktur mengenai dengan *broadband*, jalur lebar dan menggunakan satelit sistem dan sebagainya belum lagi sampai ke tahap itu. Dan saya pasti penggunaan infodesa ini dengan menggunakan sistem-sistem yang ada ini khususnya sistem komunikasi bermaklumat dan sebagainya akan menjadi satu sebagaimana yang saya sebutkan tadi akan menjadi satu gajah putih ataupun menjadi satu bangunan sahaja tetapi tidak digunakan sepenuhnya. Inginkan penjelasan mengenai infrastruktur apakah persiapan dan persediaan oleh kementerian adakah ini perisiannya di antara intranet ataupun dia menggunakan sistem internet. Terima kasih.

Dato' Zainal Abidin bin Osman: Yang Berhormat terima kasih pada pandangan yang diberi dan memandangkan soalan ini agak lebih teknikal jadi saya tidak ada apa-apa maklumat yang lengkap sekarang ini saya akan tulis kepada Yang Berhormat untuk penerangan yang lebih lanjut.

Tuan Pengerusi saya ubah topik baru iaitu ekonomi desa...

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat bagi Batu Pahat bangun Yang Berhormat.

Dr. Junaidy bin Abdul Wahab [Batu Pahat]: Terima kasih Yang Berhormat Tuan Pengerusi. Saya berkaitan dengan pusat maklumat infodesa ini saya ucap ribuan terima kasih kepada pihak kementerian kerana di kawasan Parlimen saya agak ada yang terbaik jugalah cuma masalahnya berkaitan dengan pemantauan ini Yang Berhormat. Saya minta supaya pihak kementerian lebih pergi memberikan pemantauan supaya meningkatkan lagi maklumat-maklumat juga komputer yang adalah. Itu pandangan saya.

Dato' Zainal Abidin bin Osman: Terima kasih Yang Berhormat. Saya hendak ucapkan tahniah kepada Yang Berhormat bagi Batu Pahat kerana di kawasan Parlimen beliau di Kampung Parit Tengah merupakan model yang kita ada sekarang ini penduduk kampung berusaha ada bangunan sendiri, cari komputer sendiri kita bagi peruntukkan sedikit dan akhirnya kampung Parit Tengah medan infodesanya merupakan satu yang boleh dibanggakan bukan sahaja di negeri Johor tetapi juga di Malaysia dan kita berikan peruntukkan tambahan kalau tidak silap saya RM150,000 lagi untuk beli komputer lagi dan buat bangunan baru untuk medan infodesa di Kampung Parit Tengah. Makluman seperti Yang Berhormat bagi tadi saya akan ambil maklum.

Untuk Bahagian Ekonomi Desa kita seperti Yang Berhormat sedia maklum ada latihan kemahiran dalam bidang keusahawanan dengan kerjasama pihak-pihak seperti MARDI untuk pengeluaran produk makanan, kita juga ada kemudahan pinjaman skim pembiayaan desa SPED untuk memulakan dan meningkatkan perniagaan yang sedia ada. Kita sediakan kemudahan dan infrastruktur perniagaan buat gerai, bengkel kilang IKS dan bantu promosi hasil-hasil produk tempatan termasuk kraf tangan dan produk pembuatan melalui ekspo dan promosi dalam dan luar negara.

Yang Berhormat bagi Sabak Bernam tanya tentang SDSI dan projek SDSI ini dilaksanakan setelah mendapat cadangan daripada Pejabat Daerah dan agensi kerajaan setelah dipersetujui oleh kerajaan negeri. Projek ini sentiasa di selaras oleh pihak Unit Penyelarasan Pelaksanaan Jabatan Perdana Menteri dan memang wujud kerjasama kementerian-kementerian dalam melaksanakan projek ini termasuk kementerian saya, MeCD, Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani, Kementerian Pelancongan, Kementerian Kesenian, Kebudayaan dan Warisan serta FELDA dan juga Jabatan Perdana Menteri.

Saya ingin membawa jawapan kepada isu ketua kampung dan JKK seperti yang dibangkit oleh Yang Berhormat bagi Kuala Terengganu. Kerajaan memberi elaun kepada ketua kampung ini sebagai pengiktirafan sumbangan yang dimainkan oleh ketua kampung ke arah memajukan masyarakat luar bandar. Khususnya membantu masyarakat dalam mengatasi masalah kemiskinan tegar di luar bandar. Kita bagi elaun RM400 dari Kerajaan Persekutuan dan ini amat bersesuaian sebagai menghargai sumbangan ketua-ketua kampung dalam membangunkan kawasan luar bandar.

Cuma kita ingin memberi penjelasan tentang silap persepsi bahawa pengerusi JKK itu diberi elaun, sebenarnya tidak ada. Sebarang pengerusi JKK diberi elaun yang diberi itu adalah kepada ketua kampung. Kalau kebetulan mereka menjadi pengerusi JKK terutama sekali di Kedah, di Pulau Pinang yang tidak ada Ketua Kampung maka kita bagi kepada pengerusi JKK sebagai ketua kampung tetapi secara keseluruhan elaun cuma diberi kepada ketua kampung bukan kepada pengerusi JKK atau setiausaha JKK. Sila Yang Berhormat segak tampan Yang Berhormat bagi Padang Terap. Sila.

Dato' Ghazali bin Ibrahim [Padang Terap]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Terima kasih timbalan menteri. Saya ingin mengucapkan terima kasih kepada kementerian yang telah memberikan elaun bulanan kepada setiap pengerusi JKK atau ketua kampung di negara kita. Cuma saya hendak tanya Yang Berhormat Timbalan Menteri setelah kerajaan memutuskan untuk memberi elaun kepada pengerusi JKK adakah kita bercadang untuk memberikan sedikit, kita kurang jelas mengenai bentuk kerja yang harus dimainkan oleh JKK. Adakah kerajaan bercadang untuk memberikan kursus ataupun garis panduan apa yang harus, yang mesti di lakukan oleh JKK untuk memantapkan lagi jawatankuasa ini dan juga untuk memajukan kampung masing-masing. Sila.

Dato' Zainal Abidin bin Osman: Terima kasih Yang Berhormat. Di bawah kementerian kita ada INFRA yang bagi kursus kepada Pengerusi-pengerusi dan setiausaha JKK yang kita buat kursus dari masa ke semasa dan di samping kursus itu kita ada buat buku garis panduan untuk pengerusi-pengerusi JKK dan saya ingat Yang Berhormat pun ada satu salinan dan kita akan cuba beri lebih banyak salinan lagi untuk diberi kepada pengerusi JKK supaya mereka dapat mengikut manual pengerusi JKK itu ke arah memperbaiki tahap kerja mereka masing-masing.

Yang Berhormat bagi Putatan ada bangkitkan isu tentang elaun ketua kampung negeri Sabah yang masih belum dijelaskan. Baru ini satu penulis daripada Sabah, daripada Kedah juga menulis dalam surat khabar tentang isu yang sama. Saya ingin maklumkan kepada Yang Berhormat kerajaan telah menyalurkan peruntukkan melalui kementerian ini untuk membayar elaun ketua kampung kepada kerajaan-kerajaan negeri sejak bulan Mei 2006. Makna kita tidak ada tertunggak. Semua telah dibayar sejak bulan Mei 2006.

Walau bagaimanapun, saya dimaklumkan bahawa negeri Sabah belum lagi membayar elaun tersebut dan tindakan sedang diambil oleh kerajaan negeri untuk menyelesaikan pembayaran tersebut dalam masa terdekat tetapi daripada segi kementerian kita telah lunaskan semua pembayaran terpujanglah kepada kerajaan negeri untuk mengambil proses-proses selanjutnya.

Ahli-ahli Yang Berhormat, saya ambil masa sekarang sedikit untuk beredar kepada tajuk KEMAS saya sangat tertarik tentang pembelaan yang telah dibangkitkan oleh ramai Ahli Yang Berhormat tentang hal-hal kebajikan kakitangan KEMAS. Kerajaan khususnya kementerian sememangnya mengambil berat hal-hal kebajikan KEMAS secara kontrak dan telah pun meluluskan Imbuan Tetap Khidmat Awam sama seperti dinikmati oleh kakitangan tetap. Ini termasuklah elaun-elaun lain seperti elaun perumahan, elaun bantuan sara hidup (COLA), perbatuan atau *mileage* dan lain-lain.

Kakitangan wanita kontrak KEMAS yang rata-rata adalah mereka yang cantik di seluruh kampung. Mulai tahun 2005, mereka layak menerima kemudahan cuti bersalin sehingga lima kali kelahiran. Dengan kata lain mereka boleh dapat cuti macam biasa sehingga lima orang anak Yang Berhormat. Cuti haji juga sama seperti kakitangan tetap mereka diberi sekali cuti bergaji penuh sepanjang tempoh perkhidmatan.

Yang Berhormat bagi Jerlun telah menyentuh tentang program-program GDW, CPM atau Cawangan Pendidikan Masyarakat dan Bina Insan. Untuk pengetahuan Yang Berhormat dalam Rancangan Malaysia Kesembilan peruntukan Gerakan Masyarakat ini kita bagi RM60 juta, Pendidikan Masyarakat RM45 juta dan Bina Insan RM34 juta. Dan seluruh negara daripada Perlis hinggalah ke Sabah, KEMAS di samping menjalankan program-program tersendiri...

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat bagi Ledang, bangun. Nak bagi jalan Yang Berhormat bagi Kuala Krau? Yang Berhormat bagi Kuala Krau pun bangun, Yang Berhormat.

Ir. Haji Hamim bin Samuri [Ledang]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri, segaklah. Daripada rumusan yang saya faham tadi tentang pegawai-pegawai KEMAS termasuk guru tabika, bahawa mereka telah pun menikmati kesemua, hampir kesemua keistimewaan yang diperolehi oleh penyandang-penyandang jawatan-jawatan lain dalam sektor kerajaan, kecuali mereka bukan bertaraf tetap ataupun mereka tidak bertaraf tetap dan berpencen.

Adakah kementerian menjadikan satu tempoh yang tertentu untuk memperjuangkan mereka hingga ke tahap tetap dan berpencen? Sekurang-kurangnya tidak lagi bertaraf kontrak supaya mereka lebih terbela pada masa-masa yang akan datang. Saya fikir ini adalah satu perjuangan yang sangat murni kerana mereka sedang tertunggak-tunggu di seluruh negara setimpal dengan jasa mereka selama ini. Sekian, terima kasih.

Dato' Zainal Abidin bin Osman: Terima kasih Yang Berhormat yang segak dengan baju Melayu Johor. Kita mempunyai 15,000 orang kakitangan KEMAS secara kontrak dan kita sentiasa menimbang daripada semasa ke semasa kebajikan mereka dan untuk setakat hari ini kementerian belum lagi bercadang untuk meletakkan mereka di bawah kategori tetap dan berpencen. Saya bagi laluan kepada Yang Berhormat...

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat bagi Kuala Krau.

Dato' Zainal Abidin bin Osman: ...Bagi Kuala Krau yang semalam telah hadir pengembalian Allahyarham ayah beliau, tetapi hari ini telah sampai ke Parlimen untuk menunaikan tanggungjawab beliau. Silakan.

Tuan Haji Ismail bin Haji Mohamed Said [Kuala Krau]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih kepada timbalan menteri.

Pertamanya saya hendak mengucapkan ribuan terima kasih kepada rakan-rakan yang telah menghantar SMS kepada saya terhadap pemergian ayahanda saya pada hari semalam. Saya juga berterima kasih kepada timbalan menteri kerana pada hari Jumaat yang lepas telah melawat kawasan Parlimen Kuala Krau. Di dalam lawatan tersebut, Yang Berhormat Timbalan Menteri telah melihat sendiri keadaan masyarakat Orang Asli dan ada persoalan yang timbul tentang KEMAS, di mana guru KEMAS sepatutnya ditempatkan di kawasan perkampungan Orang Asli. Bangunan KEMAS pun ada, tetapi bangunan KEMAS itu tidak diguna pakai. Itu soalan pertama.

Yang keduanya, tentang kedudukan bangunan KEMAS yang masih lagi di atas lot, ada lot individu dan ada juga lot kerajaan yang belum dirizabkan atas nama KEMAS sendiri. Adakah KEMAS atau kerajaan bercadang untuk merizabkan tanah bangunan KEMAS itu di atas nama KEMAS sendiri?

Yang ketiganya, tentang kedudukan pemaju KEMAS bagi bina insan khusus bagi Parlimen Kuala Krau. Jadi, pemaju masyarakat KEMAS mengenai bina insan ini rata-ratanya telah lanjut usia dan tak ramai lagi penyelia KEMAS bahagian bina insan yang memohon daripada golongan muda. Saya memohon supaya KEMAS ataupun kementerian ini melihat, meneliti supaya pemaju KEMAS bina insan ini terus ditempatkan di kawasan Parlimen. Terima kasih.

Dato' Zainal Abidin bin Osman: Terima kasih Yang Berhormat bagi Kuala Krau. Saya telah melihat sendiri bagaimana satu bangunan tadika telah siap selama tiga tahun tetapi tidak dipakai kerana tidak ada guru mahu ke sana kerana bekalan air belum disambung. Inilah kadang-kadang bagaimana penyelarasan tidak dibuat, di mana bangunan sudah siap tetapi air tidak ada, guru tidak pergi. Jadi perkara ini kita ambil maklum secara khusus di pihak kementerian dan saya akan cuba menyelesaikan perkara ini dengan kadar segera...

Tuan Jimmy Donald [Sri Aman]: [Bangun]

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya, Yang Berhormat bagi Sri Aman bangun, nak bagi jalan? Yang Berhormat bagi Sri Aman.

Dato' Zainal Abidin bin Osman: Nak habiskan ini dahulu. Habiskan jawapan kepada Yang Berhormat bagi Kuala Krau tentang bangunan-bangunan tabika KEMAS seluruh negara dalam Rancangan Malaysia Kesembilan ini kita akan bina 1,447 bangunan baru dan kita akan baik pulih 1,925 bangunan. Tentang status tanah, kebanyakan tanah kita separuh daripada bangunan kita, masih lagi dalam keadaan menumpang tanah orang. Jadi..., silakan Yang Berhormat bagi Sri Aman.

Tuan Jimmy Donald [Sri Aman]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Ini adalah satu permintaan tentang KEMAS. Dahulu di kawasan Parlimen saya Sri Aman, kita ada seorang pegawai kanan KEMAS, penyelia kanan yang menyelia kawasan Sri Aman tetapi tiba-tiba dihantar ke Sri Aman seorang pegawai yang lebih tinggi. Dia menyelia dua kawasan Sri Aman, iaitu kawasan Parlimen Lubok Antu dan Parlimen Sri Aman.

Oleh sebab itu, pegawai penyelia kanan KEMAS dia rasa dia terpaksa mengambil arahan dari boss dia. Jadi, semenjak pegawai atasan itu duduk di Sri Aman, saya tidak pernah diberitahu apa yang akan berlaku. Semasa penyelia kanan *independent* di kawasan saya dahulu, apa yang dia nak buat, dia beritahu saya. Bila saya pergi ke mana-mana, dia pun hendak ikut dan apa perancangan untuk sepanjang tahun pun dia bincang dengan saya tetapi sekarang langsung saya tidak pernah ditelefon, tidak pernah diberitahu dan kadang-kadang saya terperanjat apabila mereka membuat satu keputusan ataupun mengadakan apa-apa *function*, saya terperanjat.

Ini kerana kadang-kadang apa mereka buat adalah berlainan dari apa yang patut dibuat kalau mengikut kaca mata kita, orang politik Barisan Nasional. Jadi...

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Cukup Yang Berhormat.

Tuan Jimmy Donald [Sri Aman]: ...Bolehkah saya memohon?

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat telefon sahajalah.

Tuan Jimmy Donald [Sri Aman]: ...Memohon supaya orang KEMAS ini ada diberi satu taklimat supaya kita tahu di mana kedudukan mereka, di mana kedudukan kita dalam hendak memajukan kawasan kita bersama?

Dato' Zainal Abidin bin Osman: Terima kasih Yang Berhormat. Pihak kementerian terutama sekali KEMAS sentiasa memastikan bahawa keutamaan di kawasan mereka masing-masing adalah kepada Ahli-ahli Parlimen yang terpaksa bekerjasama untuk memastikan dapat diselaraskan semua program dan kepada Ahli Parlimen lah KEMAS bergantung. Saya akan cuba mendapatkan pengarah KEMAS untuk memastikan pegawai berkenaan dapat menjalinkan hubungan yang lebih erat dan selesa dengan Yang Berhormat bagi Sri Aman.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Timbalan Menteri hendak menghabiskan jawapan. Ya, sikit. Yang Berhormat bagi Padang Terap bangun.

Dato' Ghazali bin Ibrahim [Padang Terap]: Minta jalan sikit. Ya, terima kasih Tuan Pengerusi. Terima kasih timbalan menteri. Saya hendak menyentuh tentang bina insan tadi. Saya dapati bahawa akhir-akhir ini, masyarakat kampung kurang berminat untuk ke kelas-kelas bina insan. Ini disebabkan bahawa guru-guru ataupun masyarakat Malaysia ini orang muda. Umur 25 tahun dan 20 tahun. Sedangkan muridnya berumur 60-an ataupun lebih daripada itu.

Adakah Yang Berhormat bercadang supaya melanjutkan memberi kelonggaran kepada kemajuan masyarakat modal insan ini, mungkin berumur 60 tahun, 70 tahun diberi peluang untuk mengajar masih berkhidmat di dalam Jabatan KEMAS. Sekarang ini, saya tak tahu berapa umur mereka? Mungkin 55 ataupun 60 tahun tetapi bolehkah bercadang untuk melanjutkan sedikit umur mereka. Sesuai dengan masyarakat kampung untuk belajar agama ini. Sekian, terima kasih Tuan Pengerusi, terima kasih timbalan menteri.

Dato' Zainal Abidin bin Osman: Terima kasih. Kita terpaksa ikut circular JPA tentang umur tetapi selalunya kalau mereka telah bekerja dengan KEMAS. Setelah pencen pun, hati dan jiwa mereka masih lagi dengan ceramah dan selalunya dijemput untuk bagi program-program bina insan dan ceramah seperti biasa. Saya ingin sangat untuk menghabiskan ucapan saya ini Yang Berhormat sebelum pukul 1, kerana saya sudah pinjam masa orang lain...

Datuk Dr. Marcus Makin Mojigoh [Putatan]: *[Bangun]*

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya, Yang Berhormat bagi Putatan.

Dato' Zainal Abidin bin Osman: Pinjam masa di bawah kementerian lain, dan untuk Yang Berhormat bagi Kota Melaka, saya ingin menyatakan bahawa KEMAS..

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Nak bagi jalan Yang Berhormat Putatan, Yang Berhormat Putatan, nak bagi jalan?

Dato' Zainal Abidin bin Osman: Sekejap, sekejap. KEMAS telah memulakan pewujudan dan berbincang dengan pihak JPA untuk mewujudkan semula jawatan pembantu pembangunan masyarakat, pembantu guru tabika dengan menaik taraf jawatan tersebut daripada N11 ke S17. Kita berharap benda ini akan dapat kelulusan JPA supaya dapat meringankan beban yang ditanggung oleh penyelia-penyelia masyarakat di kampung-kampung kerana tiada pembantu guru tabika. Sila Yang Berhormat, kalau boleh....

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya, Yang Berhormat bagi Putatan.

Datuk Dr. Marcus Makin Mojigoh [Putatan]: Terima kasih Tuan Pengerusi, terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri. Saya memang tertunggu-tunggu penjelasan daripada Yang Berhormat Timbalan Menteri berkenaan dengan Butiran Lembaga Kemajuan Wilayah tadi. Ada timbalan menteri menyentuh tetapi soal fasal RISDA sahaja. Saya ingin minta bantuan daripada Yang Berhormat untuk memperjelaskan satu soalan yang selalu ditanya-tanya oleh rakyat di negeri Sabah berkenaan dengan soal RDA ini Lembaga Wilayah Sabah, ada dalam?

Dato' Zainal Abidin bin Osman: Ada.

Datuk Dr. Marcus Makin Mojigoh [Putatan]: Oh ada *sorry sorry*.

Dato' Zainal Abidin bin Osman: Terima kasih Yang Berhormat. Saya ingin masuk topik yang ditanya oleh Yang Berhormat Putatan tentang Lembaga Kemajuan Wilayah di Sabah. Untuk masa ini Kabinet telah memutuskan supaya Kerajaan Negeri Sabah menimbang semula keputusan mereka supaya Lembaga Kemajuan Wilayah Sabah ini tidak diwujudkan jadi kerajaan dalam proses berbincang dan merayu dengan Kerajaan Negeri Sabah supaya program yang diumumkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri ini dapat dilaksanakan dengan persetujuan Kerajaan Negeri Sabah.

Datuk Haji Mohd. Said bin Yusof [Jasin]: Penjelasan.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya Jasin.

Datuk Haji Mohd. Said bin Yusof [Jasin]: Terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri, terima kasih Yang Berhormat Tuan Pengerusi. Seandainya Kerajaan Negeri Sabah menolak pembangunan wilayah ini adakah cara lain yang kementerian boleh membantu Sabah ini, saya pun kasihan dengar dia orang ini. Dan kita pun hendak minta Dewan Rakyat minta kepada Kerajaan Negeri Sabah yang ini kita hendak bangunkan ke seluruh negara.

Kita tidak hendak esok rakyat Sabah katakan bahawa Sabah masih ketinggalan dan jelas kita dapat lihat pada hari ini dengan pembangunan wilayah kita sedang dapat membangunkan negeri Pahang, kita dapat membangunkan negeri Kelantan, kita dapat membangunkan negeri Kedah dan banyak negeri termasuk Johor tetapi amat malang sekali dalam usaha kita hendak mengagihkan pembangunan serata di seluruh Malaysia termasuk Sabah dan Sarawak masih ada lagi kedengaran bahawa kerajaan negeri kurang hendak menerima idea ini. Dan apakah cadangan kementerian kalau seandainya kerajaan negeri Sabah menolak rancangan ini. Terima kasih.

Dato' Zainal Abidin bin Osman: Terima kasih Yang Berhormat. Kita masih berharap rundingan ini akan terus berjalan dan mudah-mudahan akan terbuka hati Kerajaan Negeri Sabah untuk menerima cadangan Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah dan juga keputusan Kabinet mengenainya. Saya ingin masuk sedikit tentang Jabatan Hal Ehwal Orang Asli Tuan Pengerusi dan sukacita dimaklumkan di sini bahawa setakat ini di bawah Jabatan Hal Ehwal Orang Asli 28% daripada kakitangannya adalah Orang Asli sendiri.

Maknanya kita ada 350 orang kakitangan daripada 1,244 adalah berkhidmat di bawah Jabatan Hal Ehwal Orang Asli di bawah kementerian. Jadi kalau ada calon-calon yang lebih layak untuk menjawat jawatan ketua pengarah atau pengarah negeri kita tiada halangan dan kita lebih sukalah kalau dapat Orang Asli dapat sendiri jadi pengarah sekiranya calon yang sesuai dan memenuhi kriteria yang ditetapkan oleh Jabatan Perkhidmatan Awam.

Ada beberapa lagi persoalan tentang Orang Asli ini yang agak *detail* yang saya minta persetujuan Tuan Pengerusi untuk menulis *direct* terus kepada Yang Berhormat berkenaan kerana mereka pun tidak ada di sini...

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya, eloklah cadangan itu.

Dato' Zainal Abidin bin Osman: Cukuplah sekadar saya menyatakan bahawa kita tetap meneruskan pembelaan kita kepada Orang Asli dan mereka merupakan sebahagian daripada rakyat Malaysia yang perlu diberi pembelaan secara berterusan.

Yang Berhormat bagi Kuala Terengganu menyentuh sedikit tentang FELCRA Berhad yang ingin saya menyatakan di sini bahawa adalah tidak benar sekiranya dinyatakan bahawa FELCRA Berhad tidak mempunyai hala tuju yang jelas. Sejak dikorporatkan mulai tahun 1997 FELCRA Berhad telah menyediakan strategi perniagaan dan pelan tindakan meliputi semua seluruh aspek hala tuju syarikat yang merangkumi tiga strategi utama iaitu perniagaan, obligasi sosial dan guna tenaga...

Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]: *[Bangun]*

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Kepong Yang Berhormat.

Dato' Zainal Abidin bin Osman: Dan FELCRA juga sejak tahun 1997 hingga 2005 telah membayar dividen sebanyak RM1.5 bilion kepada 92,000 orang pesertanya. Dan tentang teguran audit yang telah dibuat terhadap FELCRA, kementerian dan juga FELCRA sedang mengambil tindakan berkenaan dengan setiap butir yang telah diberi komen tentang teguran oleh pihak audit. Kepong tidak ada luar bandar. Sedikit sahaja cepat.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya sila Kepong.

Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]: Mesti ada dua kampung Melayu juga.

Dato' Zainal Abidin bin Osman: Ya ya okey okey ada. Sila sila.

Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]: Ini mengenai Orang Asli... *[Disampuk]* Tidak apalah kalau kita diam sedikit saya bagi tahulah.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya, cepat Kepong pendekkan.

Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]: Ya pendeklah. Tuan Pengerusi, Yang Berhormat ini seorang Orang Asli Muar, Encik Tipus bin Rahman, Kampung Orang Asli Ulu Kuang yang pada akhir-akhir ini sudah memohon untuk mendapat satu kontrak untuk bahan batuan untuk mengorek pasir di sungai di kampung sendiri tetapi permohonan ditolak dan sebagainya. Saya pun tidak tahulah apa sebenar berlaku cuma saya berharap...

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ini kes spesifik Yang Berhormat ya.

Dato' Zainal Abidin bin Osman: Saya ada jawapan Yang Berhormat saya ada.

Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]: Kes spesifiklah itu spesifik.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat tulis suratlah dengan kementerian.

Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]: Ha! Tolonglah, tolong sebab saya tulis surat sudah.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat lepas ini jumpa Timbalan Menteri.

Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]: Hantar *internet* pun tetapi tidak ada jawapan itulah masalah itu.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya cukuplah Kepong.

Dato' Zainal Abidin bin Osman: Tanah di Ulu Kelang Rawang adalah berstatus milik kerajaan pihak Jabatan Hal Ehwal Orang Asli dan kementerian tidak mempunyai kuasa untuk meluluskan permohonan. Permohonan boleh dikemukakan terus kepada kerajaan negeri untuk pertimbangan dan kelulusan. Yang Berhormat...

Datuk Haji Mohd. Said bin Yusof [Jasin]: *[Bangun]*

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya Jasin bangun.

Dato' Zainal Abidin bin Osman: ...Ahli-ahli Parlimen sekalian, Ahli-Ahli Yang Berhormat, okey.

Datuk Haji Mohd. Said bin Yusof [Jasin]: Yang Berhormat Timbalan Menteri jangan tengok jam. Ini FELCRA ini bukan kata apa yang dikatakan sahabat Kuala Terengganu tadi mungkin ada betul mungkin tidak, tetapi bagi saya kawasan saya di Jasin kita banyak juga skim-skim FELCRA. Yang timbul masalah ini Tuan Pengerusi kepercayaan orang kampung, kepercayaan peneroka FELCRA terhadap pengurusan FELCRA. Ada telah mengadu kepada kita bahawa sehinggakan FELCRA sudah ambil tanah dia walaupun dividen dibayar tetapi amat kecil sekali. Dan sehingga pokok itu tua tanam balik semula pun hutang pun tidak habis bayar ini. Walhal kalau tengokkan dalam segi kelapa sawit pada hari ini dengan harga yang begitu mahal kalau kos pengurusan untuk membangunkan ladang kelapa sawit dalam masa bawah daripada 10 tahun sudah dapat modal balik tetapi orang kampung mengadu sehinggakan hendak tebang balik semula hutang tidak habis bayar.

Dan nombor dua kadang-kadang dia menghantarkan penyata kepada orang kampung tidak berapa terang dan kadang-kadang orang kampung terpinga-pinga berkenaan dengan penyata kewangan hutang mereka terhadap FELCRA. Jadi kita berharap supaya FELCRA dapat memperjelaskan dengan lebih terang kepada peneroka-peneroka ini supaya tidak timbul masalah di kian hari. Terima kasih Yang Berhormat.

Datuk Mohamed Razali bin Che Mamat [Kuala Krai]: Saya suka hujah daripada Jasin ini.

Dato' Zainal Abidin bin Osman: Terima kasih pandangan Yang Berhormat Jasin.

Datuk Mohamed Razali bin Che Mamat [Kuala Krai]: Sebelum pada Timbalan Menteri jawab, sedikit sahaja yang sama.

Dato' Zainal Abidin bin Osman: Okey.

Datuk Mohamed Razali bin Che Mamat [Kuala Krai]: Ini berlaku di kawasan saya Kuala Krai. Kita minta kementerian mengambil langkah yang aktif demi untuk orang-orang kawasan luar bandar terutama sekali mengenai FELCRA ini kerana kawasan saya di Kuala Krai pun sama terjadi mereka dianyai. Dan kita harap ada pemantau untuk pegawai-pegawainya sendiri. Mereka ini berkuasa bermaharajalela ikut suka mereka buat sahaja. Jadi kalau ada pemantauan haruslah tidak teraniaya orang-orang kampung yang di luar bandar ini. Saya menyokong penuh saranan daripada yang Berhormat bagi Jasin. Terima kasih.

Dato' Zainal Abidin bin Osman: Terima kasih Yang Berhormat bagi Jasin, terima kasih Yang Berhormat bagi Kuala Krai di atas komen tentang FELCRA. Kita akan pastikan bahawa FELCRA ini akan terus dipantau dan dipertingkatkan prestasinya daripada masa ke semasa. Di hujung bicara saya ingin menyatakan ucapan terima kasih tidak terhingga terhadap segala pandangan, teguran, rintihan, makluman, kritikan, sindiran dan pujian yang diberi kepada kementerian saya, saya cuba menjawabnya sebaik mungkin. Kalau ada yang tertinggal nanti saya akan jawab secara bertulis. Hujung bicara kita harapkan seluruh kampung seluruh masyarakat di luar bandar akan terus maju akan terus menarik, cantik, indah, permai, menguntungkan, damai, sejahtera, makmur, bersih, membahagia dan menyeronokkan. Kata pepatah:

*Bumi dipihak langit dijunjung,
Damai sejahtera rakyat di kampung,
Harapan mereka tinggi menggantung,
Kepada pemimpin mereka bergantung.*

*Penduduk luar bandar amat beruntung,
Kemajuan seimbang akan berlangsung,
Maruah bangsa kita pertarung,
Kerajaan Barisan Nasional akan disanjung.*

Terima kasih... [Tepuk]

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ahli-ahli Yang Berhormat, masalahnya ialah bahawa wang sejumlah RM873,596,000 untuk Maksud B.22 di bawah Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah jadi sebahagian daripada Jadual hendaklah disetujui.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Wang sebanyak RM873,596,000 untuk Maksud B.22 diperintahkan jadi sebahagian daripada Jadual.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Masalahnya ialah bahawa perbelanjaan sebanyak RM2,500,000,000 untuk Maksud P.22 yang disebutkan dalam Anggaran Pembangunan bagi tahun 2007 hendaklah diluluskan.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Wang sebanyak RM2,500,000,000 untuk Maksud P.22 diluluskan jadi sebahagian daripada Anggaran Pembangunan 2007.

**Maksud B.23 [Jadual] -
Maksud P.23 [Anggaran Pembangunan 2007] -**

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Kepala Bekalan B.23 dan Kepala Pembangunan P.23 di bawah Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar terbuka untuk dibahas.

1.01 ptg.

Dato' Yap Pian Hon [Serdang]: Tuan Pengerusi suka saya untuk menyentuh Butiran 145000 - Menaikkan taraf infrastruktur saliran, bandar dan tebatan banjir. Tuan Pengerusi projek tebatan banjir Sungai Kuyuh, Sri Kembangan telah dilaksanakan daripada tahun 2001 hingga tahun 2005 dengan kosnya RM13.8 juta.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat, Yang Berhormat sambung petanglah.

Dato' Yap Pian Hon [Serdang]: Terima kasih.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Dewan bersidang semula sebagai majlis Mesyuarat.

Majlis Mesyuarat bersidang semula.

[Timbalan Yang di-Pertua (Datuk Dr. Yusof bin Yacob) **mempengerusikan Mesyuarat**]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ahli-ahli Yang Berhormat Dewan ditangguh sehingga jam 2.30 petang.

Mesyuarat dtempohkan pada pukul 1.02 petang.

Mesyuarat disambung semula pada pukul 2.30 petang.

Majlis bersidang dalam Jawatankuasa.

[Tuan Yang di-Pertua **mempengerusikan Jawatankuasa**]

Tuan Pengerusi: Saya jemput Yang Berhormat bagi Serdang untuk menyambung ucapan.

2.32 ptg.

Dato' Yap Pian Hon [Serdang]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Kos projek tebatan banjir Sungai Kuyuh Seri Kembangan ialah RM13.8 juta untuk menaikkan taraf, melebar dan mendalamkan sungai itu sepanjang 6.7 kilometer. Saya dimaklumkan bahawa projek ini telah diselesaikan tetapi masih terdapat banjir kilat di kawasan lima dan kawasan sembilan Seri Kembangan di mana penduduk masih mengalami masalah.

Tuan Pengerusi, saya difahamkan bahawa projek tebatan banjir ini yang diuruskan dan dipantau oleh JPS Wilayah Persekutuan. Walaupun Sungai Kuyuh sebahagian besar sungai itu ada di dalam Selangor, tetapi beberapa perkara atau masalah dan isu masih belum diselesaikan seperti:

- (i) aliran air keluar daripada parit sedia ada di kawasan lima dan sembilan Seri Kembangan tidak sempurna yang menyebabkan *back flow*. Jadi, apabila paras air Sungai Kuyoh itu naik dan seterusnya banjir kilat berlaku;
- (ii) penyerahan projek Sungai Kuyoh kepada JPS Selangor belum di buat;
- (iii) pengesahan oleh jurutera perunding, sama ada projek ini telah di siapkan mengikut syarat dan spesifikasi yang ditetapkan dalam kontrak;
- (iv) pelan-pelan masih belum diserahkan; dan
- (v) kerja-kerja pembersihan semasa yang perlu dibuat di kedua-dua tebing Sungai Kuyoh.

Dengan adanya isu-isu dan masalah yang masih belum diselesaikan oleh JBS Wilayah Persekutuan kepada JPS Selangor, maka masalah terus berlaku dan telah menjadi pertikaian dan dipersoalkan oleh para penduduk di kawasan tersebut. Saya pernah menghantar surat beberapa kali kepada JPS Wilayah Persekutuan untuk meminta penjelasan dan kedudukan sebenarnya berkaitan dengan projek tebatan banjir Sungai Kuyoh ini, tapi tidak ada apa-apa jawapan. Saya rasa dukacita atas reaksi daripada Jabatan JPS Wilayah Persekutuan itu. Maka saya mendesak ibu pejabat JPS perlu mengambil tindakan tegas untuk mengatasi masalah begitu panjang lebar ini dan juga untuk memberi satu maklum balas dan kedudukan sebenarnya berkaitan dengan projek ini, kerana projek ini dibiayai oleh *Asian Development Bank*.

Tuan Pengerusi, dengan demikian itu saya sekali lagi minta penjelasan daripada pihak kementerian pentingnya untuk mengatasi perkara tersebut. Walaupun kita telah membelanjakan begitu banyak wang itu, tetapi masih terdapat kecacatan itu.

Tuan Pengerusi, saya juga hendak menyentuh berkenaan dengan masalah Sungai Langat. Sungai Langat sepatutnya dinaikkan taraf melebar atau mendalamkan untuk mengelakkan banjir berlaku sekitar kawasannya. Di antara kawasannya ialah seperti di tepi Sungai Langat itu memang sentiasa berlaku demikian, tetapi hendaklah dapat peruntukan di dalam Rancangan Malaysia Kesembilan.

Kalau ada peruntukan dalam Rancangan Malaysia Kesembilan itu, saya yakin dan percaya bahawa masalah banjir kilat yang berlaku kanan kiri di sekitar Sungai Langat ini dapat diselesaikan tetapi saya mintalah kedudukan sebenarnya berkaitan peruntukan untuk menaikkan taraf Sungai Langat dalam Rancangan Malaysia Kesembilan ini.

Tuan Pengerusi, satu perkara lagi iaitu berkaitan dengan Butiran 020100 - Pentadbiran Tanah. Saya difahamkan bahawa strategi baru untuk menyusun semula dan memperkemaskan sistem dan prosedur jentera pentadbiran tanah telah dilancarkan pada bulan Mac 2004 untuk memastikan sistem pengurusan dan perundangan tanah dipertingkatkan di negara kita, agar cekap dan bermutu selaras dengan dasar pembangunan negara.

Walau bagaimanapun dengan adanya usaha memperkemaskan proses kerja urusan tanah bagi meningkatkan ketelusan urusan pentadbiran, malangnya masih terdapat rungutan dan rayuan atas kelambatan untuk mengeluarkan surat hak milik setelah premium tanah dibayar beberapa tahun. Mereka masih tunggu untuk dapat surat hak milik yang akan dikeluarkan oleh pejabat tanah, tetapi masih menunggu beberapa tahun lamanya. Dan juga kes penukaran atau tukar nama hak milik tanah tanpa kebenaran dari pemilik asalnya yang terlibat dengan negeri Selangor, Johor, Perak dan Pulau Pinang.

Isu ini jelas menunjukkan terdapat kelemahan dalam prosedur dan sistem urusan tanah sehingga terjadinya penipuan dan menyalahgunakan sistem pengurusan tanah, di mana dengan hak milik tanah ditukar dengan begitu mudah tanpa pengetahuan pemilik asalnya. Maka, penjelasan perlu diberi tahu apa sebabnya berlaku demikian.

Adakah pihak kementerian sedia untuk mengambil tindakan bagi mengkaji semula atau disemak semula ke atas peraturan atau prosedur di dalam Kanun Tanah Negara bagi mengetatkan dan menambah butir-butir keperluan bagi mengemukakan butir tertentu daripada pihak pemilik asal sendiri, bagi membolehkan permohonan penukaran nama hak milik dilakukan secara cepat, benar dan betul bagi mencegah kes-kes penipuan yang berlaku berulang lagi bagi memastikan memberi perlindungan yang sewajarnya kepada pemilik-pemilik tanah pada ketika ini.

Kes ini masih berlaku tetapi masalahnya tidak dapat diselesaikan. Di dalam kawasan saya, seorang pemilik tanah selalu empat ekar telah ditukar tangan tanpa diketahui. Beliau terpaksa melaporkan hal ini kepada polis tetapi kejadian ini telah jadi kenyataan, kita tidak boleh berbuat apa-apa. Pemilik asalnya tidak tahu apa-apa sebabnya berlaku demikian di dalam pentadbiran tanah sebab beliau langsung tidak memohon untuk menukar nama surat hak milik itu. Jadi ini adalah satu masalah yang sedang dihadapi. Ini bukan satu kes, beberapa kes telah berlaku yang disiarkan dalam media di mana jadikan isu, bimbang dan kluatir para pemilik tanah yang dalam keadaan yang demikian. Tanpa tindakan tegas diambil untuk mencegah kes sedemikian, saya yakin dan percaya bahawa satu masalah besar akan dihadapi oleh negara kita dan juga akan mungkin menghilangkan keyakinan, kepercayaan kepada pengurusan atau sistem tanah di negara kita ini.

Ini adalah satu perkara serius yang sedang dihadapi di negara kita dan perlu pihak kementerian untuk mengambil tindakan terus walaupun ada kajian atau susun semula atau strategi baru untuk mengatasi berbagai-bagai masalah yang dihadapinya tetapi perkara atau isu ini yang begitu rumit yang berkaitan dengan harta benda seseorang itu dia tidak dapat dikawal dan dipegang begitu dan tidak ada jaminan langsung di mana mereka sedang menghadapinya. Terima kasih.

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat bagi Batu Pahat.

2.41 ptg.

Dr. Junaidy bin Abdul Wahab [Batu Pahat]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya juga ingin turut serta dalam perbincangan pada petang ini di bawah tajuk 010400 yang berkaitan dengan Taman Laut. Pada bulan September yang lepas saya telah dijemput oleh kawan-kawan daripada Universiti Malaya untuk pergi ke Pulau Tioman dan tahniah juga kepada Universiti Malaya kerana dapat menubuhkan *Universiti Malaya Maritime Research Centre* dengan kerjasama Taman Laut Malaysia di Pulau Tioman.

Semasa kunjungan ke sana saya dapat melihat dua perkara sedang rancak dalam perancangan untuk dijayakan. Yang pertama iaitu tentang pembangunan pulau tersebut yang berkaitan dengan marina. Sebuah marina dalam pembinaan, masalah yang timbul ialah berkaitan dengan kemusnahan kepada kehidupan laut. Semasa lawatan tersebut saya dapat juga melihat bahawa kita ada *coral* ataupun batu karang yang besarnya lebih daripada sembilan kaki lebar dan banyak yang telah musnah yang mana dalam *report* EIA sebelum marina itu dibuat, menyatakan bahawa mereka akan mengadakan proses pemindahan batu-batu karang tersebut tetapi malangnya apabila kita selidiki bahawa cuma 15% sahaja batu karang yang dipindahkan dapat berjaya hidup.

Yang kedua, iaitu berkaitan dengan perancangan untuk menyediakan satu lapangan terbang yang baru. Membina lapangan terbang yang baru berdasarkan kepada masalah:

- (i) lapangan terbang yang sedia ada kecil, tidak dapat menampung kapal terbang yang lebih besar; dan
- (ii) kalau tidak dapat menampung kapal terbang yang lebih besar maka pelancong yang hendak datang ke Pulau Tioman akan berkurangan.

Jadi, apabila kita tengok dalam pelan perancangan yang telah ditunjuk, dia juga melibatkan bukit-bukau yang ada di hujung pulau tersebut yang akan diletupkan. Saya difahamkan juga lebih kurang 80 hektar kawasan laut yang akan ditambak, yang akan ditebus guna dan kerja penebusan ataupun tebus guna ini akan melibatkan pemotongan kawasan bukit untuk dijadikan bahan tambakan.

Mengikuti kajian yang telah dibuat oleh *National Hydraulic Research Institute* ataupun NAHRIM bahawa dengan adanya pergerakan ataupun letupnya serta tebus gunanya tanah di kawasan pulau tersebut maka akan berlaku pergerakan *sediment* di tapak pembinaan dan pergerakan ini bukan hanya berlaku di kawasan setempat. Ia juga akan melibatkan hingga ke pulau-pulau yang berhampiran seperti Pulau Tulai dan Pulau Chebeh dan lebih kurang 75% daripada perairan di Pulau Tioman akan dipengaruhi oleh *sediment* tersebut.

Pulau Tioman ini terletak dalam satu kawasan yang memang antara pulau, antara taman laut yang tercantik di dunia dan sebahagian tempat apabila berlaku pergerakan *sediment* tersebut maka lebih kurang 80% taburan *coverage* ia akan terlibat ia akan musnah disebabkan oleh *sediment* yang berlaku. *Coral* ini untuk wujud..., lebih kurang sembilan kaki persegi tadi, sebesar meja makan, memakan masa antara 400 hingga 500 tahun. Jadi dengan adanya perancangan tersebut, dengan adanya letupan dan tebus guna tersebut, kemungkinan besar hidupan laut yang kita jaga, yang menjadi satu sumber pelancongan akan musnah.

Adakah kita hendak tunggu sampai 400 atau 500 tahun baru kita akan jumpa balik *coral-coral* yang besar tersebut? Jadi saya ingin bertanya kepada pihak kementerian, adakah perancangan ini akan diteruskan? Adakah kajian EIA yang dibuat tadi telah dibuat secara holistik ataupun hanya dalam bentuk mikro. Kalau kita hendak membuat sesuatu pembangunan dalam sesuatu tempat kita cuma buat kajian dalam tempat tersebut sahaja, tidak menyeluruh. Jadi saya mintalah dengan kerjasama menteri yang hadir pada sidang pada hari ini supaya memerhatikan balik. Kalau dapat, demi kehidupan laut, demi kehidupan masyarakat setempat, cuba-cubalah kalau dapat dihentikanlah.

Berkaitan juga dengan PERHILITAN dan juga berkaitan dengan Taman Laut ini biasanya kalau disebut *eco tourism*, biasanya kalau kita tengok melawat satu tempat yang kita tengok *eco* dan pelawatan. Apa salahnya kita tambahkan juga *eco-edu-tourism*. Selain daripada melawat kita tambahkan juga dalam segi pendidikan, dalam segi kita hendak menerangkan, kalau katakan melawat setempat itu kita hendak tengok hutannya macam mana, pokoknya macam mana, haiwannya macam mana.

Saya juga hendak beralih kepada masalah setempat. Masalah di Batu Pahat, Batu Pahat ini dulu dikenali sebagai bandar Penggaram, atau nama lainnya 'bandar yang tenggelam'. Memang sehingga hari ini masalah banjir di kawasan setempat masih lagi ada, jadi saya juga minta kerjasama pihak kementerian untuk membuat satu kajian yang menyeluruh, kajian yang holistik supaya masalah yang timbul masalah banjir di kawasan Penggaram ataupun Batu Pahat ini dapat diselesaikan dengan sebetul-betulnya selesai.

Begitu juga dengan masalah hakisan pantai yang daripada kawasan Parit Balak sehingga ke kawasan Pontian yang mana ada sesetengah tempatnya sudah empat kilometer tenggelam di dalam laut. Ini juga saya minta pihak kementerian untuk mengambil tindakan yang sewajarnya bagi memastikan kawasan-kawasan yang ada kebanyakannya dihuni oleh penduduk-penduduk kampung akan dapat diselamatkan.

Sekian, terima kasih.

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat bagi Bukit Bintang.

2.49 ptg.

Tuan Fong Kui Lun [Bukit Bintang]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Terima kasih kerana memberi saya peluang untuk menyertai membahaskan Jawatankuasa Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar. Butiran yang saya ingin sentuh di sini ialah Butiran 020100 - Pentadbiran Tanah - Peruntukan sebanyak RM7,130,700 dan juga Butiran 030300, Kadaster - Peruntukan sebanyak RM95,864,600.

Tuan Pengerusi, undang-undang mendapati selepas sijil kelayakan menduduki bangunan dikurangkan oleh pihak berkuasa tempatan. Para pembeli unit kediaman dan komersial menerusi pemaju-pemaju masing-masing hendaklah mengemukakan hak milik strata dengan Jabatan Tanah dan Galian Wilayah Persekutuan, Kuala Lumpur.

Masalah hak milik strata sudah semakin rumit kerana permohonan lama masih belum selesai, kini muncul unit-unit bertingkat baru menampakkan lagi bebanan dan tugas jabatan. Selain terpaksa berurusan dengan Jabatan Ukur Kerja, kerja menyediakan hak milik strata yang dibuat secara manual, sungguh membebankan kakitangan jabatan. Jika berlaku kesilapan dalam mengeluarkan sijil hak milik strata seperti keluasan sebenar terkurang atau terlebih, atau terkurang bayaran yang dikutip, ia memakan masa yang lama untuk dibetulkan. Sampai berbulan dan bertahun.

Tuan Pengerusi, oleh kerana Kuala Lumpur penuh dengan bangunan berbilang tingkat maka tidak dapat tidak, masalah menyediakan hak milik strata suara kelewatan adalah lumrah sejak kebelakangan ini. Bangunan bertingkat semakin banyak tetapi cara bekerja jabatan masih berubah, untuk mengetahui kedudukan sesuatu permohonan pun memakan masa yang lama.

Tuan Pengerusi saya ingin bertanya jumlah permohonan hak milik strata di Kuala Lumpur sepanjang tiga tahun lalu. Berapa yang sudah diselesaikan dan berapa yang masih tertunggak. Selagi hak milik strata tidak dikeluarkan oleh jabatan, maka selagi itu pemaju melakukan penganiayaan ke atas para pembeli. Contoh, bagaimana pemaju Rama Properties Sdn. Bhd. melanjutkan masa bertahun-tahun dalam permohonan dalam hak milik strata Kondominium Palm Court, Jalan Bahara, Kuala Lumpur sehingga terpaksa campur tangan kementerian, barulah pemaju melunaskan pembayaran hak milik. Masih banyak lagi premis kediaman dan komersial di sekitar Kuala Lumpur yang belum di keluarkan sijil hak milik strata. Contoh Kondominium Reshadow, Jalan Syed Putra Kiri, walaupun sijil kelayakan menduduki dikeluarkan pada tahun 1999, pada masa kini pemaju belum mengemukakan permohonan kepada hak milik strata untuk kondominium ini.

Saya ingin tanya apakah tindakan yang akan dilakukan terhadap pemaju-pemaju yang tidak bertanggungjawab kerana ramai pemilik kondo ini terpaksa menjual unit mereka dengan harga yang murah. Mereka beli pada masa itu tahun 1999 dengan harga yang RM200 lebih, pada masa kini harga RM100 lebih sahaja. Oleh sebab pemaju tidak bertanggungjawab, pada hari ini *strata title* belum masukkan permohonan. Inilah saya ingin berharap, kementerian mengambil tindakan terhadap pemaju yang tidak bertanggungjawab dan membebankan pembeli-pembeli ini.

Tuan Pengerusi, saya ingin merujuk kepada Butiran 09100 - Pembangunan Hutan Simpan Kekal Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur peruntukan sebanyak RM400 ribu. Ibu kota Kuala Lumpur bernasib baik kerana terdapat hutan simpan kekal Bukit Nanas di tengah-tengah pusat bandar raya. Hutan ini perlu dipelihara dengan apa cara sekalipun kerana ia merupakan satu warisan hutan negara di Kuala Lumpur. Maka peruntukan yang diberikan sebanyak RM400 ribu bagi tahun 2007 ini terlalu kecil. Hutan ini sesuai dikekalkan dan sesuai menjadi hutan pelancongan. Spesies baru pokok-pokok hutan dari kawasan lain di Malaysia hendaklah dipindah dan dibiarkan di situ sebagai satu tarikan pelancongan. Kemudahan berehat yang cukup hendak disediakan bagi kegunaan pelancong, maka peruntukan lebih dari RM400 ribu adalah memadai untuk pembangunan hutan simpan Bukit Nanas ini.

Projek pembangunan baru yang berhampiran dekat Bukit Nanas haruslah diberhentikan oleh kerana projek pembangunan besar-besaran ini akan menghancurkan hutan simpan kekal ini. Kuala Lumpur boleh menyatakan bandar raya yang tunggal, mengadakan hutan simpan kekal di pusat bandar. Di lain-lain ibu kota di dunia ini saya rasa hanya Kuala Lumpur ada hutan simpan di pusat bandar Kuala Lumpur.

Tuan Pengerusi, saya ingin merujuk kepada Butiran 16700 - Rancangan Tebatan Banjir (RTB) dan Saliran Bandar, peruntukkan RM700 juta.

Tuan Pengerusi, Projek SMART yang mengenakan kos sebanyak RM2,168 juta untuk mengelakkan banjir di Kuala Lumpur. Saya ingin tahu bilakah projek ini akan siap? Oleh kerana projek ini tidak di mula pada tahun 2003 Januari yang dijangka siap pada akhir tahun 2006. Akan tetapi, pada masa kini saya rasa sebab tanah ini hanya siap dengan 80% sahaja, ini akan menyebabkan banjir di Kuala Lumpur sering berlaku khususnya di kawasan saya dan ke kawasan Cheras dan Seputeh.

Kuala Lumpur sebagai satu bandar kelas pertama. Menjadi sebuah bandar kelas pertama saya rasa jika banjir sering berlaku di Kuala Lumpur, Kuala Lumpur akan menjadi satu bandar raya Venice seperti di Itali. Kita tidak mahu imej kerajaan khususnya Kuala Lumpur terjejas oleh kerana sering berlakunya banjir ini.

Saya harap kementerian boleh memberi tahu kepada Dewan yang mulia ini bahawa bilakah sebab tanah akan disiapkan dan berapa kos tambahan. Saya difahamkan bahawa pemaju yang pertama ini telah bertukar tangan. Berapakah kos yang akan bertambah atau berkurang. Saya ingin tahu kementerian boleh memberi penjelasan kepada Dewan yang mulia ini. Sekian, terima kasih.

Tuan Pengerusi: Ya, silakan Tangga Batu.

2.57 ptg.

Datuk Haji Idris bin Haji Haron [Tangga Batu]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya ingin terlibat sama dalam perbahasan ini. Butiran 06000 untuk Jabatan Alam Sekitar. Tuan Pengerusi, di Parlimen Tangga Batu kita mempunyai satu Petronas PRRII, Petronas refinery II dan I yang dikira terbesar di negara ini. Saya ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada pihak kementerian kerana pada tahun yang lepas timbalan menteri sendiri telah turun dalam bentuk pemantauan setelah aduan di buat oleh penduduk-penduduk di kawasan setempat. Di mana ada dua letupan yang begitu merisaukan, merunsingkan kami di kawasan Sungai Udang. Salah satu daripada Dewan Undangan Negeri dalam Parlimen dalam Tangga Batu.

Suka saya mengambil perhatian ini, untuk pihak kementerian supaya melihat bahawa baru-baru ini Tuan Pengerusi satu projek *co-generation* oleh pihak Petronas telah dibangunkan yang bakal menjana *electricity* sejumlah lebih kurang 60 megawatt. Saya pasti bahawa pencemaran yang bakal disebabkan oleh projek ini...

Tuan Pengerusi: Arang batu?

Datuk Haji Idris bin Haji Haron [Tangga Batu]: Tangga Batu Tuan Pengerusi

Tuan Pengerusi: Tak, menggunakan arang batu kah?

Datuk Haji Idris bin Haji Haron [Tangga Batu]: Menggunakan gas Tuan Pengerusi. Saya yakin pihak kementerian juga mempunyai saranan dan juga cadangan bagaimana projek ini boleh dilaksanakan di dalam kawasan pembangunan Petronas ini.

Saya sendiri telah melawat ke tempat pembinaan, saya lihat satu usaha pembinaan yang begitu besar yang tidak sampai maklumatnya kepada masyarakat setempat tetapi apabila kita memohon untuk melihat projek pembangunan tersebut barulah diizinkan dan diberikan taklimat. Apabila kita melihat taklimat, saya dapat lihat ada dua gas *turbine* yang bakal dipasang yang akan membantu operasi syarikat penapisan Petronas ini. Jadi saya harapkan bahawa pihak kementerian boleh hadir dan melihat sendiri sama ada pencemaran yang bakal disebabkan oleh projek *co-generation* ini akan memberikan kesan-kesan yang negatif...

Tuan Pengerusi: Apa itu *co-generation*?

Datuk Haji Idris bin Haji Haron [Tangga Batu]: Menjana dia cogent ni makna dia, projek bekalan sedia ada oleh Petronas yang diambil daripada Tenaga Nasional Berhad, kemudian Petronas juga menyediakan *independent power producer* nya sendiri.

Tuan Pengerusi: C.O?

Datuk Haji Idris bin Haji Haron [Tangga Batu]: Ya 'Co' – bersama.

Tuan Pengerusi: Menjana bersama-samalah?

Datuk Haji Idris bin Haji Haron [Tangga Batu]: Minta maaf Tuan Pengerusi, dengan izin Tuan Pengerusi. Itu bahasa teknikal sebenarnya. Jadi saya mohon kepada pihak kementerian supaya dapat menghantar pegawai dan melihat sama ada pencemaran asap-asap yang akan dikeluarkan nanti akan memberikan kualiti udara yang tidak baik kepada masyarakat-masyarakat setempat.

Yang kedua Tuan Pengerusi, yang akhir sekali iaitu tentang pengairan dan saliran. Saya ingin mengambil kesempatan ini juga untuk mengucapkan Butiran 08000 mengucapkan terima kasih kepada pihak kementerian kerana bersama-sama berusaha dengan pihak Kerajaan Negeri Melaka. Saya difahamkan Yang Berhormat Menteri turun sendiri bersama-sama dengan Ketua Menteri Melaka untuk melihat pembangunan sungai Melaka yang dalam hari ini dalam proses untuk menjadikan Melaka sebagai bandar *Venice of the East* tidak seperti yang di sebutkan oleh Bukit Bintang tadi. Ini betul-betul. Jajaran Sungai sepanjang...

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar [Larut]: Tangga Batu boleh minta penjelasan?

Datuk Haji Idris bin Haji Haron [Tangga Batu]: Sila Yang Berhormat.

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar [Larut]: Terima kasih Tangga Batu. Masalah pencemaran ini bukan baru. Boleh dikatakan sungai tercemar, kawasan kediaman tercemar. Oleh kerana industri-industri yang dinaikkan melanggar akta pencemaran. Jadi apakah Yang Berhormat bersetuju kalau kita cadangkan di sini, akta. Akta yang sekarang ini yang ada adalah yang membabitkan kementerian ini ialah akta yang membabitkan toksik yang dapatkan dulu kelulusan daripada Jabatan Alam Sekitar.

Akan tetapi yang bukan toksik, kalau tak silap saya hanya mendapat keizinan daripada mana-mana PBT. Sama ada Majlis Bandar Raya, kalau kawasan Bandar Raya, Majlis Perbandaran kalau kawasan Perbandaran atau Majlis Daerah. Kenapa tidak diseragamkan supaya lebih baik. Mana-mana kesalahan melibatkan akta pencemaran ini diseragamkan hanya di bawah Kementerian Alam Sekitar sahaja. Tak kira sama ada toksik atau bukan toksik.

Adakah Yang Berhormat bersetuju supaya perkara ini kita segerakan kerana akta yang ada sudah agak begitu dengan izin, *backward* - ha ini baru betul *backward*. Bukan macam Ketua Setiausaha Negara memberi pandangan seolah-olah bila kita suruh buka kaunter bekerja pada hari Sabtu, pandangan yang *backward*. Saya tak fahamlah Tuan Pengerusi. Kita memberi cadangan supaya sesetengah kaunter ini memberi perkhidmatan yang terbaik, bukan semua. Disalahertikan menganggapkan bahawa kita memberikan pandangan yang ke belakang, terbelakang. Sedangkan kita tahu bahawa setengah kaunter sewaktu makan tengah hari di buka masa saya cakap dulu di Lembaga Pelesenan. Hari ini dia orang buat kerja perkhidmatan sampai tengah hari, tak ada masalah.

Jadi adakah Yang Berhormat bersetuju supaya alam sekitar ini, masalah pencemaran ini diseragamkan sama ada sisa toksik atau bukan toksik industri juga biarlah dirujuk kepada Alam Sekitar untuk diluluskan. Bukan hanya tergantung kepada sesuatu industri, kepada alam sekitar, kepada PBT. Jadi kalau boleh akta ini diseragamkan barulah menampakkan seriusnya kita, kesungguhan kerajaan dalam memerangi masalah pencemaran. Apa pandangan Yang Berhormat? Terima kasih.

Datuk Haji Idris bin Haji Haron [Tangga Batu]: Terima kasih Tuan Pengerusi dan saya amat bersetuju dan saya pohon supaya akta 171 dilihat secara, Kerajaan Tempatan dilihat secara terperinci dan bolehlah digubal dan dibawa sehingga ke peringkat Mesyuarat Majlis penuh pihak berkuasa tempatan supaya dapat keseragaman di antara kementerian-kementerian, jabatan-jabatan yang bertindak sebagai penguat kuasa di peringkat hiliran di peringkat akar umbi ini, supaya setiap undang-undang yang dikuatkuasakan oleh suatu kementerian itu dapat dihayati dan dihargai oleh pihak berkuasa tempatan. Saya bersetuju sangat Datuk.

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar [Larut]: Saya sambung sikit, mungkin kalau boleh saya tambah di sini penjelasan daripada Tangga Batu. Kalau tidak dia main macam masing-masing. Kata ini bukan bawah bidang kuasanya. Dia kata ini bawah 'Kementerian Alam Sekitar'. Alam Sekitar pula kata ini bidang kuasa PBT. Macam berlaku antara JKR dengan JPS. Sungai-sungai ada yang kita nampak milik JPS, tapi bila kita buat aduan ia milik JKR. Ini akan berlaku, menimbulkan masalah dan kesulitan dalam kita nak menyelesaikan masalah. Jadi apakah Yang Berhormat bagi Tangga Batu juga melihat tentang perkara ini begitu penting untuk kita laksanakan.

Datuk Haji Idris bin Haji Haron [Tangga Batu]: Saya melihat perkara yang sama Tuan Pengerusi. Oleh kerana Perdana Menteri kita menasihatkan supaya kita mempunyai *collective responsibility, collective accountability*, tanggungjawab bersama. Jadi saya harapkan supaya pihak pelaksana dasar-dasar kerajaan ini di peringkat PBT dan jabatan-jabatan, jangan bekerja dalam ruang lingkup masing-masing. Cari ruang di mana kita boleh melaksanakan dasar-dasar kerajaan ini supaya dapat dinikmati oleh rakyat.

Di sungai Melaka Tuan Pengerusi, dah nampak satu hari Melaka benar-benar akan menjadi *Venice of the East*. Jadi saya yakin sumbangan yang telah diberikan oleh pihak kementerian ini akan dapat terus kita hargai dan kita laksanakan di peringkat Kerajaan Negeri Melaka.

Cuma satu yang saya nak mintak daripada pihak kementerian supaya memberikan perhatian kepada biawak atau iguana. Saya ingat Yang Amat Berhormat Menteri masa naik sungai Melaka itu kalau Tuan Pengerusi lalu di sungai Melaka, tak kurang daripada 300 ekor biawak-biawak ini yang memang habitatnya di kawasan itu. Dan ini boleh juga dijadikan sebagai satu *tourist product*...

Tuan Pengerusi: Tarikan.

Datuk Haji Idris bin Haji Haron [Tangga Batu]: Tarikan pelancong. Dan saya nampak kalau katakan kerja-kerja penambahbaikan Sungai Melaka ini mungkin dengan bahan kimianya dan sebagainya boleh menjejaskan habitat ini. Jadi ini saya meminta pihak Jabatan Alam Sekitar boleh memberikan rekemendasi ataupun cadangan kepada pihak kontraktor yang sedang menaik taraf Sungai Melaka.

Tuan Pengerusi: Apa dia makan ya?

Datuk Haji Idris bin Haji Haron [Tangga Batu]: Dia makan telur ayam dan barang-barang buangan daripada dapur tetapi hari ini barang-barang dah tak boleh dibuang di bahagian belakang lagi. Kena buang di depan supaya dapat diuruskan oleh pihak PBT. Terima kasih.

Tuan Pengerusi: Ya, Lipis.

3.07 ptg.

Tuan Mohamad Shahrudin bin Osman [Lipis]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya mengambil bahagian untuk membahaskan maksud B.23 ini. Yang pertamanya saya nak menyentuh Butiran 120400 - Mineral dan Geosains.

Tuan Pengerusi, di kawasan sayalah di Lipis ini banyak lombong. Lombong emas dan lombong bijih besi. Jadi apa yang saya dapati sekarang kebanyakan sungai di kawasan saya itu telah keruh dan walaupun ada lombong-lombong di sana tu telah diberi hak untuk melombong dan sebagainya tetapi saya percaya ada juga kegiatan pelombong-pelombong haram yang berlaku. Jadi, pada suatu masa ada penduduk di kampung yang menerangkan pada saya apabila mereka mandi di sungai, mereka terasa badan mereka gatal-gatal dan sebagainya. Jadi ada yang menyiasat, mereka kata ada yang membuang kumbahan dalam sungai. Jadi itu yang pertamanya.

Yang keduanya memang ikan sekarang ni pun dah tak berapa ada. Baru ni saya buat pertandingan memancing di sungai, ikan yang paling besar didapati oleh pemancing lebih kurang 4 inci panjangnya. Jadi dah habis dan pupus, rasa saya kesan dari segi mungkin keracunan dan sebagainya di sungai-sungai.

Jadi, saya mintaklah pihak Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar pergi menyiasat perkara ini, tengok betul-betul. Jangan dengar cakap-cakap orang saja, pergi melawat sekejap kemudian kata semuanya okey. Sebenarnya tak okey.

Yang kedua rasa saya oleh sebab di kawasan itu banyak kegiatan yang melibatkan alam sekitar, ini di bawah Butiran 06000, saya rasa penguat kuasa Alam Sekitar patut ditempatkan sepenuh masa di kawasan parlimen saya, jadi ini untuk memudahkan mereka memantau terus kegiatan-kegiatan yang melibatkan alam sekitar ini berlaku, ini termasuklah penebangan hutan yang tidak terkawal. begitu juga dengan kegiatan perlombongan.

Yang keduanya saya hendak sentuh Butiran 120700 – Jabatan Perlindungan Hidupan Liar dan Taman Negara. Jadi oleh kerana penebangan hutan ini, Tuan Pengerusi, yang tidak terkawal dan sebagainya dan juga kesannya ialah gajah sudah tidak ada tempat lagi dalam hutan. Gajah sudah tidak boleh hendak mencari makan. Jadi sekarang ini gajah sudah keluar mencari makan di kawasan kampung.

Jadi baru-baru ini di sebuah kampung, Kampung Merapoh dalam Parlimen saya, rumah guru di sekolah menengah itu gajah sudah masuk ke dapur mengambil makan. Jadi ini menimbulkan ketakutan kepada penduduk. Begitu juga di tempat-tempat lain. Jadi apabila kita melapor kepada PERHILITAN, mereka ini katanya buat menghalau sahaja, tembak halau. Selepas halau, dia datang balik. Jadi saya mintalah pihak Jabatan Perlindungan Hidupan Liar dan Taman Negara untuk ini.

Yang keduanya mengenai Taman Negara, memandangkan Merapoh itu juga adalah pintu masuk Taman Negara ke Gunung Tahan dan saya difahamkan banyak pelancong yang hendak mendaki Gunung Tahan kerana kalau hendak berehat pergi ke Taman Negara di sebelah Parlimen Jerantut tetapi kalau hendak mendaki Gunung Tahan, yang paling dekat ialah di Taman Negara pintu masuknya di kawasan Parlimen Lipis.

Jadi saya minta diperbaiki atau di naik taraf kemudahan-kemudahan yang ada kerana kawasan itu....

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar [Larut]: Yang Berhormat bagi Lipis, minta pandangan sedikit.

Tuan Mohamad Shahrum bin Osman [Lipis]: Ha, ya sila.

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar [Larut]: Saya ingat, Yang Berhormat bagi Lipis, kita cadang sedikit, Yang Berhormat, menteri ada di sini.

Pertama, masalah PERHILITAN ini, dahulu dipanggil Mergastua. Janganlah gajah sudah makan, manusia sudah makan, sudah dimamah manusia mati harimau makan baru hendak buat pemantauan. Begitu juga masalah banjir. Saya agak Yang Berhormat Menteri cari jalan bagaimana kita tahu kawasan itu hendak banjir akibat daripada pencemaran sungai dan sebagainya, ambil tindakan segera. Begitu juga kalau dia tahu kawasan Yang Berhormat, Lipis banyak gajah katakana atau harimau dan sebagainya, buat pemantauan. Ini sudah mati baru hendak buat pemantauan tidak guna. Adakah Yang Berhormat setuju supaya kementerian guna kaedah yang terbaik dalam cara yang ada yang sekarang, tsunami pun kita sudah buat satu kaedah baru...

Seorang Ahli: GIS

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar [Larut]: Ha, GIS dan saya minta Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar..., kita pun tahulah menteri sekarang pun sudah agak canggih ke depan, mungkin dapat ilham yang baru dalam menangani masalah ini. Tidak ada makna kalau binatang yang buas mamah manusia yang menjadi mangsa, Tuan Pengerusi, dan berlaku bencana Sungai Gombak di mana kematian berlaku, tidak ada makna. Buat pemantauan, kita tahu pencemaran disebabkan sungai berlaku banjir. Kita buat pemantauan lebih awal. Apa pandangan Yang Berhormat bagi Lipis?

Tuan Mohamad Shahrum bin Osman [Lipis]: Tuan Pengerusi, saya memang bersetujulah tindakan proaktif itu kerana walaupun tempat saya belum ada lagi yang mati dimakan oleh harimau tetapi ada juga penoreh-penoreh getah ini yang memang sudah diusik oleh harimau ini, yang luka dan sebagainya tetapi mungkin tidak dihebohkan dalam akhbar. Dia buat dalaman. Jadi kita mintalah pihak ini.

Selain daripada PERHILITAN itu, yang Taman Negara ini kerana rasa saya sekarang ini tarafnya setakat hostel sahaja. Jadi kita minta kalau dapat di naik taraf, ada tempat-tempat penginapan yang baik dan juga ada restoran yang baik yang boleh menarik pelancong kerana saya difahamkan oleh yang menjaga itu, dia kata memang ramai yang datang, ada dekat 10,000 bilangannya, saya pun tidak pastilah apa dia cakap. Dia kata sudah lebih 10,000 yang naik melalui situ. Jadi yang seterusnya ialah dari segi perancangan dasar dan sebagainya, rasa saya satu akta yang meliputi keseluruhan dari segi alam sekitar dan ini perlulah rasa saya digubal semula.

Ini untuk memastikan bahawa sekarang ini kepekaan orang terhadap alam sekitar ini memang tinggi. Apa sahaja, macam di kawasan Parlimen itu apa sahaja yang berkait dengan persekitaran ini memang akan dimaklumkan, diberitahu. Jadi kita minta pihak kementerian supaya melihat dan meneliti akta-akta yang ada dan kalau boleh, buat pindaan dan sebagainya. Sekian, terima kasih Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat bagi Gombak.

3.14 ptg.

Datuk Dr. Rahman bin Ismail [Gombak]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya mohon izin untuk berbahas dalam Butiran 06000 – Jabatan Alam Sekitar iaitu 060100 – Pentadbiran dan Pengurusan Am.

Tuan Pengerusi, kita tahu bahawa banyak kita perkatakan kepentingan menjaga alam sekitar dan kita tahu bahawa masyarakat sekarang semakin lama semakin peka soal yang berkaitan dengan kehijauan, masyarakat semakin lama semakin peka berkenaan dengan sungai yang tercemar dan masyarakat semakin lama semakin peka berkenaan dengan pembakaran yang terbuka tetapi malangnya kita lihat pemantauan. Saya lihat contohnya di peringkat daerah ataupun di peringkat Parlimen.

Di peringkat daerah, contohnya daerah Gombak, kita tidak ada seorang pun pegawai alam sekitar ataupun kakitangan alam sekitar. Jadi saya harap pihak kementerian memberikan perhatian yang serius tentang perkara ini. Kalau pun tidak semua daerah di Malaysia ini diletakkan pegawai alam sekitar tetapi mungkin dibuat secara selektif, terutama di daerah-daerah atau di kawasan-kawasan yang mana mengalami proses perbandaran yang hebat ataupun di kawasan-kawasan yang mana banyak berlaku pembangunan dan yang ramai penduduk tinggal di kawasan tersebut.

Tugas pegawai alam sekitar ini bukan sahaja dalam bentuk membuat kerja-kerja penguatkuasaan tetapi juga kepada saya penting di dalam membuat kerja-kerja seperti promosi alam sekitar dengan berbincang dengan masyarakat, berbincang dengan ketua-ketua masyarakat supaya alam sekitar ini dapat dijaga dalam bentuk pencegahan, *preventive*. Bukan sahaja dilihat dalam bentuk penguatkuasaan sahaja. Saya juga berharap dalam soal penjagaan alam sekitar ini, bukan sahaja pegawai ataupun kakitangan kerajaan sahaja yang boleh menjalankan tugas ini.

Saya harap diberikan sedikit peruntukan sama ada kepada Ahli Parlimen ataupun kepada wakil-wakil rakyat supaya dapat menolong Jabatan Alam Sekitar, sama-sama dalam mempromosi atau memberi keterangan kepada masyarakat, pemimpin-pemimpin masyarakat, soal-soal yang berkaitan dengan alam sekitar dan perkara-perkara yang penting berkenaan alam sekitar seperti mana yang saya sebutkan tadi kerana kalau kita hendak mengharapkan sahaja pegawai atau kakitangan daripada jabatan dari masa ke semasa kita akan dengar bahawa tidak ada cukup kakitangan, susah hendak mengambil kakitangan, kakitangan yang sentiasa terhad, bilangan penguat kuasa yang tidak cukup dan sebagainya.

Jadi perkara ini akan diulang-ulang. Mengapa tidak kita buat pendekatan baru dengan melibatkan pemimpin masyarakat, wakil rakyat dan juga masyarakat keseluruhan dan juga melalui aktiviti-aktiviti *preventive* ataupun pencegahan.

Perkara kedua yang saya ingin terlibat dalam perbahasa ini ialah 080100 berkaitan dengan pengairan dan saliran. Yang Berhormat Tuan Pengerusi, saya daripada Parlimen Gombak dan di Parlimen Gombak ini banyak lagi kawasan yang *flood prone*, yang selalu berlaku banjir. Setiap kali hujan lebat, Tuan Pengerusi, saya akan rasa berdebar tetapi saya pasti saya tidak ada sakit jantung. Saya berasa *anxious*. Saya punya degupan jantung saya semakin lama semakin laju oleh kerana pasti malam itu tiga, empat kawasan sekurang-kurangnya di Parlimen Gombak yang akan mengalami banjir.

Saya boleh namakan, satu kawasan di Batu Caves iaitu Kampung Sungai Tua Baru sebagai contoh. Tempat ini tentu akan mengalami banjir berulang-ulang. Hujan sedikit pun akan banjir.

Yang kedua, di kawasan Greenwood, di kawasan Gombak Setia, di kawasan Sungai Busu..., baru-baru ini keluar dalam surat khabar sehinggakan penduduk-penduduk kampung di situ walaupun jauhnya tidak sampai 10 minit daripada KLCC terpaksa bersampan untuk ke destinasi tempat mereka.

Beberapa kampung lagi seperti di Ulu Klang, sentiasa mengalami banjir lumpur. Malangnya kita tahu bahawa memang ada pihak majlis perbandaran memantau dan pihak pengairan dan saliran juga memantau perkara ini tetapi tidak ada koordinasi yang baik. Yang keduanya ialah oleh kerana Gombak ini bersempadan dengan Kuala Lumpur, koordinasi di antara Jabatan Alam Sekitar Gombak dan Kuala Lumpur pun juga tidak baik. Masing-masing tuduh menuduh, ini tugas Jabatan Alam Sekitar Kuala Lumpur, ini tugas Jabatan Alam Sekitar yang terletak di Gombak, usah hendak kata koordinasi dengan jabatan-jabatan lain, sama-sama jabatan, duduk dalam negeri yang berasingan juga tidak boleh dijalankan dengan sempurna.

Yang mangsanya adalah rakyat. Yang mangsanya ialah mereka di bawah. Satu lagi yang saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat Menteri ialah satu projek yang sungguh besar yang dibuat di Kampung Changkat. Saya percaya Yang Berhormat Menteri pun tahu. Projek ini sudah berlangsung begitu lama, salah satu projek ini bertujuan ialah untuk mengurangkan keadaan banjir di Wilayah Persekutuan dan di setengah-setengah kawasan di Gombak.

Projek ini telah melukakan banyak hati orang kampung yang berjalan begitu lama. Kontraktor yang membuat kerja-kerja tersebut tidak menghormati, misal kata mereka harus bekerja sewaktu 7 pagi sampai 7 malam, kadang-kadang tengah malam pun masih bekerja. Sehingga sekarang oleh kerana projek itu dibuat dengan tidak berhemah, banyak rumah-rumah orang kampung yang berdekatan itu runtuh oleh kerana tanah itu runtuh oleh kerana kenderaan berat yang lalu dan juga projek pembesaran tersebut.

Saya harap ada pemantauan. Ini juga tidak ada koordinasi. Sudah beberapa kali saya memanggil mesyuarat di antara Jabatan Pengairan dan Saliran di Daerah Gombak dan juga daripada Wilayah Persekutuan bermesyuarat dan akhirnya sampai kepada satu keadaan tuduh menuduh di antara satu sama lain.

Saya harap juga Yang Berhormat Menteri memberi perhatian kepada perkara ini dan saya khuatir ini boleh perkara ini kalau tidak diselesaikan boleh menjadi keresahan rakyat. Sekian sahaja Tuan Pengerusi.

3.21 ptg.

Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya ingin merujuk juga perairan dan saliran mengenai projek tebatan banjir dan Butiran 148000 – Projek Penggantian Peralatan Pam, 14900 – 15000 – semua mengenai banjir.

Saya ingin menarik perhatian Yang Berhormat Menteri kepada Sungai Juru. Sungai Juru walaupun bukan di dalam Bukit Mertajam. Ia di dalam kawasan Batu Kawan. Tetapi keketekannya kerana dia mengakibatkan masalah banjir di kawasan Bukit Mertajam.

Saya difahamkan bahawa pada dua atau tiga tahun yang lalu memang rancangan untuk mendalamkan atau mengorek sungai ini khasnya dekat kuala Sungai Juru tetapi tidak dilaksanakan, dan oleh sebab itu ia telah menjadi masalah banjir di kawasan Bukit Mertajam semakin serius. Saya ingin merayu kepada Yang Berhormat Menteri supaya bukan sahaja membersihkan Sungai Juru ini tetapi juga mendalamkan supaya dia juga terus menyelesaikan masalah banjir di kawasan Batu Kawan dan juga Bukit Mertajam

Ada satu pintu kawalan banjir di Kampung Tok Keramat. Dia juga di kawasan Batu Kawan, tetapi dia juga terlibat masalah banjir di Bukit Mertajam. Pintu ini telah dibina tiga tahun yang lalu dengan harga RM1.5 juta, tetapi baru-baru ini apabila kita sibuk hendak merayakan Deepavali dan juga Hari Raya, banjir berlaku di Kampung Tok Keramat dan juga di kawasan Bukit Mertajam iaitu di taman saya sendiri. Ramai yang mengadu bagaimana hendak merayakan Deepa-Raya kerana selalu banjir. Seperti di Gombak juga, malah di Bukit Mertajam di sesetengah tempat seperti Taman Sri Rampai, Taman Mangkuk, Taman Desa Damai, tempat-tempat seperti ini apabila hujan sahaja dia akan banjir. Saya harap, kita Barisan Nasional ini dalam pembinaan pembangunan.

Kerajaan Barisan Nasional, kalau membina KLIA dia sangat pandai. Putrajaya dia pun sangat mampu, boleh, tetapi untuk menyelesaikan masalah banjir ini, saya harap dia juga mampu juga, tetapi nampaknya semakin banyak tempat dilanda masalah banjir; bukan sahaja di Kelantan, Terengganu dan juga di sebelah sini juga dahulu dia *East Coast* sekarang *West Coast* pun juga dilanda banjir.

Dahulu di kampung, di dekat sungai, sekarang di bandar-bandar pun berlaku banjir seperti di Shah Alam, Kuala Lumpur. Saya rasa ini tidak tahulah adakah ini rancangan kerajaan tempatan, kesilapan kerajaan tempatan, Kementerian Perumahan Dan Kerajaan Tempatan ataupun dia juga terlibat juga dengan kementerian ini khasnya JPS.

Saya rasa kedua-dua kementerian ini perlu bekerjasama supaya berkhidmat kepada rakyat jangan berlaku banjir lagi. Pada bila-bila masa bukan khasnya jangan berlaku banjir apabila Hari Raya Puasa, Deepavali ataupun Tahun Baru Cina kerana ini akan sangat susahkan rakyat.

Di pintu yang saya katakan tadi, pintu kawalan banjir itu berharga RM1.5 juta. Dia hanya berfungsi tiga tahun dan sudah satu tahun, dua daripada tiga pintunya tidak berfungsi kerana pamnya, motornya sudah rosak tetapi hairan dan aneh saya rasa mengapa tidak diperbaiki sehingga satu tahun. Selepas banjir barulah orang kampung buat bising barulah dia kata dia akan *repair* dan di situ ada seorang penjaga yang duduk di sana dibekalkan dengan perumahan. Rumah ada di situ, saya aneh mengapa ini boleh berlaku. Dia duduk di sana dia tahu ini sudah rosak mengapa dia tidak mengambil untuk memperbaikinya.

Saya harap yang sudah ada *facility* seperti ini ada pintu kawalan, *make sure*lah, pastikan dia berfungsi. Jangan apabila banjir baru tahu dia tidak berfungsi. Begitu juga, di situ juga dia kata apabila membina pintu kawalan itu ada satu pam juga tetapi pam itu tidak tahu mana pergi. Dia kata dia dipindahkan untuk *repair* tetapi tidak dikembalikan. Pam itu tidak tahu pergi ke mana. Saya harap Yang Berhormat Menteri boleh memberi perhatian supaya kalau pam itu telah dibina, jangan dia hilang. Ini kerana dikatakan satu pam dia boleh belanja RM60 ribu ataupun lebih.

Saya ingin tahu di sini dia kata butiran rancangan dan isyarat bahaya banjir. Saya ingin tahu sama ada JPS ada bekerjasama dengan Kementerian Penerangan khasnya RTM kerana baru-baru ini *the weather forecast* telah memberitahu bahawa pada bulan ini atau semasa dekat Hari Raya Puasa dia akan ada hujan lebat dan mungkin mengakibatkan banjir.

Akan tetapi saya rasa ini tidak diambil serius oleh jabatan-jabatan yang berkenaan seperti JPS kerana JPS tidak mengambil tindakan supaya memastikan semua pam adalah berfungsi. Dan saya juga ingin tahu siapakah yang menjaga pam ini, adakah dia dijaga oleh pegawai ataupun kakitangan kementerian sendiri ataupun dia diswastakan dan saya rasa kementerian ini boleh bekerjasama dengan RTM supaya memberitahu maklumat bilakah dia akan berlaku hujan lebat di kawasan-kawasan yang mana yang mungkin dilanda banjir, supaya penduduk-penduduk di sekitar kawasan itu boleh bersedia dan juga JPS boleh juga bersedia memastikan bahawa semua usaha yang boleh dilakukan oleh manusia dilaksanakan.

Selepas semua usaha yang boleh dilakukan oleh manusia telah dilakukan jadi kita boleh mengatakan kalau itu banjir itu adalah takdir. Janganlah yang boleh dilakukan oleh kita, tidak dilakukan tetapi kita katakan itu adalah takdir. Itu kita salahkan Tuhan. Saya rasa itu adalah tanggungjawab kita semua, khasnya JPS supaya menunjukkan bahawa Barisan Nasional boleh membina bangunan yang besar, ia boleh menjalankan projek yang besar, ia juga boleh menyelesaikan masalah banjir yang tidak begitu besar. Sekian, terima kasih.

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat bagi Kuala Selangor.

3.31 ptg.

Tuan Mohd. Daud bin Tarihep [Kuala Selangor]: Terima kasih, Tuan Pengerusi. Saya ingin menyentuh beberapa butiran. Yang pertama 020000 – Pengurusan dan Perundangan Tanah.

Hari ini Pejabat Tanah dan Daerah Kuala Selangor menghadapi masalah kekurangan pegawai. Daripada enam jawatan tinggal dua akibat daripada pertukaran pegawai dan pegawai berpenecen serta naik pangkat. Ketua Penolong Pegawai Daerah Tanah naik pangkat menjadi Pegawai Daerah dan berkursus, tinggal seorang Penolong Pegawai Daerah Pembangunan.

Kalau ini tidak ditangani dengan cepat, dikhuatiri menjejaskan urusan pentadbiran tanah, khususnya pentadbiran daerah keselamatan dan juga pembangunan. Saya berharap kepada pihak kementerian, khususnya kepada JPA yang mendengar rayuan saya supaya dapat disegerakan penempatan pegawai-pegawai ganti ke Pejabat Daerah dan Tanah Kuala Selangor.

Yang kedua, Tuan Pengerusi, Butiran 050000 – Perhutanan. Hutan di Pantai Remis, Sungai Sembilang di ceroboh dengan pembinaan sebuah kuil haram yang membuang abu mayat ketika mengadakan sesuatu perayaan yang menjejaskan alam sekitar laut Selat Melaka dan juga pendapatan nelayan pantai. Saya berharap Jabatan Perhutanan dan juga kerajaan negeri dapat bertindak pantas untuk mengatasi bukan sahaja hutan ini daripada di ceroboh dan tindakan sewajarnya ke atas kuil yang berkenaan dapat dilakukan.

[Timbalan Yang di-Pertua (Datuk Lim Si Cheng) **mempengerusikan Jawatankuasa**]

Di samping itu, dengan pembangunan perusahaan ternak air, hutan di pesisir pantai Selat Melaka di Kuala Selangor juga telah di ceroboh, yang meninggalkan *buffer zone*, dengan izin, atau zon penampan yang begitu nipis, yang boleh menyebabkan kalau ditakdirkan berlaku tsunami, habis mati penduduk di sepanjang pantai yang berkenaan. Oleh itu, saya berharap Jabatan Perhutanan dapat mempergiatkan usaha menanam pokok bakau seperti yang disarankan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri.

Butiran ketiga, Tuan Pengerusi, 060000 – Jabatan Alam Sekitar. Kita lihat kebelakangan ini jabatan menghadapi masalah kekurangan pegawai dan kakitangan, terutama yang berpengalaman dan berkemahiran. Akibatnya, beberapa isu pencemaran alam sekitar, khususnya di Kuala Selangor tidak dapat ditangani dengan segera dan berkesan.

Umpamanya isu bau busuk akibat daripada kemasukan sampah-sampah di Pusat Pelupusan Sampah Kubang Badak, Batang Berjantai, yang hari ini penduduk di sekitar pekan Batang Berjantai sentiasa merungut dan pernah media elektronik membuat liputan dan tunjuk perasaan juga pernah diadakan untuk memastikan pusat ini ditutup segera. Saya difahamkan tapak gantinya di Jeram estet telah dikenal pasti. Saya hendak tahu apakah keputusan kajian EIA yang dijalankan oleh Jabatan Alam Sekitar. Sama ada kawasan ini sesuai untuk pusat pelupusan sampah? Sama ada secara *sanitary landfill* ataupun *incinerator*?

Di samping itu, saya juga ingin membangkitkan soal jerebu yang sering melanda negara kita, yang mana selalu Kuala Selangor juga menerima akibat buruk yang menjejaskan kesihatan penduduk setempat. Saya ingin mencadangkan kepada kementerian supaya kita bersikap lebih tegas, kita marah sikit kepada negara jiran kita, Indonesia, berdasarkan perjanjian-perjanjian yang telah dimeterai selama ini, agar mereka lebih serius mengatasi masalah pembakaran terbuka.

Saya menyarankan kepada kementerian supaya berbincang dengan Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi dan mungkin dapat membawa ke mesyuarat Asian agar diwujudkan suatu sistem amaran awal atau mencipta alat pengesan kebakaran di peringkat awal. Kalau tsunami, kita dapat mengadakan satu alat pengesan, mengapa tidak jerebu agar kebakaran di peringkat awal ini dapat dibendung cepat daripada ia terus merebak dan memburukkan lagi keadaan.

Satu lagi, Tuan Pengerusi, oleh kerana Kuala Selangor menghadapi banyak isu pencemaran dan saya difahamkan kementerian, Jabatan Alam Sekitar negeri menubuhkan cawangan JAS di Sungai Besar yang isu alam sekitarnya sangat kurang. Saya mencadangkan supaya pejabat cawangan ini dipindahkan ke Kuala Selangor.

Tuan Pengerusi, butiran berikutnya 070000 – PERHILITAN. Dua, tiga hari yang lepas saya membangkitkan isu pembangunan sektor pertanian di Kuala Selangor yang terjejas akibat daripada kacau ganggu makhluk perosak seperti babi hutan, lotong dan sebagainya. Saya difahamkan ada sebuah pejabat cawangan di Sabak Bernam, yang mana masalah yang sama juga dihadapi oleh kedua-dua daerah.

Saya mencadangkan supaya satu mekanisme yang berkesan diambil selain daripada menembak binatang yang berkenaan ataupun memerangkap, ataupun melakukan pengasian. Mengkasi lotong yang semakin membiak dan yang lebih penting kemungkinan memasang arus atau wayar elektrik bagi membunuh binatang yang berkenaan. Kalau difikirkan sesuai eloklah dilaksanakan secepat mungkin agar petani tidak menghadapi masalah yang serupa saban tahun.

Yang akhir, Tuan Pengerusi, Butiran 080000 – yang melibatkan Pengairan dan juga...

Dato' Haji Mat Yasir bin Haji Ikhsan [Sabak Bernam]: [Bangun]

Tuan Mohd. Daud bin Tarihep [Kuala Selangor]: Yang Berhormat bagi Sabak Bernam hendak bangun. Silakan.

Dato' Haji Mat Yasir bin Haji Ikhsan [Sabak Bernam]: Terima kasih Yang Berhormat bagi Kuala Selangor, terima kasih Tuan Pengerusi. Apabila disebut makhluk perosak tadi, sebenarnya Sabak Bernam sudah mengalami masalah ini lebih lapan tahun. Saya ingat tahun 1999, kes ini, iaitu mengenai masalah babi hutan yang sudah tidak ada hutannya, sebab kawasan 1800 ekar itu, hutan itu sekarang ini sudah menjadi kawasan pembangunan. Jadi, babi sekarang berkeliaran di kampung-kampung, Yang Berhormat Menteri dan memang mengganggu dan merosakkan tanaman kampung-kampung sehingga ia menjejaskan semangat orang-orang kampung untuk bertani.

Jadi, kalau hendak dituntut ini sangat banyak tetapi saya hendak khusus kepada apa yang disarankan oleh Kuala Selangor supaya satu tindakan yang khusus diberikan. Saya telah menyatakan bahawa di Sabak Bernam ada tidak kurang daripada 50,000 ekor babi hutan ini yang berkeliaran. Ada orang bertanya saya, macam mana boleh dapat 50,000 ekor. Saya ingat itu soalan yang subjektif, ia boleh lebih daripada itu, Tuan Pengerusi, sebab babi ini kalau beranak ia 10 ataupun 8 begitulah.

Jadi, kalau didarab begitu banyak tetapi yang penting sekali sebenarnya negeri Selangor suatu masa telah pun memperuntukkan sebanyak RM100,000 untuk menembak...

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Tidak payah berucap, Yang Berhormat.

Dato' Haji Mat Yasir bin Haji Ikhsan [Sabak Bernam]: Terima kasih. Sikit saja. Apa pandangan Yang Berhormat bagi Kuala Selangor bolehkah bagi menyelesaikan masalah babi hutan ini khususnya, strategi yang dibuat oleh Langkawi suatu masa dulu yang penuh dengan babi itu sebenarnya dilaksanakan di mana penembak, pemburu kemudian di depannya dipasang jaring lebih kurang satu ke dua kilometer, kemudian babi yang dikejar itu dia ke arah 'membunjut' dan selepas itu bukan beratus, beribu mati.

Jadi, strategi ini harus dilaksanakan pada pandangan saya oleh kementerian ini supaya masalah ini dapat diatasi segera. Apa pandangan Yang Berhormat? Terima kasih.

Tuan Mohd. Daud bin Tarihep [Kuala Selangor]: Terima kasih, Yang Berhormat bagi Sabak Bernam. Saya bersetuju kalau langkah ini berkesan dan patut dilaksanakan segera oleh kementerian melalui Jabatan Perhilitan.

Tuan Pengerusi, yang akhir, Butiran 080000 - Pengairan dan Saliran. Dua hari lepas juga saya membangkitkan isu sistem pengairan yang perlu dirombak semula melakukan proses *re-engineering* kerana kedapatan sesetengah tempat kekeringan air yang menjejaskan pertumbuhan pertanian dan juga sesetengah tempat mengakibatkan banjir. Saya harap perkara ini dapat dikaji dan dilakukan langkah-langkah drastik untuk mengatasi masalah ini agar Projek Barat Laut Selangor terus maju dan membangun.

Saya hendak menyentuh soal hakisan pantai di Pantai Remis, Sungai Sembilang. Kos yang dicadangkan oleh JPS daerah sebanyak RM14 juta dan saya tengok dalam Butiran 15100 peruntukannya begitu terhad dan saya harap peruntukan ini dapat ditambah. Begitu juga dengan hakisan pantai yang berlaku bukan sahaja di Sungai Sembilang, tetapi juga di Pantai Jeram yang merupakan hari ini tanah-tanah hak milik pekebun kecil telah hanyut ke laut akibat daripada hakisan yang tidak dibendung dengan cepat dan kesannya pembangunan pelancongan di Pantai Remis Sungai Sembilang dan Pantai Jeram tidak dapat dilaksanakan secara berkesan.

Begitu juga dengan cadangan untuk membina benteng pantai di Kampung Tambak Jawa yang memakan kos sebanyak RM8.7 juta, yang mana kawasan ini mengalami banjir dan ia merupakan kawasan perkebunan baru dan juga penempatan pekebun-pekebun kecil di situ.

Mengorek kuala sungai Sungai Sembilang, peruntukan yang dicadangkan sebanyak RM50 juta, tetapi peruntukan yang ada dalam Butiran 15300 amat terhad dan saya harap peruntukan yang secukupnya dapat dibawa ke Kuala Selangor khususnya bagi projek-projek yang saya sebutkan tadi agar masalah kuala sungai sebu, air tidak dapat ke laut, kesan pasang surut air masuk balik ke daratan dan menyebabkan air terendam di perkampungan-perkampungan dan kebun-kebun.

Akhirnya...

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Berapa kali yang akhir, Yang Berhormat?

Tuan Mohd. Daud bin Tarihep [Kuala Selangor]: Tidak. Ini di bawah tajuk yang sama, Tuan Pengerusi.

Kampung Seri Sentosa sentiasa mengalami banjir dan memerlukan dibina ban dan kunci air yang kosnya memakan belanja RM3 juta. Saya harap JPS dapat menimbangkan peruntukan yang wajar bagi mengatasi masalah berkenaan. Terima kasih dan saya mohon menyokong.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat Gelang Patah.

3.44 ptg.

Puan Tan Ah Eng [Gelang Patah]: Terima kasih, Tuan Pengerusi. Saya cuma ada satu perkara sahaja.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Baik. Ya. Satu minit boleh selesai.

Puan Tan Ah Eng [Gelang Patah]: Mengenai Butiran 020200 - Kemajuan Pengurusan dan Perundangan.

Tuan Pengerusi, kawasan Skudai iaitu kawasan saya adalah sebuah kawasan yang semakin bertambah pesat dan telah mencapai penduduk seramai beribu-ribu orang. Lebih kurang 70 buah rumah pangsa yang ada di kawasan Skudai telah mempunyai sejarah selama 20 tahun. Penduduk-penduduk telah menubuhkan sebuah jawatankuasa pengurusan yang bertanggungjawab mengutip yuran untuk tujuan menjaga keindahan, kebersihan dan penyelenggaraan rumah-rumah pangsa.

Masalah yang timbul ialah terdapat penduduk yang tidak mahu membayar yuran menyebabkan kerja-kerja pengurusan rumah pangsa tidak dapat dijalankan. Sekiranya terdapat kemudahan awam rosak atau tidak berfungsi, Jawatankuasa Pengurusan Blok tidak dapat mengambil tindakan kerana kekurangan wang atau tabung untuk menjalankan kerja pembaikan. Ini mendatangkan kesan buruk dan masalah kepada para penduduk.

Tuan Pengerusi, Ahli Jawatankuasa Pengurusan telah berjumpa dengan pegawai Pejabat Tanah Daerah Johor Bahru dan berharap pihak pentadbiran dapat memberi bantuan mengatasi masalah ini tetapi mengapa tiada satu pun bahagian yang boleh mengambil tindakan dalam perkara ini? Oleh itu saya berharap pihak kementerian dapat memberi perhatian terhadap perkara ini.

Saya ingin mengambil kesempatan ini juga untuk menyeru pihak kementerian supaya dapat mencadangkan langkah-langkah untuk mengatasi masalah tersebut. Sekian, terima kasih.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat bagi Ayer Hitam, satu minit.

3.46 ptg.

Ir. Dr. Wee Ka Siong [Ayer Hitam]: Terima kasih, Tuan Pengerusi. Saya ingin terus kepada Butiran 16700 - Rancangan Tebatan Banjir (RTB) dan Saliran Bandar.

Ramai Ahli Parlimen yang telah menyentuh tentang tebatan banjir tetapi apa yang kita lakukan selama ini, walaupun kita ada Projek SMART dengan kos RM2.1 bilion dan saya nampak perkara ini tidak akan menyelesaikan masalah banjir di kawasan Lembah Klang. Sebabnya ialah kita menggunakan satu pendekatan yang kurang holistik.

Dari sudut kejuruteraan, sebenarnya apa yang kita lakukan di kawasan hulu akhirnya kita hanya memindahkan masalah itu ke kawasan kuala. Begitulah keadaannya yang berlaku apabila banjir yang begitu teruk berlaku di negeri Selangor. Saya ingin mendapatkan penjelasan daripada Yang Berhormat, apakah tindakan kementerian. Kalau kita melihat kawasan Selangor dan Kuala Lumpur, itu sebagai satu entiti bagaimana kita gunakan satu projek atau kita merancang satu projek secara holistik menyelesaikan masalah banjir dan kita melihat bukan sahaja selama ini apa yang dilakukan di Selangor cuma mengorek sungai ataupun melebarkan sungai. Itu tidak akan jadi kerana kita faham ada banyak faktor termasuk pemendapan atau *sedimentation* dan juga kita dapati apa yang telah direka bentuk di kawasan-kawasan perumahan walaupun berdasarkan i-100 iaitu tebatan untuk 100 tahun, tetapi sungai kita tidak dapat tanggung sampai lima tahun pun.

Sebab itulah kita dapati banjir yang berlaku di sini, kita tidak ada satu penyelesaian yang berpandukan kepada satu piawaian yang tetap. Maka dalam konteks ini saya berharap, Yang Berhormat Menteri, kita dapat memikirkan satu pendekatan baru, bukan sahaja di negeri Selangor kita dapati di Kelantan pun. Saya rasa semua masalah banjir yang berlaku sekarang disebabkan kita tidak ada satu pendekatan holistik. Walaupun kita perlu membelanjakan berbilion ringgit untuk projek-projek yang dikira komprehensif ini, tetapi ia memadai.

Kalau kita membuat perbandingan dari segi kerosakan dan kerugian yang berlaku saya rasa ia lebih besar dalam satu jangka masa yang lebih panjang. Maka saya harap supaya kita dapat menggunakan pendekatan seperti di kawasan-kawasan Selangor, misalnya, kita mengkaji dari hulu sampailah ke kuala sungai di mana seksyen yang perlu diluruskan, di manakah seksyen yang cetek perlu didalamkan dan juga kita membina struktur-struktur hidraulik supaya tebatan itu dapat menjalankan fungsi dengan baik.

Begitu juga kawasan-kawasan untuk menyimpan air atau untuk menakung air. Saya rasa sudah sampai masanya kita memilih tempat-tempat strategik supaya kita dapat menakung air dan ia tidak akan melimpah di kawasan kuala.

Saya rasa inilah antara perkara yang perlu dilakukan. Begitu juga apa yang saya katakan tadi, di Sungai Golok, keseluruhan Kelantan menghadapi masalah ini kerana kita ada dua empangan atau *dam* yang perlu dilakukan termasuklah satu di Kemubu. Dan saya rasa ini juga melibatkan satu projek yang komprehensif. Saya berharap Yang Berhormat gunakan cara yang lebih komprehensif, rakyat akan ingat jasa Yang Berhormat itulah satu masalah yang besar.

Yang keduanya yang terakhir sekali, tentang alam sekitar Yang Berhormat. Saya rasa JAS sentiasa prihatin tentang pelaksanaan garis panduan untuk EIA tetapi sedarkah Yang Berhormat Menteri di negeri yang lain macam di Selangor, ada yang tidak sampai 20 ekar dikenakan EIA. Kalau dahulu kawasan tanah tinggi ya. Sekarang oleh kerana Yang Berhormat pernah membuat satu lawatan ke Bukit Cherakah nampaknya itu telah menjadi satu polisi jabatan dan ianya bergantung kepada negeri. Dan kalau itu berlaku di Negeri Sembilan mungkin tidak wujud.

Kalau ikut undang-undang yang ada seksyen 34(A) Akta Kualiti Alam Sekitar ia mensyaratkan 50 hektar ke atas. Saya rasa sampai masanya Jabatan Alam Sekitar atau kementerian memikirkan pindaan yang saya rasa memang perlu melihat keadaannya dan bagaimana kita mengemas kini garis panduan yang telah diguna pakai selama ini dan memastikan 19 perisik aktiviti yang termaktub dalam garis panduan itu dapat diteliti semula. Sekian terima kasih.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat bagi Tuaran semua kementerian mahu berucap ya.

Datuk Wilfred Madius Tangau [Tuaran]: Terima kasih Tuan Pengerusi kerana memberi saya peluang untuk turut berbahas bagi maksud B.23 dan P.23 Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar, Butiran 06000 Jabatan Alam Sekitar yang telah diberi peruntukkan sebanyak RM96,728,000 dan Butiran 130800 Alam Sekitar yang telah diberikan peruntukkan RM3,900,7500.

Tuan Pengerusi persoalan dalam alam sekitar yang ingin saya bawa ialah soal penguatkuasaan Akta Kualiti Alam Sekitar yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat bagi Ayer Hitam tadi. Dan saya mengucapkan tahniah terima kasih kerana Yang Berhormat Menteri ada di sini walaupun ada Perhimpunan Agung UMNO yang berjalan sekarang. Persoalan di sini ialah isu yang kita telah bangkitkan dalam peringkat perbahasan dahulu - dasar iaitu dalam soal EIA untuk Lapangan Terbang Antarabangsa Kota Kinabalu.

Pelbagai kenyataan telah dibuat tentang sama ada Laporan EIA untuk Lapangan Terbang Antarabangsa Kota Kinabalu sudah siap atau tidak. Dan akhirnya dikatakan bahawa EIA untuk Lapangan Terbang, penaiktarafan Lapangan Antarabangsa Kota Kinabalu itu sebenarnya belum lagi dibuat apatah lagi diluluskan. Walau bagaimanapun, kerja-kerja pembinaan sudah pun bermula. Dan saya difahamkan bahawa sebenarnya EIA terpaksa dua yang dibuat satu yang akan dibuat oleh Jabatan Alam Sekitar Persekutuan iaitu untuk pembinaan bangunan itu sendiri dan yang kedua ialah tambakan ataupun *sea reclamation* yang harus dibuat oleh kerajaan negeri.

Saya ingin bertanya pihak Yang Berhormat sama ada apa sebenarnya yang berlaku? Apakah EIA sudah dilulus, sudah dibuat ataupun tidak? Kalau belum kenapakah ini tidak dikuatkuasakan? Akta Alam Sekitar ini. Kita amat prihatin dalam hal ini sebab ini akan menjadi satu Prosiding. Apakah apabila projek kerajaan kita boleh melanggar Akta Kualiti Alam Sekitar yang berkuat kuasa? Dan apakah seperti mana yang dijawab oleh Setiausaha Parlimen kementerian Yang Berhormat tempoh hari mengatakan bahawa kita tidak boleh buat apa-apa sebab Majlis Perbandaran sudah mengatakan, okay, meluluskan dan sebagainya dibuatkan pelan. Ini sesuatu perkara yang sangat penting sebab jika sekiranya ada permasalahan dalam penguatkuasaan undang-undang, ini suatu perkara yang tidak baik dan perlu diambil perhatian.

Yang keduanya soal jerebu seperti mana yang dinyatakan oleh Yang Berhormat bagi Kuala Selangor. Tahun depan seperti mana yang kita tahu adalah Tahun Melawat Malaysia. Dan bayangkanlah jika sekiranya jerebu berlaku sekali lagi di negara kita. Itu akan mempunyai satu impak yang besar terhadap pelancongan negara kita jika sekiranya ini tidak dapat ditangani dan setiap kali kita persoal membawa perkara di Dewan yang mulia ini, tentu sekali ada jawapan standard daripada pihak kementerian tetapi tidak selesai-selesai. Saya ingin tahu apakah sebenarnya yang telah dibincangkan dalam mesyuarat di Singapura di antara Menteri-menteri Alam Sekitar ASEAN dalam hal ini? Dan apakah jaminan yang tahun depan ini tidak ada hal jerebu dapat ditangani supaya Tahun Melawat Malaysia ini dapat dijalankan dengan baik.

Seterusnya, Tuan Pengerusi, saya beralih ke Butiran 08000 - Pengairan dan Saliran yang telah diberikan peruntukkan sebanyak RM64 juta lebih. Tuan Pengerusi semasa soal pengairan dan saliran ini masih lagi di bawah Kementerian Pertanian dan menteri pada ketika itu telah memberi tawaran meminta Ahli-ahli Parlimen untuk memberi projek yang dicadangkan di kawasan masing-masing dalam hal-hal pertanian. Pada ketika itu saya sendiri telah memberi satu cadangan iaitu satu pengairan untuk sawah-sawah di Tuaran. Kawasan di Tuaran ini walaupun bukan satu jelapang padi tetapi kawasan sawah padi begitu luas juga dan kita telah menghadapi masalah dalam soal pengairan.

Dan selepas itu diterima cadangan kita banyak mesyuarat telah dibuat dan akhirnya diterima peruntukan sebanyak RM5 juta untuk tujuan ini tetapi akhirnya oleh kerana pertukaran menteri dan sebagainya, akhirnya dia tidak jadi begitu sahaja.

Saya ingin tahu sama ada soal pengairan sawah ini untuk pertanian ini masih termasuk dalam kementerian Yang Berhormat dan apakah cadangan-cadangan seperti ini dapat dipertimbangkan demi untuk kemajuan dan pembelaan para petani kita yang terlibat dalam sawah?

Seterusnya Tuan Pengerusi saya beralih ke Butiran 10800 - Perancangan dan Pengurusan Hutan Sabah...

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang terakhir Yang Berhormat.

Datuk Wilfred Madius Tangau [Tuaran]: Pendek sahaja, yang melibatkan peruntukan RM3,000,500 dan Butiran 10802 - Projek Perhutanan Masyarakat Lokasi Sabah yang melibatkan peruntukkan RM4,100,000.

Keseluruhannya perhutanan negeri Sabah telah diberi peruntukkan lebih RM22 juta dalam belanjawan ini. Tuan Pengerusi dalam hal ini saya ingin membawa perhatian dalam Dewan yang mulia ini saya telah sebut di dalam di bawah Jabatan Perdana Menteri tempoh hari tentang apa yang telah berlaku di negeri Sabah baru-baru ini iaitu juga telah disebut oleh pihak pembangkang daripada DAP walaupun dia tidak ada melawat ke Sabah dia barangkali ada orang bagi ucapan dia sebut di sini iaitu berlaku di mana penduduk tempatan yang telah..., biarlah ini Pulau Pinang biarlah Yang Berhormat Bagan..., penduduk yang duduk di hutan simpan yang sudah lebih 20 tahun telah diambil tindakan oleh pihak Jabatan Perhutanan dengan membakar rumah-rumah ini.

Sebenarnya Tuan Pengerusi tindakan yang telah dibuat oleh Jabatan Perhutanan ini atas alasan penguatkuasaan Enakmen Hutan 1968 dan kita bersetuju dalam hal ini menguatkuasakan. Walau bagaimanapun tindakan itu telah menzahirkan banyak lagi persoalan.

Persoalan pertamanya ialah kenapa selepas 20 tahun baru mengambil tindakan? Dan yang keduanya ialah apabila mengambil tindakan kenapa membakar rumah? Dan yang seterusnya apa yang telah berlaku di pengairan...

Beberapa Ahli: [Menyampuk]

Datuk Wilfred Madius Tangau [Tuaran]: Diam-diamlah Yang Berhormat...

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yalah Yang Berhormat bagi Seputeh!

Datuk Wilfred Madius Tangau [Tuaran]: Diamlah! ...Dan yang telah berlaku Yang Berhormat Menteri, getah-getah yang ditanam di hutan simpan itu pun telah diracun oleh pihak Jabatan Hutan. Persoalan di sini, apakah ini cara kita menguatkuasakan undang-undang hutan? Apakah ini cara kita mengurus? Yang Berhormat saya ini seorang berlatar belakang perhutanan. Saya belajar soal perhutanan dan memang mencero boh di hutan itu satu kesalahan tetapi apabila kita membakar rumah orang yang sudah berdiri selama lebih 20 tahun saya bersetujulah bahawa ini sesuatu yang tidak berperikemanusiaan.

Saya ingat orang-orang boleh dirunding dan secara kebetulan Yang Berhormat, saya mengaku di sini bahawa dua orang daripada mereka yang terlibat itu adalah Pengerusi JKK saya sendiri dan mereka di sana. Kita boleh berunding dan getah-getah itu tidak perlu diracun sebab getah itu hutan. Dan jika sekiranya tidak ditanam hutan barangkali juga hutan itu belum lagi *regenerate*. Oleh itu saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat, sama ada Yang Berhormat mahu mengadakan satu bentuk peraturan di seluruh negara, bagaimanakah enakmen-enakmen hutan ini dapat dikuatkuasakan secara berhemah. Jangan tunggu sampai 20 tahun, jangan tunggu sampai 30 tahun baru hendak menguatkuasakan dan apabila hendak menguatkuasakan dalam keadaan yang banyak boleh dipersoalkan.

Sebenarnya, Kerajaan Barisan Nasional ini amat prihatin. Tindakan-tindakan jabatan seperti ini memberi gambaran seolah-olah kita ini tidak prihatin. Seolah-olah Kerajaan Barisan Nasional tidak penyang. Kita ini penyang, sebenarnya... *[Disampuk]* Tengok! Baru sedikit tindakan ini, pihak pembangkang mula menangguk di air yang keruh.

Jadi saya ingin bertanya juga kepada Yang Berhormat agar mereka yang telah menjadi mangsa ini supaya masih boleh dibawa berunding sebab belum terlambat. Belum terlambat kita berunding...

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Baiklah, Yang Berhormat cukuplah.

Datuk Wilfred Madius Tangau [Tuaran]: Akhir sekali Tuan Pengerusi, ini soal banjir. Bagi Butiran 16500 - Rancangan Mencegah Banjir di Sabah. Peruntukan dia lebih RM5 juta. Selepas itu Butiran 16700 - Rancangan Tebatan dan Saliran Bandar yang melibatkan peruntukan lebih RM700 juta.

Tuan Pengerusi, di kawasan saya ada satu taman yang bernama Telipuk Jaya. Setiap kali ada hujan, mesti banjir. Ini berlaku oleh sebab jalan raya lebih tinggi daripada perumahan dan perparitan juga tidak sempurna. Saya ingin bertanya sama ada pihak Jabatan Pengairan dan Saliran telah memohon peruntukan untuk memperbaiki keadaan ini sebab ini ada kaitan dengan taman perindustrian Kota Kinabalu? Setiap kali dia banjir, telah merosakkan banyak harta benda dan selain daripada itu, imej kita sebagai Kerajaan Barisan Nasional yang prihatin juga terjejas. Seolah-olah kita tidak prihatin tetapi dengan keadaan struktur jalan raya dan kawasan taman yang sedemikian rupa, setiap kali hujan, ia banjir.

Oleh sebab itu, saya mohon supaya peruntukan-peruntukan yang diperuntukkan untuk negeri Sabah ini hanya RM5 juta ini ditambah dan mudah-mudahan sebahagian daripada peruntukan itu diperuntukkan untuk kawasan Telipuk Jaya yang selalu terlibat dalam banjir ini. Sekian dan terima kasih. Terima kasih Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Baik. Yang Berhormat bagi Batu Kawan.

4.02 ptg.

Tuan Huan Cheng Guan [Batu Kawan]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya ingin menyentuh Butiran 120800 - Pengairan dan Saliran. Butiran 14500 - Menaik Taraf Infrastruktur Saliran Bandar dan Tebatan Banjir.

Tuan Pengerusi, kawasan Parlimen Batu Kawan memang bersebelahan iaitu berjiran dengan kawasan Parlimen Bukit Mertajam. Saya memang mempunyai pandangan yang sama dengan apa yang dikatakan oleh Ahli Parlimen Bukit Mertajam tadi, di mana beliau sebut berhubung dengan banjir di Bukit Mertajam. Memanglah, kalau hujan lebat, kedua-dua kawasan di Parlimen saya dan di Parlimen Bukit Mertajam sangkut dan banyak taman-taman perumahan di kawasan Parlimen Bukit Mertajam dan juga Parlimen Batu Kawan akan banjir. Ini kerana kita kongsi dan guna pakai satu sungai iaitu Sungai Juru.

Tadi yang dikatakan oleh Yang Berhormat Ahli Parlimen Bukit Mertajam, kalau hujan taman-taman di kawasan dia banjir, di kawasan saya juga seperti Taman Sentul, Taman Mangga pun banjir. Maka saya pohonlah kementerian kalau boleh dapat mendalamkan Sungai Juru. Kalau tak silap saya, saya pernah baca dalam satu artikel di mana menyatakan bahawa Sungai Juru merupakan salah satu dari sungai yang paling kotor di Asia Tenggara.

Untuk makluman Yang Berhormat Menteri, kawasan Seberang Perai ialah kawasan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri. Maka saya mintalah, kalau boleh Sungai Juru dapat kita bersihkan. Juga banyak kali saya telah bangkitkan perkara ini secara soalan dalam soal bertulis sejak dua, tiga bulan yang lepas. Tadi memang saya pun hendak duduk diam-diam tak mahu cakap banyaklah tetapi apabila Ahli Parlimen Bukit Mertajam, dia ada sebut banyak kali fasal Batu Kawan, saya pun tak boleh tahanlah. Kena sebut jugalah... *[Disampuk]* Maka saya mintalah, saya mintalah jasa baik Yang Berhormat Menteri..

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Yang Berhormat. Yang Berhormat dipaksa bangunkah?

Tuan Huan Cheng Guan [Batu Kawan]: Tidak, tidak. Bukan dipaksa. Maka saya minta jasa baik Yang Berhormat Menteri, kalau boleh dapatlah membantu untuk menyelesaikan perkara inilah. Sekian, terima kasih. Terima kasih Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat bagi Kepong.

4.05 ptg.

Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]: Tuan Pengerusi, Butiran 060000 - Jabatan Alam Sekitar. Butiran 080000 - Pengairan dan Saliran. Butiran 110000 - Lembaga Penyelidikan dan Pembangunan Perhutanan Malaysia.

Jadi Tuan Pengerusi, yang pertamanya mengenai itu FRIM, ya? FRIM, Lembaga Penyelidikan dan Pembangunan Perhutanan Malaysia. Di sini, saya hendak menekankan bahawa FRIM itu merupakan satu-satunya iaitu tempat untuk memelihara hutan kita. Dengan demikian, saya berharap Yang Berhormat Menteri dapat memberi perhatian kepada pembangunan di sekitar FRIM. Di sekitar itu, saya nampak ada banyak kegiatan iaitu pembinaan rumah-rumah dan sebagainya. Ini perlulah kita mengkaji setakat mana pembangunan dan projek-projek ini menjejaskan hutan simpanan FRIM kita ini? Sebab saya tak mahulah menyaksikan yang satu-satunya FRIM di Malaysia ini dijejaskan kerana kegiatan-kegiatan yang tidak diingini, yang pertama.

Yang keduanya mengenai Taman Negara. Taman Negara, Tuan Pengerusi, di sini saya nampak iaitu bilangan pelawat Taman Negara. Pada tahun 2005, ada lebih 94,000 pelawat ke Taman Negara. Sekarang dianggarkan, kita kurang kepada 70,000 ataupun 75,000. Saya pun tak tahulah kenapa ini dikurangkan tetapi kalau dari segi pemuliharaan Taman Negara, mungkin ini satu langkah yang betul kerana terlalu ramai yang melawat Taman Negara, memang mungkin akan menjejaskan. Sebab saya pernah pergi ke situ, dan saya nampak di kawasan-kawasan sekitar di bukit-bukit itu, tidak nampak sangatlah tetapi bila kita pergi, hidupan liar itu tidak ada di situ. Dia sudah tahulah kita hendak pergi, dia hilang sama sekali. Tidak nampak sangatlah. Mungkin kerana terlalu ramai pelawat di situ yang menjejaskan ini.

Akan tetapi saya hendak menekankan bahawa Yang Berhormat Menteri, yang penting sekali, kita mesti kaji dari segi kakitangan yang ada di situ. Sama ada mereka benar-benar bekerja dengan kuat di situ untuk memelihara taman kita dan juga kemudahan-kemudahan yang terdapat di situ sekarang. Sama ada kita perlu memperbaiki kemudahan itu untuk jangka masa pendek dan panjang. Seterusnya mengenai projek tebatan banjir. Ini pakej dualah. Pakej satu itu, Terowong Bestari. Saya berharap terowong itu benar-benar bestari di Kuala Lumpur Selatan kita ini. Dan..

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Baiklah, cukuplah Yang Berhormat.

Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]: Ya? Ada, ada sedikit sahaja. Sedikit sahaja. Tak panjanglah itu. Cuma ini pakej dua yang kontraktor dia PAREMBA. Dari semasa ke semasa, saya nampak di bahagian Jinjang misalnya, iaitu kerja dia berhenti. Kerja dia berhenti. Saya pun tak taulah sebab apa kerja boleh berhenti? Ini satu projek lebih RM500 juta di kawasan iaitu Gombak dan Jinjang mengenai Sungai Batu, Sungai Gombak dan Sungai Keroh di Kepong dan sebagainya. Saya berharap Yang Berhormat dapat mengkaji sama ada projek ini dijalankan dengan betul. Ataupun ada..

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Baiklah Yang Berhormat, cukuplah.

Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]: Dan akhir sekali, Sungai Klang merupakan salah satu sungai yang tercemar sekaliliah di negara kita. Kita perlu memulihkan sungai ini supaya Sungai Klang kita hidup semula. Salah satu sungai yang mengalir masuk ke Sungai Batu dan kemudian Sungai Klang ialah Sungai Jinjang. Bukan main kotor Sungai Jinjang ini. Ia bukan kesalahan penduduk juga kerana tidak dapat menjaga sungai kita. Sekarang di bahagian hulunya iaitu di bekas tapak pelupusan sampah di Taman Beringin, ada projek pembinaan rumah dan juga pengambilan bahan batuan pasir. Dengan pengambilan pasir ini, maka para penduduk di sekitarnya bimbang kerana kita nampak keretakan di rumah-rumah baru yang dekat dengan Sungai Jinjang itu. Dan mungkin Yang Berhormat dapat mengkaji dan menyelidik sama ada projek pembinaan rumah di hulu Sungai Jinjang itu dan juga pengambilan bahan batuan itu, adakah akan menjejaskan alam sekitar?

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Baiklah Yang Berhormat.

Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]: Sekian terima kasih.

Beberapa Ahli: [Bangun]

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat bagi Putatan.

4.12 ptg.

Datuk Dr. Marcus Makin Mojigoh [Putatan]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya ingin terus pergi kepada isu-isu semasa yang kian panas di negeri Sabah iaitu mengenai alam sekitar - Butiran 130800, Jabatan Perlindungan Hidupan Liar dan Taman Negara (PERHILITAN) - Butiran 130900, dan Butiran P.23 16500 dan 16700 iaitu aktiviti tebatan banjir. Saya ingin merujuk kepada surat khabar *New Straits Times (NST)* pada 9 November, "Mystery clearing at scenic bay" di Pulau Gaya. Kawasan Pulau Gaya ini adalah terkandung dalam Taman Negara Tunku Abdul Rahman dalam kawasan Parlimen Putatan. Ada lima pulau iaitu Manukan, Mamutik, Sapi dan Sulug yang telah diwartakan pada tahun 1974 sebagai *Marine Park*.

Mengikut kenyataan surat khabar ini agak berlainan dengan apa yang saya lihat dengan mata saya sendiri pada 10 Oktober apabila saya melawat ke tapak tersebut, Police Beach yang saya bercadang untuk membuat satu tapak pembiakan telur penyu. Kalau bukan di Police Beach ataupun di Pulau Sulug pada 10 Oktober. Dan pada masa itulah saya tahu bahawa kawasan Police Beach ini telah dibahagi kepada konsesi syarikat swasta yang saya lihat pada hari itu ada buldozer.

Apabila saya tanya pegawai taman negara yang ikut sama dengan saya pada lawatan itu termasuklah Timbalan Pengarah Jabatan Hidupan Liar Negeri Sabah. Dia menyatakan baru-baru ini pada dua tiga bulan yang lalu, satu syarikat yang telah membuat satu cadangan kepada pihak atasan. Dan apabila dalam surat khabar ini, ketua menteri tidak menafikan tetapi dia sedar ada cadangan untuk membangunkan tempat tersebut dengan jumlah *investment* RM2 juta dan manakala kementerian yang berkuasa atas taman ini iaitu Kementerian Pelancongan Negeri Sabah, pembantu menterinya menafikan dia tidak tahu-menahu dengan kegiatan apa yang berlaku di pulau itu.

Jadi, soalan saya Yang Berhormat Menteri, saya harap Yang Berhormat Menteri membantu saya kerana kegiatan itu telah pun berlaku lebih daripada sebulan dan saya hairan pihak kerajaan tidak tahu-menahu kegiatan di situ. Dan soalan di sini, adakah laporan EIA telah diperoleh sebelum kegiatan membina dimulakan?

Jadi saya nampak di dalam surat khabar ini ada gambar buldozer, saya pun lihat aktiviti-aktiviti pembinaan telah pun dimulakan. Jadi, apakah laporan EIA ini tidak diperlukan terlebih dahulu sebelum aktiviti-aktiviti pembinaan dimulakan? Saya tidak membantah segala pembangunan di kawasan Parlimen Putatan, bahkan saya mengalu-alukan. Itulah yang kita sarankan supaya masyarakat di situ dapat menghayati pembangunan di pulau itu terutama sekali penduduk-penduduk di Pulau Gaya tetapi saya percaya adalah satu cara yang betul supaya kita dapat mematuhi semua akta dan undang-undang yang telah disediakan oleh kerajaan. Jadi saya minta pihak Menteri membuat satu kenyataan bahawa apa yang dibuat di Pulau Gaya itu adalah teratur.

Perkara yang kedua Tuan Pengerusi, yang mana kita lihat dalam kaca televisyen di mana kawasan Kampung Petagas ini yang dilalui oleh Sungai Sindil. Tiga empat kampung yang terlibat. Saya telah pun membawa ketua kampung, Pengerusi JKK berjumpa dengan Pengarah JPS di negeri Sabah pada beberapa bulan yang lalu. Kami sudah juga diberi taklimat bahawa permohonan untuk peruntukan tambahan bagi memulihkan Sungai Sindil itu telah pun dikemukakan kepada pihak kementerian Yang Berhormat. Saya harap perkara ini dapat diselesaikan dengan segera kerana saya tidak mahu kena panggil pada jam tiga atau empat pagi untuk melawat kawasan yang dilanda banjir di mana tilam dan bantal terapung-apung serta budak-budak sekolah tidak dapat ke sekolah. Ini selalu berlaku Yang Berhormat Menteri. Tolonglah. Kasihan....

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Baiklah Yang Berhormat.

Datuk Dr. Marcus Makin Mojigoh [Putatan]: Orang menangis...

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Baiklah, cukuplah.

Datuk Dr. Marcus Makin Mojigoh [Putatan]: Saya belum habis lagi.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Sudah habis Yang Berhormat. Sudah, cukuplah.

Datuk Dr. Marcus Makin Mojigoh [Putatan]: Suruh berhenti? Okay, sekian terima kasih dan saya mohon menyokong.

Beberapa Ahli: [Bangun]

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat bagi Tebrau.

4.18 ptg.

Tuan Teng Boon Soon [Tebrau]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Tuan Pengerusi, saya hendak menyentuh dua tajuk sahaja iaitu 14500 - menaiktarafkan infrastruktur saluran bandar dan tebatan banjir dan juga 15400 - rancangan pengurusan sungai saluran mesra alam. Tuan Pengerusi, di kawasan Tebrau sering berlaku banjir kilat khususnya di kawasan-kawasan kediaman di mana longkang-longkang dan parit di kawasan-kawasan kediaman itu sudah lama dibina.

Jadi, kapasiti muatan air longkang itu terhad. Sering kali pada hari hujan lebat, selalu berlakunya banjir kilat dan menyusahkan serta merosakkan harta benda penduduk-penduduk di taman kediaman tersebut. Jadi saya minta di bawah peruntukan ini, kementerian akan memberi perhatian kepada keperluan rakyat di kawasan kediaman ini. Satu masalah lagi ialah sering kali berlaku di bawah projek-projek pembangunan perumahan yang baru di mana pemaju perumahan yang baru itu tidak menyediakan *silt trap* ataupun *detention pond*, dengan izin, yang mencukupi untuk menakung air-air yang bertambah ekoran daripada pembangunan projek-projek perumahan.

Ini telah membawa kepada banjir lumpur dan juga banjir kilat dan merosakkan harta benda rakyat juga. Jadi saya haraplah dari segi pengawalan dan penguatkuasaan, tindakan yang sepatutnya diambil untuk memastikan pemaju perumahan mengambil tindakan yang sewajarnya untuk menghalang perkara-perkara sebegini berlaku.

Tuan Pengerusi, saya juga diminta menyampaikan satu masalah di Batu 21, Kulai. Itu kawasan timbalan..

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, itu kawasan saya. Masalah banjir?

Tuan Teng Boon Soon [Tebrau]: Ini, penduduk-penduduk di sana juga meminta saya membawa masalah ini di kawasan Kulai.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Boleh tambah satu dua minitlah.

Tuan Teng Boon Soon [Tebrau]: ...[Ketawa] Ini iaitu juga semasa hujan lebat, banjir kilat berlaku.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Ya, Yang Berhormat memang benar. Apabila hujan, sungguh pun saya ada di sini, tapi hati di kawasan.

Tuan Teng Boon Soon [Tebrau]: Ya, betul... [Ketawa]

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Saya mintalah menteri melalui Yang Berhormat bagi Tebrau, saya minta Yang Berhormat Menteri berikan satu peruntukkan khas lah. Melalui Yang Berhormat lah.

Tuan Teng Boon Soon [Tebrau]: Hah itulah. Luluslah, luluslah. Jadi, saya mintalah menteri memberi perhatian dan lagi pun Yang Berhormat Timbalan Yang di-Pertua sudah menyampaikan permintaan itu. Saya harap menteri akan menimbang secara seriusnya permintaan untuk bantuan...

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat bagi Tebrau, kalau boleh berikan keutamaanlah. Selesaikan projek ini, baru projek-projek yang lainlah... [Ketawa]

Tuan Teng Boon Soon [Tebrau]: Tuan Pengerusi, kalau melihat Yang Berhormat menteri sudah menunduk dan senyum. Saya rasa lah telah diluluskan.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Baik.

Tuan Teng Boon Soon [Tebrau]: Lagi satu perkara, Yang Berhormat Tuan Pengerusi, iaitu di kawasan sungai khususnya di kawasan *reserve* sungai itu. Kita selalu mendapati penceroboh-penceroboh yang membina rumah di kawasan rizab sungai dan ini telah menyebabkan gangguan aliran air sungai dan membawa kepada banjir. Jadi, saya harap kementerian dalam menguatkuasakan dan mengawasi pencerobohan rizab sungai ini akan mengambil tindakan yang sewajarnya untuk menangani masalah ini yang kini berlaku juga di kawasan Tebrau. Itu sahaja, terima kasih.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, tidak ada lain dah? Kalau ada, boleh cakap.

Tuan Teng Boon Soon [Tebrau]: Tak ada... *[Ketawa]*

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Baik, terima kasih ya. Yang Berhormat Cheras.

4.25 ptg.

Tuan Tan Kok Wai [Cheras]: Tuan Pengerusi, saya terpaksa menyentuh juga kepada butiran mengenai rancangan tebatan banjir dan saliran bandar. Kerana saya masih tidak faham mengapa Kuala Lumpur belum berusaha menjadikan bandar berkembar dengan Venice lagi kerana kedua-dua bandar raya ini mempunyai ciri-ciri hampir sama.

Tuan Pengerusi, sejak banjir raksasa di Kuala Lumpur pada tahun 1971 iaitu 35 tahun yang lalu, berbilion-bilion ringgit telah pun dibelanjakan untuk mengatasi ancaman banjir tetapi nampaknya semakin hari semakin serius dan saya ingin menumpu kepada Kuala Lumpur ini. Di bandar raya yang bercita-cita menjadi bandar raya bertaraf dunia ini hampir tidak pun sehari tanpa satu kawasan dibanjiri oleh banjir kilat. Di mana ada hujan, di mana ada banjir.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, ini tanggungjawab siapa, DBKL atau pun...

Tuan Tan Kok Wai [Cheras]: Bukan, bukan. Ini adalah masalah dengan Kementerian Sumber Asli kerana Tuan Pengerusi, saya ingin merujuk di sini sekurang-kurangnya ada tiga sebab-sebab yang menyumbang kepada masalah banjir berterusan di Kuala Lumpur ini. Yang pertama memang adalah benar ialah pembangunan bandar yang tidak tersusun, yang tidak seimbang.

Yang kedua, iaitu pentadbiran bandar raya yang tidak baik, tidak efisien kerana jawatan Datuk Bandar bukan dipegang oleh wakil DAP. Yang ketiga, kecuai dan ketidakberkesanan Jabatan Pengairan dan Saliran iaitu JPS. Saya ingin...

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Bukan kerana DAPlah?

Tuan Tan Kok Wai [Cheras]: Salah satu sebabnyalah.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Bukan kerana banjir itu dilakukan oleh DAP?

Tuan Tan Kok Wai [Cheras]: Memang bukan. Tapi kalau DAP menjadi Datuk Bandar, banjir ini akan diatasi dalam tempoh yang begitu singkat.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Itu mungkin fikiran Yang Berhormat lah? *[Ketawa]*

Tuan Tan Kok Wai [Cheras]: Tuan Pengerusi, masalah yang telah banyak kali saya menyentuh perkara ini kepada DBKL dan JPS, tetapi saya ingin memberikan satu contoh. Misalnya Sungai Kerayong yang air sungainya selalu melimpah ke atas jalan dan membanjiri kawasan-kawasan di dua-dua belahnya.

Di sungai ini mengalir melalui sekurang-kurangnya tiga atau empat kawasan Parlimen di Kuala Lumpur iaitu Titiwangsa, Bukit Bintang, Cheras dan Seputeh dan masalah sungai ini ialah dah lama sungai ini menjadi sumber utama ataupun sebab utama banjir di kawasan yang cukup besarlah dalam bandar raya Kuala Lumpur dan sudah banyak tahun melebihi satu dekad JPS memberi jaminan bahawa masalah *overflow of* Sungai Kerayong atau air Sungai Kerayong melimpah ini diatasi dengan beberapa projek termasuklah membesarkan Sungai Kerayong tetapi, semua jaminan ini masih merupakan cakap kosong sahaja dan walaupun ada usaha untuk membina satu kolam tebatan banjir di kawasan Sri Johor dan Projek SMART, tetapi kedua-dua projek ini belum tentu lagi akan mengatasi masalah banjir. Saya ingin tahu....

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Sila gulunglah Yang Berhormat. Gulunglah, sila.

Tuan Tan Kok Wai [Cheras]: Saya ingin memberitahu Dewan ini dan Tuan Pengerusi bahawa ini untuk perhatian khususnya untuk menteri sebab saya ada diterima aduan daripada pihak Dewan Bandaraya Kuala Lumpur bahawa mereka selalunya ingin nak buat sesuatu untuk memperbaiki pengairan air Sungai Kerayong misalnya tetapi mereka tidak dapat, tidak ada kuasa kerana pengurusan sungai adalah di bawah JPS. DBKL cuma *maintained* sahaja. Misalnya mengutip dan membersihkan sampah di dalam sungai.

Untuk membersihkan lumpur yang memenuhi sungai pun DBKL tidak ada kuasa dan kadang kala apabila DBKL ingin membersihkan lumpur sungai ini, DBKL mesti tulis untuk mendapatkan kebenaran daripada JPS dan setiap kali DBKL menjadi sasaran serangan oleh orang ramai apabila adanya masalah banjir dan ini adalah aduan yang disalurkan kepada DAP. Mereka tidak boleh buat apa selain kecuali memberitahu DAP dan saya menimbulkan perkara ini. Adakah ini dalam pengetahuan Yang Berhormat Menteri? JPS tidak membuktikan ia satu badan yang bertanggungjawab untuk mengatasi masalah yang diamanahkan kepadanya.

Perkara yang kedua ialah saya ingin menyentuh alam sekitar. Satu perkara yang saya telah pun merujuk sendiri kepada menteri iaitu pembangunan satu projek perumahan yang akan dibangunkan di lereng bukit dan tanah tinggi yang bertapak lot nombor 2465 di mukim Ampang Selangor iaitu bersempadan dengan kawasan Parlimen Cheras di mana 144 buah rumah mewah akan dibina di atas tanah tinggi yang dijangka akan membawa banyak masalah kepada penduduk-penduduk di persekitaran.

Di kawasan itu terdapat banyak kawasan perumahan dengan kepadatan penduduk yang tinggi dan satu memorandum yang telah ditandatangani oleh 3,000 penduduk di kawasan-kawasan berhampiran termasuk Kampung Cheras Baru dan lain-lain telah pun dihantar kepada Yang Berhormat menteri dan masalah-masalah yang dijangka akan berlaku kalau projek perumahan ini dibenarkan di atas tanah tinggi dengan cerun yang paling curam sekali adalah seperti hakisan tanah...

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, cukuplah Yang Berhormat.

Tuan Tan Kok Wai [Cheras]: ...Gangguan kepada ekologi dan pemusnahan alam flora dan fauna dan sebagainya, dan ini adalah akan merupakan satu *nightmare* atau igauan kepada penduduk-penduduk pada masa depan.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, cukuplah rakan Yang Berhormat hendak berucaplah.

Tuan Tan Kok Wai [Cheras]: Saya harap Yang Berhormat Menteri dapat memberi satu jawapan kepada saya dan penduduk-penduduk Parlimen Cheras macam mana perkara ini dikendalikan oleh kementerian kerana walaupun ada garis panduan yang disediakan oleh kementerian tetapi jikalau...

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Cukuplah Yang Berhormat tidak payah jikalau, menteri fahamlah.

Tuan Tan Kok Wai [Cheras]: Jikalau pihak Kerajaan Negeri Selangor masih membenarkan projek rumah ini diteruskan, ini akan merupakan satu masalah yang cukup besar pada suatu masa nanti. Terima kasih.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Ada, enam, lapan. Saya memang berhasrat supaya Yang Berhormat Menteri dapat menjawab pada jam lima petang. Jadi saya cuba, Yang Berhormat kita sudah lewat sedikit. Yang Berhormat bagi Sabak Bernam.

[Timbalan Yang di-Pertua (Datuk Dr. Yusof bin Yacob) *mempengerusikan Jawatankuasa*]

4.32 ptg.

Dato' Haji Mat Yasir bin Haji Ikhsan [Sabak Bernam]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Sabak Bernam hendak menyentuh mengenai tiga perkara secara ringkas dan secara khusus. Yang pertama ialah mengenai Butiran 02000 atau 020200, Pengurusan dan Perundangan Tanah. Ini memang ada kaitan langsung dengan rakyat yang terjejas dari segi harta pusaka kecil Yang Berhormat Menteri. Jadi ini banyak tanah-tanah ini yang tidak selesai masalah harta pusaka ataupun bicara kuasa kalau mengikut bahasa orang kampung. Ini telah menjejaskan pembangunan tanah ini sendiri sebagai contoh bila masalah kuasa itu tidak selesai maka cadangan untuk mereka memohon bantuan perumahan itu maknanya tidak dapat diberikan, ini satu kemudahan.

Satu lagi ialah mereka ingin membangunkan tanah hendak mencagarkan tanah itu memang tidak dibenarkan. Ini sangat banyak Yang Berhormat Menteri dan akhirnya kalau di Sabak Bernam ini telah menimbulkan konflik, pergaduhan dalam keluarga. Oleh sebab itulah Sabak Bernam menyarankan supaya perancangan pihak kerajaan untuk mewujudkan satu pangkalan data tanah ini dapat disediakan. Sabak Bernam yakin boleh menyelesaikan masalah tanah kerana apabila diketahui statusnya maka perkara-perkara ini dapat diselesaikan. Sehubungan dengan ini, saya dapati bahawa Pegawai Bicara Kuasa hanya datang ke Sabak Bernam saya rasa dalam sebulan dua kali sahaja Yang Berhormat Menteri. Jadi oleh sebab itu ini pun wajar diberikan perhatian.

Perkara yang keduanya ialah berkaitan dengan pengairan dan saliran. Dalam tidak sampai setahun ini, kawasan Kampung Sungai Panjang mengalami dua kali banjir besar. Jadi pembentengan kawasan Sungai Bernam dalam lingkungan berkaitan kira-kira tujuh kilometer telah dilakukan dari segi pembentengan tetapi runtuh kerana dari segi teknikalnya sungai itu sebenarnya sangat cetek. Oleh sebab itu, Sabak Bernam berharap supaya kajian yang teliti dibuat supaya rancangan mendalamkan sungai itu dapat dilaksanakan.

Yang akhir sekali seperti Yang Berhormat bagi Kuala Selangor telah sebutkan harap babi yang banyak itu dapat dihapuskan tetapi tenggiling, binatang orang suka tengok ini, yang semakin pupus ini dapat dikaji untuk dipelihara kerana boleh menjadi satu tarikan pelancong. Terima kasih.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya, berapa orang hendak bercakap ini? Ada enam, tidak lebih lima minit Yang Berhormat. Yang Berhormat bagi Sepanggar.

4.36 ptg.

Tuan Eric Enchin Majimbun [Sepanggar]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya cuma ingin menyentuh dengan tiga butiran. Butiran pertama ialah 10300, Pembangunan Teknologi Penggunaan Kayu dan Latihan Pencegahan Kebakaran. Pada penghujung tahun 70-an, kerajaan telah mengenalkan satu spesies kayu iaitu kayu akasia. Di mana pada mulanya kita harap akasia ini begitu memberi keuntungan kepada penduduk-penduduk seperti mendapat hasil daripada kayu-kayan ini tetapi akibat kayu-kayan ini kita dapati juga ada *disadvantage* dia, dengan izin. Di mana kalau kita lihat di kawasan utara dan selatan Sabah, banyak kayu-kayan ini begitu cepat membiak dan begitu cepat juga mudah terbakar itu satu.

Yang kedua ialah saya telah membaca satu artikel di mana kayu seperti ini iaitu kayu spesies akasia ini walaupun dia cepat membesar tetapi ia juga menggunakan terlalu banyak air sehingga kawasan-kawasan seperti di Sabah ini kita dapat lihat bahawa sungai-sungai ini kering disebabkan kayu ini. So, saya minta kepada kementerian ini supaya kalau dapat kita memberi satu penyelidikan sebalik sama ada *the disadvantage* dan *advantage* mengenai kayu ini.

Kedua seperti yang telah diutarakan oleh Yang Berhormat bagi Tuaran mengenai Butiran 16500 dan 16700, di mana sebenarnya kawasan kami ini berhampiran dan sering kali kita dapati banjir disebabkan Sungai Telipot, Sungai Menggatal, Darou dan juga Sungai Tebobon ini begitu cepat disebabkan akibat pembangunan sama ada di hilir dan juga di hulu sana begitu cepat membangun. Maka kebanjiran bila sahaja ada hujan lebat banjir bukan sahaja disebabkan jalan itu jalan melintas ke Tuaran ini tinggi, tetapi disebabkan sungai-sungai itu telah pun banyak pencemaran dan *silting* dengan izin, pun juga begitu cepat kita dapat lihat.

Begitu juga dengan rancangan penambakan banjir dan saluran bandar di mana walaupun kawasan saya di kawasan Bandar Raya Kota Kinabalu kita dapat lihat bahawa sering kali dapat kebanjiran disebabkan satu perkara di mana *basin* dengan izin, kita tidak begitu cepat mengeluarkan air ke laut disebabkan agak rendah, jadi ingat sama dengan paras laut, kawasan yang sering kali dapat kebanjiran ini. Maka saya mohon supaya anggaran peruntukan sebanyak RM700 juta itu dapat disalurkan kepada Bandar Raya Kota Kinabalu supaya kita dapat sekurang-kurangnya pun merendahkan kebanjiran di bandar raya. Sekian.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat bagi Kanowit.

4.39 ptg.

Tuan Aaron Ago Dagang [Kanowit]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya akan terus menyentuh isu-isu berkenaan dengan Butiran 16200 iaitu Membersihkan Sungai dan Mencegah Kehakisan. Hakisan, contoh yang saya akan beri di sini adalah di Sungai Batang Rajang iaitu sungai yang terbesar di Sarawak dan terpanjang juga. Saya telah menerima banyak permohonan untuk membuat benteng di tepi-tepi sungai ini sebab hakisan ini sudah terlalu berbahaya dan pekan-pekan kecil ataupun rumah-rumah panjang di tepi-tepi sungai ini adalah dalam keadaan yang berbahaya akibat hakisan ini. Ini kawasan saya dan tidak termasuk di kawasan-kawasan yang dilalui oleh sungai ini seperti ke Kapit, ke Hulu Rajang, yang sama juga saya ingat dilanda oleh masalah ini.

Jadi, di tempat saya, kawasan Parlimen Kanowit, sudah ada tiga permohonan untuk membuat benteng sungai-sungai ini yang saya ingat mungkin akan mengambil belanja yang besar sedikit. Jadi saya minta kementerian untuk mengkaji sedikit masalah ini dan memberi peruntukan untuk membuat benteng-benteng di beberapa tempat di Sungai Batang Rajang, terutamanya.

Keduanya adalah Butiran 16200 iaitu membersihkan sungai-sungai di Sarawak. Ini saya juga ingin membawa contoh kepada kawasan saya di Kanowit sebab ada tiga atau empat batang sungai yang memang digunakan sebagai *transportation* kepada rumah-rumah panjang di hulu sungai di sana sebab tempat ini belum mempunyai jalan, jadi mereka terpaksa menggunakan sungai dan perahu panjang.

Dan, apabila musim kemarau dan air kecil, susah untuk mereka melalui sungai-sungai ini dan mereka selalu meminta kepada saya supaya peruntukan dari kerajaan diagihkan untuk membersihkan dan membuang kayu-kayu di sungai-sungai ini. Ini adalah sangat penting, saya fikir, sebab kalau musim air besar, mereka dapat sampai dalam dua atau tiga jam, tetapi masa air kering atau musim kemarau perjalanan akan sampai lima jam. Kalau kita melihat ini lagi, itulah semalam saya juga telah terlibat dalam membincangkan supaya jalan ke tempat-tempat ini diberi keutamaan sebab masalah pengangkutan ini. Saya minta kementerian mengagihkan sedikit peruntukan untuk membersihkan sungai-sungai di Sarawak terutamanya di hulu-hulu sungai yang belum ada jalan ini. Sekian, terima kasih.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat bagi Kuala Terengganu.

4.42 ptg.

Dato' Razali bin Ismail [Kuala Terengganu]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Butiran 060200 iaitu pendidikan dan penilaian alam sekitar. Saya ingin tarik perhatian Yang Berhormat Menteri berhubung perkara ini. Pencegahan itu adalah lebih baik daripada mengubatinya. Oleh yang demikian, saya ingin mencadangkan supaya satu peruntukan khas yang lebih banyak diberi kepada pendidikan alam sekitar ini ataupun *education for sustainable development* sebab ini adalah merupakan perkara yang cukup penting untuk kita asuh, kita bina adab, kita bina disiplin di kalangan murid-murid sekolah daripada peringkat awal lagi. Kalau boleh di peringkat tadika lagi. Dalam konteks ini saya mencadangkan supaya satu kurikulum yang mantap berhubung dengan *education for sustainable development* ini digubal.

Saya juga difahamkan bahawa USM ada program seumpama ini dan saya mencadangkan kementerian ini dapat membuat *benchmarking* atau penanda arasan tentang kurikulum yang sedang dilaksanakan oleh USM untuk dimantapkan kurikulum ini dilaksanakan di sekolah-sekolah. Dahulu saya pernah melihat dan terlibat sama menggubal kurikulum pendidikan alam sekitar untuk guru-guru. Saya tidak tahu setakat ini atau sekarang ini, apakah guru-guru masih diberi kursus untuk mengajar murid-muridnya pula tentang latihan dalam perkhidmatan. Saya mencadangkan ini diteruskan dan diberi peruntukan lebih sebab dari sinilah masalah-masalah dari segi pencemaran alam itu boleh dihadapi dengan tuntas dan begitu baik sekali.

Perkara kedua yang saya hendak sebut di sini ialah tentang kawasan muara Sungai Terengganu sekarang ini sedang mengalami satu perubahan dan pembangunan yang begitu pesat sekali. Saya ingin mencadangkan supaya kementerian ini juga memberi keprihatinan dalam proses pembangunan pesat terutamanya *wave breaker* yang sedang dibina di muara Sungai Terengganu itu. Apakah ia dibuat secara bersepadu dengan kerajaan negeri? Apakah nasihat-nasihat secara mantap diberikan kepada proses pembangunan ini? Lebih-lebih lagi Pulau Duyung juga sedang mengalami satu proses perubahan begitu hebat sekali. Pulau Wan Man juga akan dibina pembangunan yang begitu hebat sekali tetapi dalam masa yang sama juga, hakisan dan pencemaran berlaku di sini. So, saya mencadangkan kementerian juga harus prihatin.

Yang akhir sekali ialah saya ingin tarik perhatian, semalam telah ditimbulkan tentang pendaratan penyu terutamanya di Pantai Timur. Dan dapat dikesan sekarang ini bahawa pendaratan penyu di Pantai Timur semakin berkurangan akibat daripada yang pertamanya, pulau-pulau di pesisir Terengganu itu seperti Pulau Redang, Pulau Kapas dan Pulau Perhentian sedang menghadapi satu cabaran yang begitu hebat yakni munculnya pusat-pusat pelancongan yang saya tidak tahu sama ada ia mendapat lesen untuk menganjurkan dan mengadakan pusat pelancongan ataupun tidak tetapi ia membawa masalah dari segi pendaratan penyu kerana pemasangan lampu yang terlalu banyak di kawasan pantai selain daripada hakisan dan juga pencemaran pantai ini. Saya ingin mencadangkan supaya Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar ini memberi pengawasan dan juga penguatkuasaan di atas perubahan-perubahan dan kemajuan yang sedang berlaku di kawasan muara Kuala Terengganu.

Akhir sekali, baru-baru ini ada peristiwa di mana gamat ataupun *sea cucumber* didapati terdampar di Pantai Batu Buruk dan juga di kawasan Pantai Kuala Terengganu itu. Saya tidak tahu apakah puncanya. Barangkali kementerian ini dapat melakukan satu penyiasatan dan baru-baru ini juga disebut bahawa ikan lumba-lumba pun yang jarang kali kelihatan di muara Sungai Terengganu sekarang sudah muncul. Apakah sebabnya? Barangkali ada berlaku sesuatu pencemaran ataupun perubahan-perubahan iklim dan suasana maritim itu sendiri. Sekian, terima kasih.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya, Yang Berhormat bagi Pasir Mas.

4.46 ptg.

Tuan Haji Ismail bin Noh [Pasir Mas]: *Assalamualaikum warahmatullah.* Alhamdulillah, terima kasih Tuan Pengerusi kerana membenarkan saya untuk bersama-sama mengambil peluang berbincang bersama dalam Butiran, Bekalan 23 Alam Sekitar. Saya ada tiga Butiran. Cuma barangkali tiga Butiran ini berkaitan di antara satu sama lain. Butiran 14500, 15300 dan 16500. Apa yang saya hendak tekankan di sini iaitu 15300 - mengorek kuala-kuala sungai dengan peruntukan RM10 juta. Saya melihat bahawa sekarang ini banjir berlaku di sekitar Pantai Timur khususnya di negeri Kelantan. Jadi banjir ini berlaku, hujan ini turun, kita tidak boleh menyekat tentang hujan. Hujan hendak turun adalah kehendak Allah S.W.T. tetapi usaha untuk mengatasi supaya tidak banjir ini boleh kita atasi dengan usaha yang ada pada kita. Jadi, saya melihat bahawa kuala Sungai Kelantan ini makin lama, makin sempit dengan timbunan pasirnya.

Jadi barangkali Kerajaan Pusat boleh membantu kerajaan negeri dalam usaha untuk meluaskan kuala Sungai Kelantan dan sekali gus air boleh meluru dengan secara cepat masuk ke laut. Kesan daripada itu, Kelantan tidak akan berlaku banjir yang begitu hebat apabila kualanya sudah dibersihkan dan hulu Kelantan tidak banjir. Pasir Puteh juga tidak akan banjir. Pasir Mas memang tidak banjir Tuan Pengerusi. Kota Bharu yang berhampiran juga banjir. Jadi dengan cara yang sedemikian, kita boleh menyelamatkan rakyat, menyelamatkan harga benda rakyat, boleh menyelamatkan anak-anak kita dan anak-anak kita boleh pergi sekolah serta boleh masuk peperiksaan yang berlaku sekarang ini.

Saya bimbang kalau banjir yang begitu besar turun di Pantai Timur khususnya seperti di Kelantan, Terengganu dan Pahang yang menyebabkan pelajar-pelajar kita terbantut untuk meneruskan ujian peperiksaan SPM mereka. Ini adalah anak kita, masa hadapan anak kita dan kita mesti melihat dalam penglihatan yang umum. Dalam erti kata yang lain, kita melihat masa hadapan anak-anak kita. Itu belum lagi kalau kita bincang tentang kerugian harta yang melibatkan semua rakyat baik di negeri Kelantan ataupun di lain-lain negeri di Pantai Timur. Sebab itulah saya minta supaya langkah ini disegerakan dan kapal korek yang pernah berlabuh di Pantai Timur ataupun di perairan pantai besar itu mestilah dihantar semula setelah ditarik balik.

Saya diberi maklum bahawa kapal korek ini ditarik balik pada tahun 1990 dahulu. Saya tidak tahu apakah sebabnya dan sekarang ini tidak tahu apakah dihantar balik ataupun belum? Saya minta supaya bukan satu kapal korek. Dua atau tiga buah kapal korek mesti dihantar ke sana untuk menyelamatkan rakyat Kelantan dan harta-harta kita daripada dihanyutkan air begitu sahaja.

Yang keduanya Tuan Pengerusi, iaitu saya melihat bahawa dalam butiran seterusnya Butiran 16500 yang melibatkan peruntukan RM5,600,000 untuk banjir di Sabah. Saya tengok bagaimana hendak mengatasi banjir ini ada di negeri-negeri lain, di Sabah ada, di negeri lain ada tetapi di negeri Kelantan saya tidak dapat melihat butiran. Mengapa di negeri Kelantan yang terdedah dengan banjir tidak ada dalam butiran ini, tidak tahulah barangkali takut saya tidak nampak. *Wallahualam.*

Tuan Chong Chieng Jen [Bandar Kuching]: Tidak adil, tidak adil, tidak adil.

Tuan Haji Ismail bin Noh [Pasir Mas]: Kerana itu saya bangun tadi hampir satu jam, tetapi saya tidak diberi kesempatan. Alhamdulillah, Dato' orang baik kena pergi Kelantan, boleh bercakap Kelantan, alhamdulillah. Banyak butiran yang saya sebutkan tadi.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Akan tetapi jangan panjang Yang Berhormat, pendek sahaja.

Tuan Haji Ismail bin Noh [Pasir Mas]: Ya, tidak panjang tetapi saya minta sedikit Tuan Pengerusi kerana banjir yang berlaku di Kelantan bukan berlaku di Kuala Lumpur sekarang ini, tidak berlaku di negeri lain, berlaku di Kelantan. Saya turun dan mendapat telefon daripada isteri saya banjir sudah dua, tiga hari, hujan dua, tiga hari tidak berhenti. Hujan di Kelantan ini dahsyat, dia tidak turun sejam, dua jam, dia turun lima hari tidak berhenti-henti.

Tuan Pengerusi faham, Tuan Pengerusi tahu, lima hari, enam hari, seminggu, kadang-kadang setengah bulan dia turun...

Seorang Ahli: Musim tengkujuh!

Tuan Haji Ismail bin Noh [Pasir Mas]: Setengah bulan betul dia turun, musim tengkujuh tetapi kalau pantai itu dibuka, dibersihkan daripada tambunan pasir maka airnya mengalir dengan begitu laju menuju laut akhirnya sekali tidak banjir.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya, gulung Yang Berhormat ya.

Tuan Haji Ismail bin Noh [Pasir Mas]: Yang kedua Tuan Pengerusi dan yang paling penting Tuan Pengerusi, tebing Sungai Golok ini saya tengok Thailand sudah pun buat benteng barangkali dalam 20 kilometer dia buat benteng di tebing Sungai Golok. Bila airnya banjir, dia tidak banjir di Thailand dia banjir di sebelah Kelantan, kampung yang terlibat dengan banjir ialah Kampung Meranti, kampung itu besar, yang melibatkan suatu Dewan Undangan Negeri. Jadi saya mintalah dalam Kampung Meranti itu ada lagi kampung-kampung lain yang terlibat, Kampung Kolam tenggelam betul, tenggelam betul. Baru-baru ini saya pergi, kalau saya ini ada dua orang lagi, tenggelam lagi, bukan sekadar saya ada dua orang lagi saya tenggelam lagi Tuan Pengerusi. Kampung Kolam, Kampong Banggor, Kampung Cak Kubur dan beberapa kampung tenggelam, kerana apa? Kerana kita tidak ada benteng. Saya minta kepada Kerajaan Pusat segeralah buat benteng.

Ada dua perkara Tuan Pengerusi, pertama sekali kampung-kampung kita tidak tenggelam, saya melihat baru-baru ini bagaimana pelajar-pelajar yang berada di sekolah itu barangkali tidak boleh masuk sekolah kerana di sekolah penuh dengan pelarian-pelarian banjir. Mereka lari di sekolah-sekolah Pangkal Kala, mereka lari pada Sekolah Meranti, mereka lari di madrasah dan pelbagai, sehingga tidak ada sekolah, tidak ada madrasah, tidak ada balai polis. Boleh kita tanya maklumat ini betulkah atau tidak melalui Balai Polis Meranti betul atau tidak kenyataan saya pada hari ini, kasihan kepada mereka....

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya, cukup Yang Berhormat.

Tuan Haji Ismail bin Noh [Pasir Mas]: Jadi sekolah-sekolah kita penuh dengan pelajar-pelajar, dengan orang kampung. Kemudian jalan raya penuh dengan binatang, jalan raya penuh dengan binatang dan saya terpaksa *parking* kereta saya dua batu, tiga batu berjalan kaki untuk melihat banjir, terpaksa berjalan kaki kerana lembu dan kerbau berada di tengah jalan raya, hasil daripada Sungai Golok tidak dibentengkan. Thailand benteng, sebelah Malaysia tidak dibentengkan.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya, cukup Yang Berhormat ya.

Tuan Haji Ismail bin Noh [Pasir Mas]: Jadi minta supaya dibentengkan. Yang kedua Tuan Pengerusi, yang paling penting sekali bila kita tidak....

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Berapa kali, ini tiga kali yang kedua Yang Berhormat.

Tuan Haji Ismail bin Noh [Pasir Mas]: Kita tidak..., benteng Tuan Pengerusi! Apabila tidak ada benteng dia berlaku hakisan, apabila berlaku hakisan tidak berlaku di sebelah Thailand, dia berlaku sebelah Malaysia....

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya, sudah faham.

Tuan Haji Ismail bin Noh [Pasir Mas]: Apabila berlaku sebelah Malaysia Tuan Pengerusi...

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Sudah faham sudah itu, tadi Yang Berhormat sudah cakap.

Tuan Haji Ismail bin Noh [Pasir Mas]: Saya akhirkkan. Apabila berlaku di sebelah Malaysia Tuan Pengerusi, perairan antarabangsa dia berganjak, berganjak, berganjak dan dia masuk ke perairan Malaysia, sudah sekian banyak bumi Malaysia ditelan oleh sungai. Ini merupakan satu kerugian yang besar dan oleh yang demikian saya minta pegawai-pegawai kita, juruukur kita, pegawai-pegawai di kementerian kita melihat supaya tanah kita tidak hilang berpuluh-puluh kilometer bukan satu kilometer ini.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Cukuplah Yang Berhormat ya.

Tuan Haji Ismail bin Noh [Pasir Mas]: Berpuluh-puluh kilometer, tanah kita hilang hasil daripada hakisan banjir daripada Sungai Golok tadi dan melibatkan kerugian harta, kerugian tanaman dan berbagai-bagai lagi. Jadi saya minta sungguh daripada Kementerian supaya melihat perkara ini dengan seriusnya, moga-moga ianya tidak berulang, insya-Allah. Sekian, terima kasih.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Bandar Kuching.

4.53 ptg.

Tuan Chong Chieng Jen [Bandar Kuching]: Terima kasih Tuan Pengerusi, saya ingin merujuk kepada pengairan dan saliran dan saya ingin tanya Yang Berhormat Menteri tentang satu projek yang spesifik, di mana ia adalah projek untuk *construction and completion of flood mitigation works for Sungai Padungan cashment Kuching Sarawak, phase 2*. Mengikut maklumat yang saya dapat, tender untuk projek ini telah dikeluarkan dan semua kontraktor telah mengemukakan tender mereka dalam bulan April tahun ini dan kenapa sehingga sekarang sudah sampai November belum lagi projek ini dilaksanakan.

Saya ingin tahu kenapa ada tender buka sepatutnya dana sudah ada di sana, tetapi kenapa selepas tender tutup enam bulan sudah lepas dan tiada apa-apa kerja telah dimulakan mengenai projek ini. Saya menuju kepada projek ini kerana ia mengenai satu kawasan Jalan Mendu, Kuching di mana terletaknya satu sekolah *SJK(C) Primary School number five*. Setiap kali ada hujan yang berturutan setengah jam atau satu jam banjir akan berlaku, bilik darjah dan sekolah ini akan dibanjiri oleh air satu atau dua kaki dan murid-murid tidak dapat belajar. Ini adalah hakikat apa yang telah terjadi di kawasan itu dan kenapa projek yang saya ingin tahu, apa yang terjadi kepada dana untuk projek ini selepas tender dibuka, tetapi tidak ada apa-apa dilaksanakan.

Keduanya, adalah mengenai tebatan banjir di Kuching, Sarawak dengan spesifiknya. Saya diberitahu juga bahawa di bawah Rancangan Malaysia Kesembilan, sebanyak RM197 million telah diluluskan untuk tebatan banjir di Sarawak, dan ia akan ditumpukan untuk dua *major* projek ia adalah *Kuching flood bypass* dengan *Sibu Flood Mitigation Project*.

Saya ingin tahu setakat kini berapa di antara 197 million itu telah disalurkan untuk kedua-dua projek ini, dan telah disalurkan ke Sarawak dan saya juga ingin tahu di antara butiran-butiran di dalam buku ini, bajet ini, berapa million akan disalurkan kepada kedua-dua projek ini di Sarawak untuk tebatan banjir, kerana mengikut penelitian saya tidak ada satu pun butiran disebutkan di dalam ini untuk tebatan banjir di Sarawak. Apa yang saya diberitahu oleh Jabatan Perairan dan Saliran Bahagian Sarawak ialah, Kerajaan Sarawak telah memohon daripada Kerajaan Persekutuan sejumlah 708 million untuk tebatan banjir, dan sejumlah RM197 million telah diluluskan di bawah Rancangan Malaysia Kesembilan. Saya ingin tahu berapa jumlah akan disalurkan di dalam tahun 2007? Terima kasih.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya, Ahli-ahli Yang Berhormat ada empat lagi yang hendak bercakap Yang Berhormat, saya beri 3 minitlah Yang Berhormat bagi Seputeh.

4.58 ptg.

Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]: Terima kasih Tuan Pengerusi, pertama sekali kena memberi pujian kepada Tuan yang mana mengulangi ucapan saya semalam. Saya berharap pihak Kementerian boleh mengambil perhatian terhadap pencabulan hak bagi orang di Sabah terhadap tanah mereka.

Tuan Pengerusi, saya ingin merujuk kepada Butiran 02000 - Pengurusan dan Perundangan Tanah dan Butiran 06000 - Jabatan Alam Sekitar (JAS).

Tuan Wilfred Madius Tangau [Tuaran]: Pembedulan Yang Berhormat Seputeh, saya lebih awal berucap itu, Yang Berhormat baru semalam.

Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]: Tidak apalah, kita saling menyokong....

Tuan Wilfred Madius Tangau [Tuaran]: Jabatan Perdana Menteri, saya yang lebih awal, terima kasih.

Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]: Kita saling menyokong bagi orang Sabah supaya orang di Sabah tidak di *marginalize*. Tuan Pengerusi, saya hendak bangkitkan isu hak milik strata. Ramai pemaju perumahan mencabuli harta hak milik strata, mereka tidak memohon hak milik strata bagi kondominium yang dibina oleh mereka selepas memperoleh CF daripada majlis perbandaran. Selalunya kita lihat, pejabat tanah tidak menjalankan pemantauan terhadap kesemua projek perumahan yang dikehendaki untuk permohonan hak milik strata.

Apabila pejabat tanah mendapati pemaju sesetengah projek tidak membuat permohonan hak milik strata, pegawai di pejabat tanah juga tidak mengambil apa-apa tindakan terhadap pihak pemaju. Jadi soalan saya ialah bukannya ini menunjukkan pejabat tanah dan galian tidak menghormati undang-undang dan tidak menjalankan tugas mereka. Contoh yang paling ketara ialah Palm Spring Condominium di Damansara. Apabila pembeli rumah mengadakan bantahan dan tunjuk perasaan terhadap pihak pemaju, pemaju pula mengambil tindakan mahkamah untuk mendakwa mereka atas sebab mencemarkan nama baiknya.

Jadi Persatuan Penduduk Palm Spring Condominium ini mereka sebenarnya telah pun menulis surat kepada Yang Berhormat Menteri pada beberapa bulan yang lepas tetapi sampai sekarang mereka pun tidak menerima apa-apa respons daripada pihak kementerian dan juga Yang Berhormat Menteri. Saya ingin menyeru Yang Berhormat Menteri boleh mengambil berat atas keluhan mereka.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya, cukuplah Yang Berhormat.

Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]: Lembaga Hak Milik Strata ataupun *Strata Title Board* sebenarnya adalah termaktub dalam Akta Hak Milik Strata tetapi kesannya kementerian tidak melakukan usaha yang gigih untuk menubuhkan Lembaga Hak Milik Strata di setiap negeri. Sekarang hanya pejabat tanah di Pulau Pinang yang telah menubuhkan Lembaga Hak Milik Strata sahaja. Apakah ini salah kementerian ataupun salah kerajaan negeri? Apakah ini juga menunjukkan kementerian tidak ada kuasa sebenar tetapi tunduk kepada kerajaan negeri dan tiada kuasa ke atas pejabat tanah pada tahap negeri.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat Seputeh, cukuplah.

Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]: Bagi kondominium yang telah..., Tuan Pengerusi, saya berharap dapat dua minit lagi kerana ada beberapa isu lagi. Saya hendak bangkitkan bagi kondominium yang sudah menubuhkan *management corporation*. Masalah yang dihadapi oleh sesetengah persatuan penduduk kondominium yang mempunyai pemecahan dalaman, isu undi *proxy* merupakan salah satu masalah yang dihadapi oleh mereka.

Selalunya orang yang mempunyai undi *proxy* yang paling banyak pun menjadi *king maker* yang menentukan siapakah yang menjadi pengerusi ataupun ahli jawatankuasa bagi persatuan penduduk untuk menguruskan *management corporation*. *King maker* ini selalu terdiri daripada ejen hartanah ataupun pengurus kedai dalam sesebuah kondominium dan ini selalunya menjejaskan proses pemilihan jawatankuasa penduduk dan mencetuskan perbalahan di dalam sesebuah kondominium.

Di kawasan saya, salah satu kondominium yang pernah menghadapi masalah ini malah membawa perbalahan mengenai undi *proxy* ini ke mahkamah. Jadi saya mencadangkan supaya pindaan terhadap Akta Hak Milik Strata yang akan datang ini boleh menghadkan bilangan undi *proxy* yang dipegang oleh sesebuah kondominium untuk mengelakkan sesiapa yang menjadi *king maker*...

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya, habiskan ucapan Yang Berhormat Seputeh.

Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]: ...Dalam pemilihan jawatankuasa persatuan penduduk. Akhir sekali ialah mengenai isu alam sekitar. Saya hendak tanya tentang apakah terjadi kepada projek *incinerator* mega di Broga. Kita telah lama membaca bahawa projek mega ini dibatalkan tetapi pihak kerajaan tidak membuat pengumuman secara rasmi atas isu ini. Kenapa? Adakah ini disebabkan oleh pihak yang membuat *incinerator* ini...

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya, cukuplah Yang Berhormat.

Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]: ...Akan mengadakan tindakan mahkamah terhadap kerajaan. Jadi saya hendak minta penjelasan. Yang ketiga ialah...

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya, cukuplah Yang Berhormat. Yang Berhormat bagi Bagan, sila.

Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]: Yang Berhormat, sedikit, sedikit lagi saya gulung. Yang Berhormat Menteri juga pernah memberi sokongan kepada penggunaan teknologi RTF yang menentang cara kitar semula bagi penyelenggaraan sampah.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Cukuplah Yang Berhormat bagi Seputeh. Saya sudah beritahu, Yang Berhormat bagi Seputeh.

Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]: Apakah kementerian mengadakan rancangan...

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Kena bagi peluang kepada orang lain berucap.

Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]: Satu minit sahaja, satu minit sahaja...
[Disampuk]

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Cukuplah Yang Berhormat bagi Seputeh.

Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]: Apakah kementerian telah mengaturkan rancangan untuk mempelopori teknologi penyelenggaraan sampah...

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Saya hendak bagi peluang kepada orang lain, Yang Berhormat. Cukuplah.

Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]: ...Ini seluruh negara yang menekankan...

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Cukup! Yang Berhormat bagi Seputeh.

Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]: ...Proses kitar semula?... [Sistem pembesar suara dimatikan]

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Cukuplah, cukuplah Yang Berhormat bagi Seputeh.

Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]: [Menyampuk]

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat bagi Bagan. Cukup, cukup. Sila. Cukuplah, orang lain hendak berucap juga. Yang Berhormat bagi Bagan, sila.

Cik Fong Po Kuan [Batu Gajah]: Akan tetapi yang awal-awal itu berucap lama-lama.

Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]: [Menyampuk]

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Kita sudah bagi peluang. Kita kesuntukan masa, Yang Berhormat.

Cik Fong Po Kuan [Batu Gajah]: [Menyampuk]

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Cukuplah. Yang Berhormat bagi Bagan, sila.

Beberapa Ahli: *[Menyampuk]*

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat, bila kita tegur, kena ikut peraturan.

Cik Fong Po Kuan [Batu Gajah]: Kita mesti adillah.

Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]: Ya, isu negara. Apa maknanya saya menunggu berapa jam tetapi tidak boleh berucap?

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Cukuplah ya.

Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]: Tuan Pengerusi, sebenarnya saya hendak gulung satu *point* lagi sahaja... *[Disampuk]* Ya, terima kasih Tuan Pengerusi.

Plastik merupakan salah satu jenis bahan yang merosakkan alam sekitar tetapi kesannya plastik digunakan secara berleluasa di negara kita. Jadi saya hendak tanya sama ada Kementerian mempunyai rancangan untuk....

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya, cukuplah Yang Berhormat bagi Seputeh.

Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]: ...Menggalakkan pengeluaran bahan muatan yang bukan plastik seperti yang diadakan di negara lain.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Cukuplah, Yang Berhormat bagi Seputeh.

Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]: Dan akhirnya tentang jerebu di mana saya hendak tanya sama ada Kementerian akan mencadangkan untuk mengenakan *carbon tax* terhadap kilang-kilang dan juga syarikat petroleum yang telah mencemarkan udara kita kerana jerebu itu juga disumbangkan oleh pengeluaran asap daripada kilang dan juga syarikat tempatan. Sekian, terima kasih.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat Menteri, sila mula jawapan.

Beberapa Ahli: *[Bangun]*

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Cukuplah.

Tuan Lim Hock Seng [Bagan]: Mana boleh, tadi sudah sebut saya punya nama.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: Cakap pendek-pendeklah.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Saya sudah minta pendek. Yang Berhormat tidak ikut peraturan.

Beberapa Ahli: *[Menyampuk]*

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Tiga minitlah, Yang Berhormat, sila. Tidak apa menteri, saya bagi peluang.

5.06 ptg.

Tuan Lim Hock Seng [Bagan]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya juga ingin menyentuh berkenaan dengan Butiran 060000 – Alam Sekitar. Ini berkenaan dengan pesta jerebu tahunan. Ini ada tulisan berkata bahawa *next year* iaitu 2007, kesan *El Nino* akan berlaku dan jerebu akan lebih serius lagi.

Apa tindakan diambil oleh kerajaan supaya jerebu di negara kita ini boleh dikurangkan memandangkan tahun hadapan adalah 50 tahun negara kita merayakan kemerdekaan dan ini pasti sekiranya ada jerebu, ia akan memudaratkan industri pelancongan negara kita ini. Kita juga melarang pembakaran terbuka di seluruh negara tetapi sekam-sekam padi, sisa-sisa sawah padi dan juga tebu-tebu boleh dilakukan secara terbuka.

Yang kedua, Butiran 15100 – Mencegah Hakisan Pantai di kawasan Butterworth dari Teluk Air Tawar terus ke Bagan Jermal, pantainya masih menghadapi hakisan. Saya ingin menanya dalam bajet ini, adakah sebarang peruntukan diperuntukkan supaya kerja-kerja mencegah hakisan dilakukan.

Butiran 15300 – Mengorek Kuala-kuala Sungai. Saya ingin menanya kerajaan, ke manakah selut-selut atau lumpur-lumpur ini dibuang. Kalau dibuang berdekatan tempat yang dikorek juga, ia akan dibawa balik oleh ombak-ombak. Apakah pengawasan-pengawasan dan pengawalan supaya selut-selut yang dikorek itu dibuang ke satu tempat di lautan besar dan bukan berdekatan tempat yang dikorek itu? Sekian, terima kasih.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya. Yang Berhormat bagi Ipoh Barat.

5.08 ptg.

Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Butiran 080000 – baru-baru ini dua minggu dahulu di Sungai Pari, di Ipoh, titi *retaining wall* telah *collapse* dan saya difahamkan sebanyak RM60 juta telah diagihkan sebelum ini. Kontrak telah diberi untuk *retaining wall* ini. Akan tetapi tiba-tiba satu hari, masa itu malam, *retaining wall* semua ini yang baru dibuat tidak sampai satu bulan semua telah runtuh dan air banjir telah masuk ke rumah-rumah, dekat 20 rumah di mana harta benda mereka telah pun rosak akibatnya.

Saya sendiri telah pergi ke tempat tersebut dan bila saya melaporkan kepada jabatan tersebut dan saya menanya kepada pegawai tersebut kenapa tidak ada *piling* yang dibuat. Saya hairanlah, Tuan Pengerusi, saya bukan seorang *engineer*. Dua hari selepas apa yang saya kata, *piling* telah dimulakan dan *retaining wall* itu dibuat selepas kita membuat aduan-aduan. Apakah tindakan yang telah diambil dan apakah kesedaran yang telah diketahui? Adakah tindakan akan diambil terhadap kontraktor-kontraktor yang menjalankan dan membuat projek tersebut dan juga pegawai-pegawai yang datang ke sana yang tidak kawal selia dengan baik?

Yang kedua adalah mengenai alam sekitar di kawasan Taman Tasik Jaya di Ipoh yang saya telah bangkitkan seminggu dahulu di mana sulfur dioksida yang dikatakan di seluruh dekat kawasan perindustrian tersebut kerap kali berlaku. Pada Sabtu yang lalu dan Ahad, saya telah dipanggil oleh penghuni-penghuni di sana di mana saya boleh hidu bau di sana. Seorang yang pakar dalam hal ini mengatakan ini adalah sulfur dioksida. Walaupun jabatan telah mengambil tindakan pada tahun 2005 terhadap satu kilang dan meng *compound* mereka.

Saya difahamkan perkara ini berlaku pada waktu petang selepas pukul lima, selepas semua kakitangan kerajaan sudah balik ke rumah dan pada hari Sabtu dan Ahad. Apakah tindakan yang akan diambil supaya perkara ini tidak terjadi memandangkan *sulfur dioxide* adalah suatu perkara yang sangat serius yang akan mengakibatkan kanser dan juga membawa asma dan penyakit yang berkaitan. Terima kasih.

5.11 ptg.

Ir. Shaari bin Hassan [Tanah Merah]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya ingin menyentuh pasal 06000 – Jabatan Alam Sekitar dan juga 040000 – Mineral dan Geosains.

Sebagaimana kita tahu di negeri Kelantan banjir setiap tahun dan di hujung tahun banjir tetapi kita kena ingat bahawa faktor yang menyebabkan banjir selain daripada hujan, faktor manusia juga penting kerana di Kelantan kita tengok di kawasan saya hari ini dan akhir-akhir ini di mana di kawasan pembalakan yang diluluskan di mana atas dasar untuk mengambil emas. Ini saya yakin juga memberi kesan.

Saya mahu tanya kementerian sama ada penebangan balak hampir 10,000 hektar kepada 72 pelesen yang telah diluluskan oleh kerajaan negeri kepada individu ataupun syarikat tertentu ini memberi kesan kepada alam sekitar dan juga menyebabkan sungai-sungai cetek akibat daripada hakisan kawasan tadahan ke sungai menyebabkan sungai cetak.

Walau bagaimanapun, kalaulah kita buat benteng setinggi mana pun benteng kalau sungai ini tidak dijaga disebabkan oleh hakisan daripada kawasan-kawasan tadahan yang begitu besar apakah peranan Jabatan Geosains yang menyokong kelulusan kepada lombong emas kerana sokongan daripada Jabatan Geosains kerana kawasan yang hampir 10,000 hektar ini begitu benar adakah ada emas ataupun tidak. Apakah ia ekonomik untuk dilombong dan sebagainya.

Hari ini kita dapat bukti bahawa kawasan lombong yang diluluskan ini tidak dikerjakan dengan melombong hanya satu sahaja tempat yang diluluskan diusahakan dengan lombong emas. Saya hendak kementerian pastikan kenapa ini berlaku, kenapa kelulusan ini berlaku dan benarkah emas begitu banyak di kawasan Blok Soko, Tanah Merah dan saya minta kementerian supaya mengambil pendekatan tertentu untuk memastikan kawalan alam sekitar ini walau pun bidang kuasa tanah di bawah kerajaan negeri. Saya minta kepada kerajaan negeri lihatlah dan jangan kita mengambil kesempatan untuk memusnahkan alam sekitar demi kepentingan tertentu sedangkan kita tidak tahu akibat daripada kemusnahan hutan yang besar ini. Sekian, terima kasih.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat bagi Ipoh Timor, kemudian kementerian menjawab.

5.13 ptg.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: Butiran 010000. Saya mahu tanya Yang Berhormat Menteri sama ada kementerian ini, apa kedudukan dan pendirian kementerian mengenai masalah perubahan iklim khususnya sama ada satu Pasukan Petugas Khas mengenai perkara ini khususnya oleh kerana baru-baru ini ada satu laporan Nicholas Saturn Report. Laporan oleh bekas *Chief Economist* Bank Dunia yang mengatakan bahawa tidak boleh tunggu dan tidak ada masa untuk tunggu untuk menyelesaikan perkara semacam ini. Tidak tunggu sehingga lima tahun untuk memeterai *Quito Protocol*. Jikalau tidak, mungkin sampai 200 juta orang boleh menjadi pelarian oleh kerana rumah mereka akan menjadi sasaran *draught* dan *flood* dan adakah kita ada satu *position* dalam perkara apa yang kita lakukan dalam negara kita khususnya.

Oleh kerana baru-baru ini kita baru mengadakan *Centre For Poverty and Development Studies* di ketuai atau dipengerusikan oleh Royal Professor Ungku Aziz ialah Jeffrey Sachs yang seorang *economist* yang terkemuka dan beliau ialah *Director Earth Institute* dan tugas utama *Earth Institute* ialah untuk *mitigate harmful effect*, dengan izin, mengenai *climate change*.

Saya rasa dalam perkara ini kementerian yang berkenaan patutlah ada pendirian dan saya berharap kita boleh ada satu penjelasan daripada Yang Berhormat Menteri.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya, dijemput Yang Berhormat Menteri sila mulakan jawapan.

5.15 ptg.

Menteri Sumber Asli Dan Alam Sekitar [Dato' Seri Azmi bin Khalid]: Tuan Pengerusi, saya ingin mengucapkan terima kasih kepada 24 orang Ahli Yang Berhormat yang membangkitkan di bawah tajuk jawatankuasa ini dan permulaannya saya ingin menjawab satu persatu. Banyak yang dibangkitkan adalah amat relevan pada hari ini dan soalan saya akan menjawab pertama bukan kerana Yang Berhormat bagi Ipoh Barat itu kerana dia Ketua Pembangkang tetapi isu ini adalah isu yang diambil kira di peringkat dunia iaitu isu *global warming*, kepanasan.

Global warming yang hari ini menjadi suatu perkara yang pokok yang diperbincangkan dan alam sekitar hari ini merupakan isu politik di negara-negara Barat. Memang satu laporan yang dikeluarkan oleh dikatakan *Saturn Report* mengatakan dalam beberapa tahun yang akan datang suhu di seluruh dunia akan meningkat 2° *Celsius* di semua kawasan dan ini akan menjadi ancaman yang besar di seluruh dunia pada semua negara.

Isu *Quito Protocol* yang enggan ditandatangani oleh Amerika Syarikat, enggan ditandatangani oleh proksinya iaitu Australia, mereka adalah dua negara besar yang mengeluarkan karbon yang begitu besar di dunia tetapi tidak khasnya, khususnya Amerika Syarikat yang tidak mahu menandatangani *Quito Protocol* tetapi mereka juga walau pun mereka tidak terlibat tetapi mereka adalah penjual beli yang terbesar *Carbon Credit*. Mereka tidak menandatangani, tidak menyertai *Quito Protocol* tetapi antara *instrument Quito Protocol* ialah *carbon credit* dan mereka merupakan pedagang *carbon credit* yang terbesar. Mereka mendapat untung yang besar dalam *carbon credit* tetapi mereka tidak menyertai apa yang disarankan oleh dunia. Ini sebagai makluman kepada Yang Berhormat dan ahli-ahli dewan pada hari ini.

Berbalik kepada Yang Berhormat bagi Serdang, memang Sungai Kuyoh...

Dato' Yap Pian Hon [Serdang]: Sungai Kuyoh.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: Terima kasih mengenai penjelasan ini tetapi apa pendirian kita dan apa yang kita buat dalam perkara ini.

Dato' Seri Azmi bin Khalid: Malaysia menyertai lebih daripada 20 protokol di peringkat antarabangsa hampir semua protokol antarabangsa yang melibatkan alam sekitar, melibatkan segala apa yang ada di peringkat antarabangsa kita menyertainya, semua bidang, jadi kita adalah antara *participant* yang aktif walau pun kecil dan kita mengambil tanggungjawab dalam negara kita, kita memerhatikan bahawa segala apa yang disarankan di peringkat dunia kita akan melaksanakannya dan kita bangga kerana kita merupakan antara 12 negara dunia yang mempunyai apa yang dikatakan *biodiversity* yang tertinggi di dunia. Ini adalah satu perkara yang amat dihargai oleh dunia sendiri kerana kawasan-kawasan yang masih diliputi oleh hutan adalah kawasan-kawasan yang menyumbang ke arah oksigen dan mengurangkan karbon. Walau bagaimanapun dunia yang sedang membangun pesat harus mencari jalan untuk mengurangkan karbon walau pun sedikit mana.

Yang Berhormat bagi Serdang membangkitkan soal Sungai Kuyoh. Sungai ini memang telah diberi kontrak untuk diperbaiki, untuk diperbetulkan dalam tahun 2003 tetapi tidak dapat dilaksanakan dalam tempoh masa yang sepatutnya maka baru sahaja dalam tahun 2005 diselesaikan. Dalam tempoh berkenaan oleh kerana masa begitu panjang untuk disiapkan, apa yang telah dimajukan dari segi pengorekan sungai, sungai berkenaan sudah pun di timbun kembali oleh keladak-keladak. Maka diperlukan sungai berkenaan dikeluarkan suatu kontrak baru bukan oleh kontraktor yang sama tetapi oleh kontraktor yang baru, baru dilantik dalam bulan Oktober ini untuk lebih kurang RM150,000 bagi mendalami semula kawasan-kawasan yang telah didapati cetek setelah tertinggal buat beberapa waktu oleh kontraktor...

Dato' Yap Pian Hon [Serdang]: [Bangun]

Dato' Seri Azmi bin Khalid: Mengenai pentadbiran tanah

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya, Yang Berhormat bagi Serdang bangun Yang Berhormat.

Dato' Yap Pian Hon [Serdang]: Penjelasan Yang Berhormat Menteri.

Dato' Seri Azmi bin Khalid: Ya.

Dato' Yap Pian Hon [Serdang]: Yang penting sekali ialah syarikat pembinaan limpahan Setia Berhad telah menjalankan tugasnya tetapi apakah sebabnya sehingga kini projek tersebut masih tidak siap. Yang penting kalau suatu projek telah diselesaikan, mestilah mengeluarkan satu surat pengesahan kepada Jabatan Parit dan Saliran Wilayah Persekutuan, lepas itu JPS Wilayah Persekutuan serahkan kepada Selangor. Ini adalah suatu cara untuk mengatasi masalah yang telah ditimbulkan. Apa sebab lambat terjadinya demikian dan bilakah akan selesai masalah ini.

Dato' Seri Azmi bin Khalid: Ada dua masalah, Yang Berhormat. Satu masalah banjir, kita kena atasi segera dan dilantik syarikat lain untuk mengatasi masalah itu segera.

Masalah kontrak akan diatasi secara lain, itu terlibat dengan undang-undang dan sebagainya. Jadi, kita tidak boleh menunggu soal undang-undang itu diselesaikan di samping itu kita menunggu bila hendak mengatasi masalah banjir.

Sebanyak RM150,000 telah diperuntukkan untuk membantu mengatasi banjir yang segera. Di samping itu walaupun dikatakan ia menyiapkan kontrak berkenaan pada tahun..., saya tidak tahu di mana letakkan, kertas banyak sangat... *[Menyemak kertas di atas meja]* Tidak apa, saya harap saya akan dapat memberi maklumat yang terperinci kepada Yang Berhormat, tetapi memang kontrak berkenaan lewat dan terpaksa diberi satu kontrak baru kepada syarikat lain untuk mengatasi masalah semasa, di samping itu kita akan mengatasi masalah yang lain...

Dato' Yap Pian Hon [Serdang]: Penjelasan kepada soalan tambahan itu. Selepas membahaskan tajuk ini, saya dapat telefon menyatakan banjir semula di kawasan itu. Saya pun merasa dukacita sedikit. Walau bagaimanapun, dengan adanya peruntukan RM150,000 bolehkah pihak Yang Berhormat boleh mencari punca sebenarnya berlaku, yang dikenal pasti oleh JPS Selangor. Apa sebab berlaku lagi? Ini sebab ada dua parit terus sampai ke sungai itu tetapi semasa paras air Sungai Kuyuh naik, tenggelam balik. Bolehkah diberi keutamaan di belok parit itu supaya tidak ada, yang kalau boleh, boleh diselesaikan masalah banjir di situ.

Dato' Seri Azmi bin Khalid: Yang Berhormat, saya tidak mahu berdebat dengan Yang Berhormat mengenai soal teknikal. Soal teknikal saya serahkan kepada jabatan. Sebagai membetulkan maklumat, kontrak berkenaan dikeluarkan dalam tahun 2001, jumlahnya RM15.6 juta. Ia daripada 18 bulan yang sepatutnya disiapkan sudah memakan masa 44 bulan... *[Disampuk]* Memang jabatan tidak berpuas hati. Dari segi teknikalnya saya rasa izinkan. Saya pun tahu bahawa sekejap ini saya dapat nota bahawa pegawai berkenaan hendak ke sungai yang berkenaan kerana sudah wujud lagi banjir pada hari ini.

Soal tanah, izinkan saya maklumkan kepada beberapa Ahli Yang Berhormat yang membangkitkan soal tanah, iaitu soal penipuan dan soal hak milik strata. Soal penipuan, saya rasa akan dapat diatasi setelah semua pejabat tanah melaksanakan sistem e-tanah, menggunakan sistem berkomputer dan satu projek perintis telah bermula di Pulau Pinang dan kita akan melaksanakan di semua negeri dalam tahun-tahun yang akan datang. Di peringkat Persekutuan, di peringkat kementerian, satu sistem Mc'D akan diperkenalkan, di mana semua maklumat dapat diperolehi daripada semua pelanggan mengenai soal tanah, siapa pemiliknya, sama ada sudah membayar cukai dan sebagainya sebelum urusan-urusan perniagaan jual beli dapat dijalankan.

Pada ketika ini semua pejabat-pejabat tanah masih menggunakan sistem lama, menggunakan sistem-sistem yang diperkenalkan dahulu, jadi walaupun tidak efisien tetapi berbanding dengan banyak negara yang mencapai kemerdekaan dalam tempoh yang sama, saya rasa kita masih ke hadapan. Walaupun begitu kita tidak mahu membandingkan negara-negara yang mundur, kita mahu membandingkan negara-negara yang maju.

Dato' Yap Pian Hon [Serdang]: Yang Berhormat, penjelasan. Yang Berhormat Menteri ini berkaitan dengan penipuan yang berlaku kerana pemilik asalnya tidak tahu apa sebabnya hak miliknya telah ditukar begitu mudah. Adakah pihak kementerian akan mengkaji semula atau semak semula Kanun Tanah Negara untuk memperketatkan lagi prosedurnya, untuk mengelakkan kejadian ini berlaku lagi.

Dato' Seri Azmi bin Khalid: Terima kasih, kita sedang mengkaji untuk mengatasi masalah ini. Saya tahu di Pulau Pinang dan beberapa negeri di Semenanjung di dalam Malaysia yang didapati pemiliknya yang meninggal dunia dalam awal 1900 telah meninggal. Hari anak cucu dia pun tidak tahu di mana. Ada orang mengakui dia waris dan membuat sumpah di mahkamah dan sebagainya dan penukaran harta itu berlaku dan kemudiannya waris yang sebenarnya timbul. Semuanya ini adalah perkara-perkara yang berlaku di dalam urusan tanah yang kita pun tahu, dan kita harap ini dapat diatasi dengan perubahan-perubahan akta yang perlu.

Yang Berhormat bagi Batu Pahat, terima kasih kerana Yang Berhormat amat prihatin tentang taman laut. Memang kita ketahui bahawa sebuah marina telah diwujudkan dan kita tahu juga bahawa nasib *coral* yang sepatutnya mereka pelihara tidak dapat dipelihara sebahagian besarnya, maka Yang Berhormat menyatakan 15% sahaja hidup semula. Begitu juga projek *airport* ataupun lapangan terbang, yang mana Kabinet telah mengarahkan kementerian mengkaji semula kesesuaian diwujudkan lapangan terbang di situ.

Kajian ini akan dibuat secara terperinci, lebih terperinci daripada dahulu supaya segala pembangunan dapat dilihat dalam cara yang lebih holistik. Kita juga bersetuju bahawa banyak di kawasan-kawasan di negara kita ini, sama ada dalam kawasan hutan atau kawasan-kawasan yang kita dapati banyak hidupan liar, kita wujudkan apa dikatakan *eco-educational tourism* atau *eco-edu tourism*. Ini melibatkan penglibatan orang-orang yang lebih berpengetahuan dalam bidang kehidupan liar dan sebagainya untuk melibatkan diri dalam pengisian untuk mengisikan kandungan dalam program-program dan pakej *tourism* bagi semua yang datang ke negara kita.

Yang Berhormat bagi Batu Pahat juga membangkitkan soal banjir, hakisan pantai dan semuanya. Sememangnya banyak daripada Yang Berhormat telah membangkitkan soal hakisan pantai, soal banjir, sungai dan sebagainya. Saya rasa biarlah saya sebut terus kepada semua bahawa lebih daripada 180 batang sungai di negara kita, 20 batang sungai amat tercemar. Amat tercemar bermakna airnya tidak boleh, tidak wajar disentuh oleh badan manusia. Itu tercemar. Tujuh batang sungai ini memerlukan belanja sebanyak RM20 bilion untuk dirawat. Mahal harganya. Itu untuk 17 daripada beberapa sungai yang telah tercemar.

Memandangkan peruntukan kewangan terhad, kementerian yang bertanggungjawab, kementerian saya, membuat permohonan tetapi bergantung kepada Kementerian Kewangan, bergantung kepada kerajaan menentukan keutamaan-keutamaan. Kita hanya mendapat peruntukan yang tertentu dan sememangnya untuk menggunakan peruntukan tersebut kita kena mencari, memberi keutamaan kepada sungai-sungai yang dianggapkan perlu disegerakan.

Semua Yang Berhormat menyatakan kawasan Yang Berhormat yang paling perlu disegerakan tetapi itu pendapat Yang Berhormat, tetapi di peringkat kementerian ada ciri-ciri dan kriteria yang kita perlu ikut. Oleh kerana itu kerajaan menggalakkan, sedang melihat bagaimana untuk menggalakkan *Private Financing Initiative* atau PFI, tetapi sampai hari ini saya sendiri masih belum mendapat satu cadangan yang tepat dan bergantung pula dengan kelulusan yang mungkin dapat diizinkan oleh Kementerian Kewangan bagaimana PFI ini akan dapat dilaksanakan bagi pengurusan dan pembersihan sungai, termasuk juga yang lain.

Begitu juga pantai-pantai 1,800 kilometer pantai kita memerlukan pemuliharaan. Sedikit demi sedikit tanah kita dihakis oleh laut dan kalau dibiarkan lama-kelamaan kawasan tanah kita, baik di Semenanjung ataupun di Sabah dan Sarawak akan terhakis, akan berkurangan kawasan tanah kita. Di negeri kecil saya pun, kalau dulu lautnya lebih empat batu ke dalam laut, begitu juga di tempat lain. Di Kedah pun, empat batu ke dalam laut. Hari ini kita sudah rugi empat batu atau *four miles into the sea*.

Jikalau kita izinkan ini berlaku, maka tanah kita akan berkurangan dan akan menjadi masalah bagi kita pada jangka panjang. Maka, belanja untuk hendak mengatasi masalah ini lebih kurang RM300 juta pada keseluruhannya. Ini juga perlu kita lihat bagaimana hendak kita atasi kerana peruntukan yang sebenar kurang daripada itu. Saya tidak mahu mengatakan bagaimana hendak mengatasinya pada hari ini tetapi ada cara-cara yang sedang dicadangkan oleh pihak-pihak tertentu termasuk Kementerian Kewangan dan sebagainya.

Hutan-hutan simpan kekal kita dicadangkan oleh....

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat bagi Pasir Mas bangun.

Tuan Haji Ismail bin Noh [Pasir Mas]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Terima kasih Yang Berhormat Menteri. Saya tertarik dengan pandangan dan cadangan Yang Berhormat tentang penghakisan laut. Saya rasa bukan sahaja di Perlis, bukan sahaja di Kedah, di Kelantan menghadapi hakisan yang begitu besar di pantai-pantai negeri Kelantan.

Jadi, saya mengharapkan sangatlah bukan sahaja tiga batu malah lima, enam batu sudah sekarang ini dan geran-geran tanah itu di situ hanya ada pada geran sahaja. Kadang-kadang orang tertipu juga beli geran, beli tanah, tanah sudah dalam laut gerannya ada. Kita bimbang kalau kita lewat ambil tindakan banyak lagi tanah yang akan terhakis.

Yang keduanya, bagaimana rakyat kita tidak sayang kepada sungai? Sekarang ini berlaku pencemaran sungai ini barangkali kerana rakyat kita tidak sayang kepada sungai. Bagaimana tindakan kita?

Dato' Seri Azmi bin Khalid: Yang Berhormat sudah berucap tadi. Cukuplah!

Tuan Haji Ismail bin Noh [Pasir Mas]: Saya hendak tanya Yang Berhormat Menteri, bagaimana hendak mengembalikan supaya rakyat kita ini sayang kepada sungai.

Dato' Seri Azmi bin Khalid: Saya ini kasihan kepada Yang Berhormat juga. Yang Berhormat bangkit banyak perkara dan antaranya ialah berkaitan dengan Kelantan. Di Pasir Mas sendiri baru-baru ini saya hadir ada satu projek untuk mengatasi banjir iaitu di kawasan seluruh Machang, belanjanya lebih kurang RM10 juta dan perancangan sedang dibuat. Ini baru satu kawasan.

Yang Berhormat pada masa itu tidak terlibat tetapi dalam kempen-kempen pilihan raya dahulu pihak parti Yang Berhormat iaitu Parti PAS tanpa meneliti keupayaan kewangan berjanji dengan rakyat dahulu supaya orang Kelantan ini kalau Parti PAS menang tidak payah bayar *road tax* dan warga tua diberi elaun.

Itu masa dahulu tidak tahu tentang kewangan tetapi hari ini Yang Berhormat mungkin sudah sedar bahawa kewangan hendak kita tebatkan banjir pun masalah, hendak mengatasi, hendak membaiki pantai pun masalah. Jadi, diharap lain kali parti Yang Berhormat tidak lagi memberi janji-janji. Tidak apalah, sudah menang itu tidak apa. Kita harap ...[Ketawa] Apa yang kita buat di Kelantan ialah untuk membantu kawasan Pasir Mas oleh kerana orang-orang Pasir Mas ini sudah sedar tentang apakah yang perlu dan apa yang tidak perlu.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat Menteri, kemaskan dan boleh jawab esok.

Dato' Seri Azmi bin Khalid: Boleh jawab esok lagi, jam berapa yang diizinkan? Habis?

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Kalau Yang Berhormat boleh habiskan dalam 10 minit...

Dato' Seri Azmi bin Khalid: Oh, saya tidak habis.

Majlis Mesyuarat bersidang semula.

[Timbalan Yang di-Pertua (Datuk Dr. Yusof bin Yacob) **mempengerusikan Mesyuarat**]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ahli-ahli Yang Berhormat, mesyuarat ditangguhkan sehingga jam 10 pagi esok.

Mesyuarat ditangguhkan pada pukul 5.34 petang.